



**PPIBZW**

**PIAWAIAN PERAKAUNAN ISLAM  
BAGI BAITULMAL, ZAKAT DAN WAKAF  
(PPIBZW)**

**PENDEDAHAN LAIN**

**DISEMBER 2023**



**KERAJAAN MALAYSIA**

**Piawaian Perakaunan Islam  
bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW)**

**PPIBZW**

Pendedahan Lain

Disember 2023

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem penemuan kembali atau ditukar dalam sebarang bentuk atau dengan apa-apa cara sekalipun tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia atau sebagaimana yang dibenarkan secara nyata oleh undang-undang atau di bawah terma yang dipersetujui dengan organisasi yang mempunyai hak reprografi.

Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk diguna pakai oleh Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf di Malaysia.

Disediakan dan diterbitkan oleh:  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
No. 1, Persiaran Perdana  
Kompleks Kementerian Kewangan  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62594 Putrajaya

Tel. : 03-88821000

Web : <https://www.anm.gov.my>

## KANDUNGAN

---

	<b>Muka Surat</b>
<b>Seksyen 27</b> .....	<b>1</b>
<b>Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan</b> .....	<b>1</b>
Skop Seksyen .....	1
Takrif.....	1
Dasar Perakaunan .....	3
Kesilapan.....	11
Had Penyataan Semula Retrospektif.....	12
Aplikasi Retrospektif dan Penyataan Semula Retrospektif yang Tidak Praktikal .....	13
<b>Seksyen 28</b> .....	<b>15</b>
<b>Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan</b> .....	<b>15</b>
Skop Seksyen .....	15
Takrif.....	15
Kebenaran Penyata Kewangan untuk Diterbitkan .....	16
Pengiktirafan dan Pengukuran .....	16
Usaha Berterusan .....	18
Pendedahan .....	20
<b>Seksyen 29</b> .....	<b>23</b>
<b>Pendedahan Pihak Berkaitan</b> .....	<b>23</b>
Skop Seksyen .....	23
Takrif.....	23
Kematanan .....	28
Pendedahan .....	28
<b>Seksyen 30</b> .....	<b>34</b>
<b>Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan</b> .....	<b>34</b>
Skop Seksyen .....	34
Takrif.....	34
Pembentangan Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar .....	37
Nota Pendedahan Asas, Tempoh dan Skop Bajet .....	42
Penyesuaian Amaun Sebenar pada Asas Boleh Banding dengan Amaun Sebenar dalam Penyata Kewangan .....	43
<b>Seksyen 31</b> .....	<b>46</b>
<b>Pengaturan Bersama</b> .....	<b>46</b>
Skop Seksyen .....	46
Takrif.....	46
Pengaturan Bersama.....	47
Penyata Kewangan Pihak-Pihak dalam Pengaturan Bersama.....	49
Penyata Kewangan Berasingan .....	50

## KANDUNGAN

---

Peruntukan Peralihan .....	50
<b>Seksyen 32.....</b>	<b>53</b>
<b>Penyata Kewangan Berasingan .....</b>	<b>53</b>
Skop Seksyen .....	53
Takrif.....	53
Penyediaan Penyata Kewangan Berasingan .....	54
Pendedahan .....	55
Peruntukan Peralihan .....	56
<b>Seksyen 33.....</b>	<b>57</b>
<b>Penyata Kewangan Disatukan .....</b>	<b>57</b>
Skop Seksyen .....	57
Takrif.....	58
Kawalan .....	60
Perkaitan antara Kuasa dengan Manfaat .....	63
Keperluan Perakaunan .....	64
Prosedur Penyatuan.....	64
Pengukuran .....	65
Hak Mengundi Berpotensi .....	65
Tarikh Pelaporan .....	65
Kepentingan Bukan Kawalan.....	66
Kehilangan Kawalan .....	66
Peruntukan Peralihan .....	68
<b>Seksyen 34.....</b>	<b>71</b>
<b>Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama .....</b>	<b>71</b>
Skop Seksyen .....	71
Takrif.....	71
Pengaruh Signifikan.....	73
Kaedah Ekuiti.....	74
Penggunaan Kaedah Ekuiti .....	75
Penyata Kewangan Berasingan.....	80
Peruntukan Peralihan .....	80
<b>Seksyen 35.....</b>	<b>81</b>
<b>Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain .....</b>	<b>81</b>
Skop Seksyen .....	81
Takrif.....	82
Mendedahkan Maklumat Mengenai Kepentingan dalam Entiti Lain .....	83
Pertimbangan dan Andaian Signifikan .....	84

## KANDUNGAN

---

Kepentingan dalam Entiti yang Dikawal .....	85
Kepentingan dalam Pengaturan Bersama dan Entiti bersekutu .....	88
Kepentingan dalam Entiti Berstruktur yang Tidak Disatukan .....	90
Kepentingan Pemilikan yang Tidak dapat Diukur .....	92
Kepentingan Kawalan yang Diperoleh dengan Hasrat untuk Pelupusan .....	92
<b>GLOSARI .....</b>	<b>94</b>

## Seksyen 27

### *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*

#### Skop Seksyen

---

27.1 Seksyen ini menetapkan kriteria bagi memilih dan menukar dasar perakaunan, berserta:

- (a) pengolahan perakaunan dan pendedahan perubahan dalam dasar perakaunan;
- (b) perubahan dalam anggaran perakaunan; dan
- (c) pembetulan kesilapan.

Seksyen ini bertujuan untuk meningkatkan kerelevanan dan kebolehpercayaan penyata kewangan suatu entiti serta kebolehbandingan penyata kewangan tersebut dari semasa ke semasa dan dengan penyata kewangan entiti lain.

27.2 Keperluan pendedahan dasar perakaunan, kecuali bagi perubahan dalam dasar perakaunan, dinyatakan dalam Seksyen 4, Pembentangan Penyata Kewangan.

27.3 Seksyen ini hendaklah diguna pakai dalam memilih dan mengguna pakai dasar perakaunan serta menerangkan sebab perubahan dalam dasar perakaunan, perubahan dalam anggaran perakaunan, dan pembetulan kesilapan tempoh terdahulu.

#### Takrif

---

27.4 Istilah berikut digunakan dalam Seksyen ini dengan maksud yang dinyatakan:

- (a) Aplikasi prospektif bagi perubahan dalam dasar perakaunan dan pengenalpastian kesan perubahan dalam anggaran perakaunan, masing-masing adalah:
  - (i) mengguna pakai dasar perakaunan baharu dalam transaksi, peristiwa lain dan keadaan yang berlaku selepas tarikh dasar tersebut diubah; dan
  - (ii) mengenal pasti kesan perubahan dalam anggaran perakaunan bagi tempoh semasa dan masa hadapan yang terjejas akibat perubahan tersebut.
- (b) Aplikasi retrospektif adalah mengguna pakai dasar perakaunan baharu dalam transaksi, peristiwa lain dan keadaan seolah-olah dasar itu telah lama terpakai.
- (c) Dasar perakaunan ialah prinsip, asas, konvensyen, peraturan dan amalan khusus yang diguna pakai oleh entiti dalam menyediakan dan membentangkan penyata kewangan.

(d) **Kesilapan tempoh terdahulu** ialah ketinggalan daripada penyata kewangan dan salah nyata dalam penyata kewangan entiti bagi satu atau lebih tempoh terdahulu yang wujud akibat kegagalan menggunakan, atau salah guna, maklumat yang boleh dipercayai:

- (i) telah tersedia ketika penyata kewangan bagi tempoh itu diberi kebenaran untuk diterbitkan; dan
- (ii) boleh dijangka secara munasabah telah diperoleh dan diambil kira dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan itu.

Kesilapan tersebut termasuk kesan kesilapan matematik, kesilapan dalam menggunakan pakai dasar perakaunan, terlepas pandang atau salah tafsir fakta, dan penipuan.

(e) **Material:**

Maklumat adalah material jika tertinggal, tersalah nyata atau tersembunyi, maklumat tersebut boleh dijangka mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh pengguna utama bagi penyata kewangan tujuan umum berdasarkan penyata kewangan tersebut, yang memberikan maklumat kewangan tentang entiti pelapor tertentu.

(f) **Perubahan dalam anggaran perakaunan** ialah pelarasan amaun bawaan bagi sesuatu aset atau liabiliti, atau amaun penggunaan berkala bagi sesuatu aset, yang terhasil daripada pentaksiran status semasa, serta jangkaan manfaat masa hadapan dan obligasi yang dikaitkan dengan aset dan liabiliti. Oleh itu, perubahan dalam anggaran perakaunan yang terhasil daripada maklumat atau perkembangan baharu adalah bukan merupakan pembetulan kesilapan.

(g) **Penyataan semula retrospektif** adalah membetulkan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan amaun bagi elemen penyata kewangan seolah-olah kesilapan tempoh terdahulu tidak pernah berlaku.

(h) **Tidak praktikal** ialah apabila suatu entiti tidak dapat melaksanakan sesuatu keperluan setelah berusaha sedaya upaya untuk berbuat demikian. Bagi tempoh terdahulu yang tertentu, adalah tidak praktikal untuk membuat perubahan dalam suatu dasar perakaunan secara retrospektif atau membuat pernyataan semula secara retrospektif bagi membetulkan kesilapan jika:

- (i) kesan aplikasi retrospektif atau pernyataan semula retrospektif tidak dapat ditentukan;
- (ii) aplikasi retrospektif atau pernyataan semula retrospektif memerlukan andaian mengenai hasrat pihak pengurusan dalam tempoh tersebut; atau



**(iii) aplikasi retrospektif atau pernyataan semula retrospektif memerlukan anggaran amaun yang signifikan dan adalah mustahil untuk membezakan secara objektif maklumat tentang anggaran itu yang:**

- a. memberikan bukti tentang keadaan yang wujud pada tarikh amaun itu akan diiktiraf, diukur, atau didedahkan; dan**
- b. tersedia apabila penyata kewangan bagi tempoh terdahulu itu dibenarkan untuk diterbitkan;**

**daripada maklumat lain.**

## **Kematanan**

27.5 Dalam mentaksir sama ada sesuatu ketinggalan atau salah nyata boleh mempengaruhi keputusan pengguna menjadi material, memerlukan pertimbangan mengenai ciri-ciri pengguna tersebut. Pengguna diandaikan mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang sektor awam, aktiviti ekonomi dan perakaunan, serta kesanggupan untuk meneliti maklumat dengan usaha yang munasabah. Oleh itu, pentaksiran perlu mengambil kira bagaimana pengguna dengan ciri tersebut boleh dijangka akan dipengaruhi dalam membuat dan menilai keputusan.

## **Dasar Perakaunan**

---

### **Pemilihan dan Penggunaan Dasar Perakaunan**

27.6 **Apabila sesuatu Seksyen dalam PPIBZW diguna pakai secara khusus untuk sesuatu transaksi, peristiwa lain atau keadaan, dasar perakaunan yang terpakai untuk item itu hendaklah ditentukan dengan mengguna pakai Seksyen tersebut.**

27.7 PPIBZW menetapkan dasar perakaunan yang telah dimuktamadkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia bagi menghasilkan penyata kewangan yang mengandungi maklumat relevan dan boleh dipercayai mengenai sesuatu transaksi, peristiwa lain dan keadaan yang padanya terpakai. Dasar perakaunan tersebut tidak semestinya terpakai apabila kesan mengguna pakai dasar tersebut tidak material. Walau bagaimanapun, adalah tidak bersesuaian untuk membuat atau tidak membetulkan, perbezaan yang tidak material daripada PPIBZW untuk entiti tersebut dapat membentangkan kedudukan kewangan, prestasi kewangan atau aliran tunai dengan cara yang tertentu.

27.8 PPIBZW mengandungi panduan untuk membantu entiti menggunakan mengikut keperluan mereka. Semua panduan tersebut menyatakan sama ada ia merupakan sebahagian daripada PPIBZW. Panduan yang merupakan sebahagian daripada PPIBZW adalah mandatori. Panduan yang bukan sebahagian daripada PPIBZW tidak mengandungi keperluan untuk penyata kewangan.

27.9 **Jika tiada sesuatu Seksyen dalam PPIBZW yang boleh diguna pakai secara khusus untuk sesuatu transaksi, peristiwa lain atau keadaan, pihak pengurusan hendaklah menggunakan pertimbangannya dalam merangka dan mengguna pakai dasar perakaunan bagi menghasilkan maklumat yang:**

**(a) relevan kepada keperluan pengguna dalam pembuatan keputusan; dan**

**(b) boleh dipercayai, yang penyata kewangan:**

**(i) memberi gambaran sebenar mengenai kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai entiti;**

**(ii) menggambarkan inti pati ekonomi transaksi, peristiwa lain dan keadaan, dan bukannya dalam bentuk sah undang-undang semata-mata;**

**(iii) adalah neutral, iaitu tidak berat sebelah;**

**(iv) disediakan dengan berhemat; dan**

**(v) lengkap dari semua aspek material.**

27.10 Seksyen 27.7 menghendaki pembangunan dasar perakaunan untuk memastikan penyata kewangan menyediakan maklumat yang menepati beberapa ciri kualitatif. Seksyen 3, Konsep Dan Prinsip Yang Mendasari Pelaporan memberikan ringkasan tentang ciri kualitatif pelaporan kewangan.

27.11 **Dalam membuat pertimbangan seperti yang diterangkan dalam Seksyen 27.9, pihak pengurusan hendaklah merujuk, dan mempertimbangkan kesesuaian sumber berikut mengikut urutan menurun:**

**(a) Keperluan sesuatu Seksyen dalam PPIBZW yang membincangkan isu yang serupa dan berkaitan; dan**

**(b) Takrif serta kriteria pengiktirafan dan pengukuran bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang diterangkan dalam Seksyen lain PPIBZW.**

27.12 **Dalam membuat pertimbangan yang diterangkan dalam Seksyen 27.9, pihak pengurusan juga boleh mempertimbangkan:**

**(a) penyataan paling terkini yang dikeluarkan oleh badan penetapan piawaian yang lain; dan**

**(b) amalan sektor awam atau swasta yang diterima pakai;**

**tetapi hanya setakat mana penyataan dan amalan ini tidak bertentangan dengan sumber dalam Seksyen 27.11. Contoh penyataan tersebut termasuklah penyataan MASB yang merangkumi Rangka Kerja Konseptual bagi Pelaporan Kewangan, MFRS dan Interpretasi IC yang dikeluarkan oleh MASB.**

### **Ketekalan Dasar Perakaunan**

27.13 Suatu entiti hendaklah memilih dan mengguna pakai dasar perakaunannya secara konsisten untuk transaksi yang serupa, peristiwa lain dan keadaan, melainkan sesuatu Seksyen dalam PPIBZW menghendaki atau membenarkan secara khusus pengkategorian item yang memerlukan dasar lain yang mungkin lebih sesuai. Jika sesuatu Seksyen PIBZW menghendaki atau membenarkan pengkategorian tersebut, sesuatu dasar perakaunan yang sesuai hendaklah dipilih dan diguna pakai secara konsisten untuk setiap kategori.

### **Perubahan dalam Dasar Perakaunan**

27.14 Suatu entiti hendaklah mengubah dasar perakaunan hanya jika perubahan itu:

(a) dikehendaki oleh sesuatu Seksyen PPIBZW; atau

(b) menghasilkan penyata kewangan yang menyediakan maklumat yang boleh dipercayai dan lebih relevan tentang kesan transaksi, peristiwa lain dan keadaan terhadap kedudukan kewangan, prestasi kewangan atau aliran tunai entiti tersebut.

27.15 Pengguna penyata kewangan hendaklah boleh membandingkan penyata kewangan suatu entiti dari semasa ke semasa bagi mengenal pasti trend kedudukan kewangan, prestasi dan aliran tunai. Oleh itu, dasar perakaunan yang sama hendaklah diguna pakai dalam setiap tempoh dan dari satu tempoh ke satu tempoh yang lain, melainkan perubahan dalam dasar perakaunan memenuhi salah satu kriteria dalam Seksyen 27.14.

27.16 Perubahan dari satu asas perakaunan ke asas perakaunan yang lain merupakan perubahan dalam dasar perakaunan.

27.17 Perubahan dalam pengolahan perakaunan, pengiktirafan, atau pengukuran transaksi, peristiwa atau keadaan dalam suatu asas perakaunan dianggap sebagai perubahan dalam dasar perakaunan.

27.18 Berikut bukan merupakan perubahan dalam dasar perakaunan:

(a) Mengguna pakai dasar perakaunan untuk transaksi, peristiwa lain atau keadaan yang berbeza secara intipati daripada yang telah berlaku sebelum ini.

(b) Mengguna pakai dasar perakaunan baharu untuk transaksi, peristiwa lain atau keadaan yang tidak berlaku atau tidak material sebelum ini.

27.19 Penggunaan awal suatu dasar untuk menilai semula aset menurut Seksyen 12, Hartanah, Loji dan Peralatan atau Seksyen 17, Aset Tak Ketara merupakan perubahan dalam dasar perakaunan yang perlu diambil kira sebagai penilaian semula menurut Seksyen 12 atau Seksyen 17, dan bukannya menurut Seksyen ini.

27.20 Seksyen 27.21 - 27.33 tidak terpakai untuk perubahan dalam dasar perakaunan yang diterangkan dalam Seksyen 27.19.

### *Mengaplikasikan Perubahan dalam Dasar Perakaunan*

27.21 **Tertakluk kepada Seksyen 27.25:**

(a) **Suatu entiti hendaklah mengambil kira perubahan dalam dasar perakaunan yang terhasil daripada pemakaian awal PPIBZW menurut peruntukan peralihan khusus, jika ada, dalam Seksyen tersebut; dan**

(b) **Apabila entiti mengubah dasar perakaunan pada pemakaian awal PPIBZW yang tidak melibatkan peruntukan peralihan khusus yang terpakai untuk perubahan tersebut atau mengubah dasar perakaunan secara sukarela, entiti tersebut hendaklah mengaplikasikan perubahan secara retrospektif.**

27.22 Bagi tujuan Seksyen ini, pemakaian awal Seksyen sebelum tarikh kuat kuasa adalah bukan perubahan sukarela dalam dasar perakaunan.

27.23 Jika tiada sesuatu Seksyen dalam PPIBZW yang boleh diguna pakai secara khusus untuk suatu transaksi, peristiwa lain atau keadaan, pihak pengurusan boleh, menurut Seksyen 27.11, mengguna pakai dasar perakaunan daripada:

(a) pernyataan paling terkini yang dikeluarkan oleh badan penetapan piawai perakaunan yang lain; dan

(b) amalan sektor awam atau swasta yang diterima pakai;

tetapi hanya setakat mana pernyataan dan amalan ini selaras dengan Seksyen 27.11. Contoh pernyataan tersebut termasuklah pernyataan MASB yang merangkumi Rangka Kerja Konseptual bagi Pelaporan Kewangan, MFRS dan Interpretasi IC yang dikeluarkan oleh MASB. Jika, selepas pindaan dibuat pada pernyataan berkenaan, entiti tersebut memilih untuk mengubah dasar perakaunan, perubahan itu diambil kira dan didedahkan sebagai perubahan yang dibuat secara sukarela dalam dasar perakaunan.

### **Aplikasi Retrospektif**

27.24 **Tertakluk kepada Seksyen 27.25, apabila perubahan dalam dasar perakaunan diaplikasikan secara retrospektif menurut Seksyen 27.21 (a) atau (b), entiti hendaklah melaras baki awal setiap komponen dana amanah yang terjejas bagi tempoh terawal pembentangan dan amaun perbandingan lain yang didedahkan bagi setiap tempoh pembentangan terdahulu, seolah-olah dasar perakaunan baharu tersebut sudah lama diguna pakai.**

## **Had Aplikasi Retrospektif**

- 27.25 **Apabila aplikasi retrospektif dikehendaki oleh Seksyen 27.21 (a) atau (b), perubahan dalam dasar perakaunan hendaklah diaplikasikan secara retrospektif, kecuali setakat mana ia tidak praktikal untuk menentukan sama ada kesan perubahan tersebut adalah bagi tempoh khusus atau secara kumulatif.**
- 27.26 **Apabila tidak praktikal untuk menentukan kesan tempoh khusus perubahan dalam suatu dasar perakaunan bagi pembentangan maklumat perbandingan untuk satu atau lebih tempoh terdahulu, entiti tersebut hendaklah mengguna pakai dasar perakaunan baharu ke atas amaun bawaan aset dan liabiliti pada permulaan tempoh terawal aplikasi retrospektif dapat dilaksanakan, yang mungkin merupakan tempoh semasa, dan hendaklah membuat pelarasan yang berkaitan ke atas baki awal setiap komponen dana amanah yang terjejas bagi tempoh tersebut.**
- 27.27 **Apabila tidak praktikal untuk menentukan kesan kumulatif pada permulaan tempoh semasa daripada penggunaan dasar perakaunan baharu ke atas semua tempoh terdahulu, entiti hendaklah melaras maklumat perbandingan tersebut untuk mengguna pakai dasar perakaunan baharu secara prospektif dari tarikh terawal ia dapat dilaksanakan.**
- 27.28 Apabila entiti mengguna pakai dasar perakaunan baharu secara retrospektif, entiti mengguna pakai dasar perakaunan baharu tersebut untuk maklumat perbandingan bagi tempoh terdahulu setakat mana boleh dipraktikkan. Aplikasi retrospektif bagi tempoh terdahulu adalah tidak praktikal, melainkan kesan kumulatif ke atas amaun awal dan akhir dalam penyata kedudukan kewangan bagi tempoh tersebut dapat ditentukan. Amaun pelarasan yang terhasil berkaitan dengan tempoh sebelum amaun tersebut dibentangkan dalam penyata kewangan dibuat pada baki mula setiap komponen dana amanah yang terjejas bagi tempoh terdahulu yang terawal dibentangkan. Pada kebiasaannya, pelarasan dibuat terhadap lebihan atau kekurangan terkumpul. Walau bagaimanapun, pelarasan boleh dibuat pada komponen dana amanah yang lain (contohnya, bagi mematuhi sesuatu Seksyen dalam PPIBZW). Sebarang maklumat lain berkaitan tempoh terdahulu, seperti ringkasan sejarah data kewangan, juga diselaraskan setakat mana dapat dilaksanakan.
- 27.29 Apabila tidak praktikal bagi suatu entiti untuk mengguna pakai dasar perakaunan baharu secara retrospektif kerana tidak dapat menentukan kesan kumulatif penggunaan dasar tersebut terhadap semua tempoh terdahulu, entiti tersebut, menurut Seksyen 27.27, mengguna pakai dasar baharu secara prospektif dari permulaan tempoh terawal ia dapat dipraktikkan. Oleh itu, entiti tidak mengambil kira bahagian pelarasan kumulatif ke atas aset, liabiliti dan dana amanah yang wujud sebelum tarikh tersebut. Perubahan sesuatu dasar perakaunan adalah dibenarkan, walaupun dasar tersebut tidak praktikal untuk diguna pakai secara prospektif bagi mana-mana tempoh terdahulu. Seksyen 27.52 - 27.55 memberikan panduan apabila tidak praktikal bagi entiti untuk mengguna pakai dasar perakaunan baharu bagi satu atau lebih tempoh terdahulu.

## **Pendedahan**

27.30 Apabila penggunaan awal PPIBZW (i) memberikan kesan terhadap tempoh semasa atau mana-mana tempoh terdahulu, (ii) mungkin memberikan kesan seperti di (i), kecuali ia tidak praktikal untuk menentukan amaun pelarasan, atau (iii) mungkin memberikan kesan terhadap tempoh akan datang, entiti hendaklah mendedahkan:

- (a) Tajuk Seksyen tersebut;
- (b) Jika berkenaan, perubahan dalam dasar perakaunan dibuat menurut peruntukan peralihan yang berkaitan;
- (c) Sifat perubahan dalam dasar perakaunan;
- (d) Jika berkenaan, penerangan mengenai peruntukan peralihan;
- (e) Jika berkenaan, peruntukan peralihan yang mungkin memberi kesan terhadap tempoh akan datang;
- (f) Bagi tempoh semasa dan setiap tempoh terdahulu yang dibentangkan, amaun pelarasan untuk setiap baris item penyata kewangan yang terjejas, setakat mana dapat dipraktikkan;
- (g) Amaun pelarasan berkaitan dengan tempoh sebelum amaun tersebut dibentangkan, setakat mana dapat dipraktikkan; dan
- (h) Perkara yang menyebabkan wujudnya suatu keadaan serta keterangan tentang bagaimana dan bila perubahan dalam dasar perakaunan mula diaplikasikan jika aplikasi retrospektif yang dikehendaki oleh Seksyen 27.21 (a) atau (b) tidak dapat dipraktikkan bagi tempoh terdahulu yang tertentu atau tempoh sebelum amaun tersebut dibentangkan.

Penyata Kewangan bagi tempoh berikutnya tidak perlu mengulangi pendedahan yang sama.

27.31 Apabila perubahan dalam dasar perakaunan dibuat secara sukarela (i) memberikan kesan terhadap tempoh semasa atau mana-mana tempoh terdahulu, (ii) mungkin memberikan kesan terhadap tempoh tersebut, kecuali tidak praktikal untuk menentukan amaun pelarasan, atau (iii) mungkin memberikan kesan terhadap tempoh akan datang, entiti hendaklah mendedahkan:

- (a) Sifat perubahan dalam dasar perakaunan;
- (b) Sebab pemakaian dasar perakaunan baharu tersebut dapat menyediakan maklumat yang boleh dipercayai dan lebih relevan;

- (c) **Amaun pelarasan untuk setiap baris item penyata kewangan yang terjejas bagi tempoh semasa dan setiap tempoh terdahulu dibentangkan setakat mana dapat dipraktikkan;**
- (d) **Amaun pelarasan berkaitan tempoh sebelum amaun tersebut dibentangkan, setakat mana dapat dipraktikkan; dan**
- (e) **Perkara yang menyebabkan wujudnya suatu keadaan serta penerangan tentang bagaimana dan bila perubahan dalam dasar perakaunan mula diaplikasikan jika aplikasi retrospektif tersebut tidak dapat dipraktikkan bagi tempoh terdahulu yang tertentu atau tempoh sebelum amaun tersebut dibentangkan.**

**Penyata Kewangan bagi tempoh berikutnya tidak perlu mengulangi pendedahan yang sama.**

**27.32 Apabila suatu entiti belum mengguna pakai sesuatu Seksyen dalam PPIBZW baharu yang telah dikeluarkan tetapi belum lagi berkuat kuasa, entiti hendaklah mendedahkan:**

- (a) **fakta tersebut; dan**
- (b) **maklumat yang diketahui atau dapat dianggarkan secara munasabah berkaitan dengan pentaksiran kemungkinan impak pemakaian Seksyen baharu ke atas penyata kewangan entiti dalam tempoh awal pemakaian.**

**27.33 Bagi mematuhi Seksyen 27.32, entiti boleh mempertimbangkan untuk mendedahkan:**

- (a) **tajuk Seksyen baharu;**
- (b) **sifat perubahan yang akan berlaku atau perubahan dalam dasar perakaunan;**
- (c) **tarikh Seksyen perlu diguna pakai;**
- (d) **tarikh dirancang untuk mengguna pakai Seksyen pada awalnya; dan**
- (e) **sama ada:**
  - (i) **Perbincangan tentang jangkaan impak pemakaian awal Seksyen ke atas penyata kewangan entiti; atau**
  - (ii) **Sekiranya impak tidak diketahui atau tidak dapat dianggarkan secara munasabah, satu pernyataan berkaitan perkara tersebut.**

## Perubahan dalam Anggaran Perakaunan

- 27.34 Kesan daripada ketidakpastian yang wujud dalam memberikan perkhidmatan atau menjalankan aktiviti perdagangan atau aktiviti lain, kebanyakan item dalam penyata kewangan tidak dapat diukur dengan tepat tetapi hanya boleh dianggarkan. Penganggaran melibatkan pertimbangan yang dibuat berdasarkan maklumat terkini yang tersedia dan boleh dipercayai. Sebagai contoh, anggaran mungkin diperlukan bagi:
- (a) peruntukan kos penyediaan aset wakaf bagi aktiviti boleh ditentukan atau perbelanjaan layak, selaras dengan obligasi pelaksanaan dalam Seksyen 19.15 – 19.28, Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran;
  - (b) peruntukan bayaran bagi kes litigasi;
  - (c) inventori yang usang;
  - (d) nilai saksama aset kewangan atau liabiliti kewangan;
  - (e) usia guna atau jangkaan pola penggunaan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang terdapat pada aset boleh disusut nilai; dan
  - (f) Peruntukan hutang lapuk atau hutang ragu.
- 27.35 Penggunaan anggaran munasabah merupakan bahagian penting dalam penyediaan penyata kewangan dan tidak menjejaskan kebolehpercayaan penyata kewangan tersebut.
- 27.36 Anggaran boleh disemak jika terdapat perubahan keadaan yang dijadikan asas semasa membuat anggaran atau hasil daripada maklumat baharu atau pengalaman yang lebih luas. Berdasarkan sifatnya, semakan anggaran tidak berkait dengan tempoh terdahulu dan bukan merupakan pembetulan kesilapan.
- 27.37 Perubahan dalam asas pengukuran yang digunakan merupakan perubahan dalam dasar perakaunan dan bukan perubahan dalam anggaran perakaunan. Apabila perubahan dalam dasar perakaunan sukar dibezakan daripada perubahan dalam anggaran perakaunan, perubahan itu dianggap sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan.
- 27.38 **Kesan perubahan dalam anggaran perakaunan selain perubahan yang melibatkan Seksyen 27.39, hendaklah diiktiraf secara prospektif dengan memasukkannya dalam lebihan atau kurangan bagi:**
- (a) **Tempoh perubahan, jika perubahan itu menjejaskan tempoh tersebut sahaja; atau**
  - (b) **Tempoh perubahan dan tempoh akan datang, jika perubahan itu menjejaskan kedua-duanya.**
- 27.39 **Apabila suatu perubahan dalam anggaran perakaunan menyebabkan perubahan dalam aset dan liabiliti, atau berkaitan dengan item dana amanah, perubahan tersebut hendaklah diiktiraf dengan melaras amaun bawaan bagi aset, liabiliti atau item dana amanah yang berkaitan dalam tempoh perubahan.**



- 27.40 Pengiktirafan prospektif bagi kesan perubahan dalam anggaran perakaunan bermaksud perubahan itu diaplikasikan pada transaksi, peristiwa lain dan keadaan dari tarikh berlakunya perubahan dalam anggaran. Perubahan dalam anggaran perakaunan mungkin menjejaskan lebih atau kurangan tempoh semasa sahaja, atau lebih atau kurangan tempoh semasa dan tempoh akan datang. Sebagai contoh, perubahan dalam anggaran amaun hutang lapuk hanya menjejaskan lebih atau kurangan bagi tempoh semasa, dan oleh itu diiktiraf dalam tempoh semasa. Walau bagaimanapun, perubahan dalam anggaran usia guna atau jangkaan pola penggunaan manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan pada aset boleh susut nilai akan memberi kesan kepada belanja susut nilai untuk tempoh semasa dan setiap tempoh masa hadapan sepanjang baki usia guna aset. Dalam kedua-dua kes, kesan perubahan berkaitan tempoh semasa diiktiraf sebagai hasil atau belanja dalam tempoh semasa. Kesan terhadap tempoh masa hadapan, jika ada, akan diiktiraf dalam tempoh masa hadapan.

### **Pendedahan**

- 27.41 **Suatu entiti hendaklah mendedahkan sifat dan amaun perubahan dalam anggaran perakaunan yang memberi kesan dalam tempoh semasa, atau dijangka memberi kesan terhadap tempoh akan datang, kecuali bagi pendedahan kesan terhadap tempoh akan datang tidak praktikal untuk dianggar kesan tersebut.**
- 27.42 **Jika amaun bagi kesan dalam tempoh akan datang tidak didedahkan kerana tidak pratikal untuk menganggarkannya, entiti hendaklah mendedahkan fakta tersebut.**

### **Kesilapan**

---

- 27.43 Kesilapan boleh berlaku berkaitan dengan pengiktirafan, pengukuran, pembentangan atau pendedahan elemen penyata kewangan. Penyata kewangan tidak mematuhi PPIBZW jika mengandungi sama ada kesilapan material atau tidak material yang dibuat dengan sengaja agar suatu entiti dapat membentangkan kedudukan kewangan, prestasi kewangan atau aliran tunai dengan cara tertentu. Kesilapan yang mungkin berlaku dalam tempoh semasa dan dapat dikesan dalam tempoh tersebut dibetulkan sebelum penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan. Walau bagaimanapun, kesilapan material adakalanya tidak dapat dikesan sehingga tempoh berikutnya, dan kesilapan tempoh terdahulu ini dibetulkan dalam maklumat perbandingan yang dibentangkan dalam penyata kewangan bagi tempoh berikutnya (rujuk Seksyen 27.44 - 27.50).
- 27.44 **Tertakluk kepada Seksyen 27.45, suatu entiti hendaklah membetulkan kesilapan material tempoh terdahulu secara retrospektif dalam set pertama penyata kewangan yang dibenarkan untuk diterbitkan selepas penemuan kesilapan tersebut dengan:**
- (a) **Menyatakan semula amaun perbandingan yang dibentangkan bagi tempoh terdahulu kesilapan tersebut berlaku; atau**
  - (b) **Menyatakan semula baki awal aset, liabiliti dan dana amanah bagi tempoh terdahulu terawal yang dibentangkan jika kesilapan itu berlaku sebelum tempoh tersebut.**

## **Had Penyataan Semula Retrospektif**

---

- 27.45 **Kesilapan tempoh terdahulu hendaklah dibetulkan dengan penyataan semula retrospektif, kecuali setakat mana tidak praktikal untuk menentukan sama ada kesilapan tersebut adalah kesilapan kesan tempoh spesifik atau kesan kumulatif.**
- 27.46 **Apabila tidak praktikal untuk menentukan kesan kesilapan tempoh spesifik ke atas maklumat perbandingan bagi satu atau lebih tempoh terdahulu yang dibentangkan, entiti hendaklah menyatakan semula baki awal aset, liabiliti dan dana amanah bagi tempoh terawal penyataan semula retrospektif dapat dipraktikkan (yang mungkin merupakan tempoh semasa).**
- 27.47 **Apabila tidak praktikal untuk menentukan kesan kumulatif ke atas semua kesilapan tempoh terdahulu pada permulaan tempoh semasa, entiti hendaklah menyatakan semula maklumat perbandingan untuk membetulkan kesilapan tersebut secara prospektif dari tarikh terawal dapat dipraktikkan.**
- 27.48 **Pembetulan kesilapan bagi tempoh terdahulu tidak diambil kira dalam lebihan atau kurangan pada tempoh kesilapan tersebut ditemui. Sebarang pembentangan maklumat mengenai tempoh terdahulu, termasuk ringkasan sejarah data kewangan, juga dinyatakan semula setakat mana praktikal untuk dilaksanakan.**
- 27.49 **Apabila tidak praktikal untuk menentukan amaun kesilapan (contohnya, kesilapan dalam mengguna pakai dasar perakaunan) bagi semua tempoh terdahulu, entiti, menurut Seksyen 27.47, menyatakan semula maklumat perbandingan secara prospektif dari tarikh terawal dapat dipraktikkan. Oleh itu, entiti tidak mengambil kira bahagian penyataan semula kumulatif aset, liabiliti dan dana amanah yang wujud sebelum tarikh tersebut. Seksyen 27.52 - 27.55 memberi panduan apabila tidak praktikal untuk membetulkan kesilapan bagi satu atau lebih tempoh terdahulu.**
- 27.50 **Pembetulan kesilapan adalah berbeza daripada perubahan dalam anggaran perakaunan. Anggaran perakaunan mengikut jenisnya adalah taksiran terhampir yang mungkin perlu disemak semula setiap kali maklumat tambahan diketahui. Sebagai contoh, laba atau rugi yang diiktiraf berdasarkan keberhasilan daripada suatu perkara luar jangka adalah bukan merupakan pembetulan kesilapan.**

## **Pendedahan Kesilapan Tempoh Terdahulu**

- 27.51 **Dalam mengguna pakai Seksyen 27.45, suatu entiti hendaklah mendedahkan perkara berikut:**
- (a) Jenis kesilapan tempoh terdahulu;**
  - (b) Bagi setiap tempoh terdahulu yang dibentangkan, amaun pembetulan untuk setiap baris item penyata kewangan yang terjejas, setakat mana dapat dipraktikkan;**
  - (c) Amaun pembetulan pada permulaan tempoh terdahulu terawal yang dibentangkan; dan**

- (d) Perkara yang menyebabkan wujudnya suatu keadaan serta penerangan tentang bagaimana dan bila kesilapan tersebut telah dibetulkan jika aplikasi retrospektif tersebut tidak dapat dipraktikkan bagi tempoh terdahulu yang tertentu.

Penyata Kewangan bagi tempoh berikutnya tidak perlu mengulangi pendedahan yang sama.

### **Aplikasi Retrospektif dan Penyataan Semula Retrospektif yang Tidak Praktikal**

---

27.52 Dalam sesetengah keadaan, adalah tidak praktikal untuk melaraskan maklumat perbandingan bagi satu atau lebih tempoh terdahulu untuk mencapai kebolehbandingan dengan tempoh semasa. Sebagai contoh, data mungkin tidak dikumpul dalam tempoh terdahulu dengan cara yang membolehkan sama ada aplikasi retrospektif dasar perakaunan baharu (termasuk, bagi tujuan Seksyen 27.52 - 27.55, aplikasi prospektifnya untuk tempoh terdahulu) atau penyataan semula retrospektif bagi membetulkan kesilapan tempoh terdahulu, dan mungkin tidak praktikal untuk menjana semula maklumat tersebut.

27.53 Kerap kali menjadi satu keperluan untuk membuat anggaran dalam mengguna pakai suatu dasar perakaunan untuk elemen penyata kewangan yang diiktiraf atau didedahkan berhubung dengan transaksi, peristiwa lain atau keadaan. Penganggaran selalunya subjektif, dan anggaran mungkin dibuat selepas tarikh pelaporan. Penganggaran berpotensi menjadi lebih sukar apabila mengguna pakai suatu dasar perakaunan secara retrospektif atau membuat penyataan semula secara retrospektif untuk membetulkan kesilapan tempoh terdahulu kerana tempoh masa sejak berlakunya transaksi, peristiwa lain atau keadaan yang berkenaan telah lama berlalu. Walau bagaimanapun, objektif anggaran berkaitan dengan tempoh terdahulu tetap sama seperti objektif anggaran yang dibuat dalam tempoh semasa, iaitu anggaran hendaklah menggambarkan keadaan yang wujud semasa transaksi, peristiwa lain atau keadaan berlaku.

27.54 Oleh itu, mengguna pakai dasar perakaunan baharu atau membetulkan kesilapan tempoh terdahulu secara retrospektif memerlukan maklumat berbeza yang:

- (a) memberikan bukti keadaan yang wujud pada tarikh transaksi, peristiwa lain atau keadaan berlaku; dan
- (b) boleh didapati apabila penyata kewangan bagi tempoh terdahulu tersebut telah dibenarkan untuk diterbitkan;

daripada maklumat lain. Bagi sesetengah jenis anggaran (contohnya, anggaran nilai saksama yang tidak berdasarkan kepada harga atau input yang dapat diperhatikan), adalah tidak praktikal untuk membezakan maklumat tersebut. Apabila aplikasi retrospektif atau penyataan semula retrospektif memerlukan anggaran signifikan dibuat yang baginya adalah mustahil untuk membezakan dua jenis maklumat tersebut, adalah tidak praktikal untuk mengguna pakai dasar perakaunan baharu atau membetulkan kesilapan tempoh secara retrospektif.

- 27.55 Pengalaman lalu tidak sepatutnya digunakan apabila mengguna pakai dasar perakaunan baharu atau membetulkan amaun bagi tempoh terdahulu, sama ada dalam membuat andaian tentang hasrat pihak pengurusan dalam tempoh terdahulu atau menganggarkan amaun yang diiktiraf, diukur atau didedahkan dalam tempoh terdahulu. Sebagai contoh, apabila entiti membetulkan kesilapan tempoh terdahulu dalam mengelaskan bangunan sebagai hartanah pelaburan (bangunan tersebut sebelum ini dikelaskan sebagai hartanah, loji dan peralatan), asas pengelasan tidak berubah bagi tempoh tersebut jika pihak pengurusan kemudiannya memutuskan untuk menggunakan bangunan tersebut sebagai bangunan pejabat diduduki sendiri. Selain itu, apabila entiti membetulkan kesilapan tempoh terdahulu dalam mengira liabiliti bagi peruntukan kos pembersihan pencemaran akibat operasi entiti menurut Seksyen 25, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka, entiti tidak mengambil kira maklumat tentang keperluan pembersihan pencemaran yang berlaku berdasarkan undang-undang yang berkuat kuasa semasa tempoh seterusnya yang boleh didapati selepas penyata kewangan bagi tempoh terdahulu dibenarkan untuk diterbitkan. Fakta bahawa anggaran yang signifikan sering diperlukan apabila meminda maklumat perbandingan yang dikemukakan bagi tempoh terdahulu, tidak menghalang pelaksanaan pelarasan atau pembetulan maklumat perbandingan yang boleh dipercayai.

## Seksyen 28

### *Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan*

#### Skop Seksyen

---

28.1 Seksyen ini menetapkan:

- (a) Bila entiti harus melaraskan penyata kewangannya bagi peristiwa selepas tarikh pelaporan; dan
- (b) Pendedahan yang harus diberikan oleh entiti tentang tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan dan peristiwa selepas tarikh pelaporan.

28.2 Seksyen ini juga menghendaki supaya entiti tidak menyediakan penyata kewangannya berasaskan usaha berterusan jika peristiwa selepas tarikh pelaporan menunjukkan bahawa andaian usaha berterusan adalah tidak bersesuaian.

28.3 Suatu entiti yang menyedia dan membentangkan penyata kewangan hendaklah mengguna pakai Seksyen ini dalam mengakaun dan mendedahkan peristiwa selepas tarikh pelaporan.

#### Takrif

---

28.4 Istilah berikut digunakan dalam Seksyen ini dengan maksud yang dinyatakan:

- (a) Peristiwa selepas tarikh pelaporan ialah peristiwa yang memuaskan dan tak memuaskan yang berlaku antara tarikh pelaporan dan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan. Dua jenis peristiwa yang boleh dikenal pasti:
  - (i) Peristiwa yang memberikan bukti keadaan yang wujud pada tarikh pelaporan (peristiwa perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan); dan
  - (ii) Peristiwa yang merupakan petunjuk kepada keadaan yang wujud selepas tarikh pelaporan (peristiwa tak perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan).

Istilah yang ditakrifkan dalam Seksyen lain digunakan juga dalam Seksyen ini dengan maksud yang sama seperti dalam Seksyen berkenaan.

## **Kebenaran Penyata Kewangan untuk Diterbitkan**

---

- 28.5 Bagi menentukan peristiwa yang menepati takrif peristiwa selepas tarikh pelaporan, adalah perlu untuk mengenal pasti tarikh pelaporan dan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan. Tarikh pelaporan ialah hari terakhir tempoh pelaporan penyata kewangan yang berkaitan. Tarikh kebenaran untuk diterbitkan ialah tarikh penyata kewangan mendapat kelulusan daripada pihak yang mempunyai kuasa untuk memuktamadkan penyata tersebut untuk diterbitkan. Pendapat audit diberikan terhadap penyata kewangan yang dimuktamadkan. Peristiwa selepas tarikh pelaporan adalah semua peristiwa yang memuaskan dan tak memuaskan yang berlaku antara tarikh pelaporan dan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan, walaupun peristiwa tersebut berlaku selepas perkara berikut dilaksanakan:
- (a) penerbitan pengumuman berkaitan lebihan atau kurangan;
  - (b) kebenaran telah diberikan bagi penyata kewangan entiti yang dikawal; atau
  - (c) penerbitan maklumat terpilih lain yang berkaitan dengan penyata kewangan.
- 28.6 Proses yang terlibat dalam menyediakan dan membenarkan penerbitan penyata kewangan mungkin berbeza untuk jenis entiti yang berbeza di dalam dan di luar lingkungan bidang kuasa. Ia mungkin bergantung pada sifat entiti, struktur badan pentadbir, keperluan berkanun yang berkaitan dengan entiti tersebut, serta prosedur yang diikuti dalam menyediakan dan memuktamadkan penyata kewangan. Tanggungjawab kebenaran penyata kewangan suatu entiti terletak pada ketua pegawai kewangan entiti. Tanggungjawab kebenaran penyata kewangan disatukan bagi entiti secara keseluruhannya mungkin dipikul bersama oleh pengerusi Majlis atau ketua pegawai kewangan dan Ahli Majlis (atau yang setara dengannya).
- 28.7 Dalam sesetengah kes, sebagai langkah terakhir dalam proses kebenaran, suatu entiti dikehendaki mengemukakan penyata kewangannya kepada badan lain (contohnya badan perundangan seperti Parlimen atau Dewan Undangan Negeri). Dalam kes lain, penyerahan penyata kepada badan lain mungkin sekadar suatu protokol atau proses, dan badan lain tersebut mungkin tidak mempunyai kuasa untuk menghendaki perubahan dibuat kepada penyata tersebut. Tarikh kebenaran penyata kewangan untuk diterbitkan akan ditentukan dalam konteks bidang kuasa tertentu.

## **Pengiktirafan dan Pengukuran**

---

- 28.8 Dalam tempoh antara tarikh pelaporan dan tarikh kebenaran untuk diterbitkan, ketua pegawai kewangan entiti yang diberi kuasa mungkin mengumumkan hasrat entiti berhubung dengan perkara tertentu. Sama ada hasrat entiti yang diumumkan ini perlu diiktiraf atau tidak sebagai peristiwa perlu pelarasan akan bergantung pada:
- (a) sama ada terdapat maklumat lanjut tentang keadaan yang wujud pada tarikh pelaporan; dan
  - (b) sama ada terdapat bukti yang mencukupi bahawa ia dapat dan akan dipenuhi.

Dalam kebanyakan kes, pengumuman hasrat entiti tidak akan membawa kepada pengiktirafan peristiwa perlu pelarasan. Sebaliknya, secara umum pengumuman hasrat tersebut layak untuk pendedahan sebagai peristiwa tak perlu pelarasan.

### **Peristiwa Perlu Pelarasan Selepas Tarikh Pelaporan**

**28.9 Suatu entiti hendaklah melaraskan amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangannya bagi menggambarkan peristiwa perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan.**

28.10 Berikut ialah contoh peristiwa perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan yang memerlukan suatu entiti melaraskan amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangannya, atau mengiktiraf item yang tidak diiktiraf sebelum ini:

- (a) Penyelesaian kes mahkamah selepas tarikh pelaporan yang mengesahkan bahawa entiti mempunyai obligasi kini pada tarikh pelaporan. Entiti melaraskan sebarang peruntukan yang diiktiraf sebelum ini yang berkaitan dengan kes mahkamah ini menurut Seksyen 25, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka, atau mengiktiraf peruntukan baharu. Entiti tidak hanya mendedahkan liabiliti luar jangka semata-mata kerana penyelesaian tersebut memberikan bukti tambahan yang akan dipertimbangkan menurut Seksyen 25.22;
- (b) Penerimaan maklumat selepas tarikh pelaporan, yang menunjukkan bahawa aset terjejas pada tarikh pelaporan, atau amaun kerugian penjejasan nilai bagi aset tersebut yang diiktiraf sebelum ini perlu dilaraskan. Sebagai contoh:
  - (i) Kebankrapan penghutang yang berlaku selepas tarikh pelaporan biasanya mengesahkan bahawa kerugian atas akaun belum terima telah pun wujud pada tarikh pelaporan, dan entiti perlu melaraskan amaun bawaan bagi akaun belum terima; dan
  - (ii) Jualan inventori selepas tarikh pelaporan boleh membuktikan tentang nilai realisasi bersih pada tarikh pelaporan;
- (c) Penentuan selepas tarikh pelaporan bagi kos aset yang dibeli, atau terimaan daripada penjualan aset sebelum tarikh pelaporan;
- (d) Penentuan selepas tarikh pelaporan bagi amaun hasil yang dikutip semasa tempoh pelaporan yang akan dikongsi dengan entiti lain di bawah perjanjian perkongsian hasil yang wujud semasa tempoh pelaporan;
- (e) Penentuan selepas tarikh pelaporan bagi bayaran bonus prestasi yang perlu dibuat kepada kakitangan jika entiti mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif pada tarikh pelaporan untuk membuat bayaran tersebut disebabkan oleh peristiwa yang berlaku sebelum tarikh itu; dan
- (f) Penemuan penipuan atau kesilapan yang menunjukkan bahawa penyata kewangan adalah tidak betul.

### **Peristiwa Tak Perlu Pelarasan Selepas Tarikh Pelaporan**

**28.11 Suatu entiti hendaklah tidak melaraskan amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangannya bagi menggambarkan peristiwa tak perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan.**

28.12 Berikut ialah contoh peristiwa tak perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan:

- (a) Jika suatu entiti menerima pakai dasar penilaian semula hartanah secara berkala berasaskan nilai saksama, penurunan nilai saksama hartanah antara tarikh pelaporan dan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan. Penurunan nilai saksama biasanya tidak berkait dengan keadaan hartanah pada tarikh pelaporan, tetapi menggambarkan keadaan yang wujud dalam tempoh berikutnya. Oleh itu, walaupun sesebuah entiti mengamalkan dasar penilaian semula secara berkala, ia tidak akan melaraskan amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangannya bagi hartanah tersebut. Entiti juga tidak akan mengemas kini amaun yang didedahkan bagi hartanah tersebut pada tarikh pelaporan, walaupun ia mungkin perlu memberikan pendedahan tambahan di bawah Seksyen 28.28; dan
- (b) Jika suatu entiti yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan program khidmat komuniti tertentu, membuat keputusan untuk memberikan/mengagihkan manfaat tambahan secara langsung atau tidak langsung kepada peserta dalam program tersebut selepas tarikh pelaporan, tetapi sebelum penyata kewangan dibenarkan (untuk diterbitkan), entiti tidak akan melaraskan perbelanjaan yang diiktiraf dalam penyata kewangannya dalam tempoh pelaporan semasa, walaupun manfaat tambahan tersebut mungkin memenuhi syarat untuk pendedahan sebagai peristiwa tak perlu pelarasan di bawah Seksyen 28.28.

### **Dividen atau Pengagihan yang Serupa**

28.13 **Jika suatu entiti mengisytiharkan dividen atau pengagihan yang serupa selepas tarikh pelaporan, entiti hendaklah tidak mengiktiraf pengagihan tersebut sebagai liabiliti pada tarikh pelaporan.**

28.14 Dividen mungkin wujud dalam sektor awam apabila, contohnya, suatu entiti mengawal dan menggabungkan penyata kewangan entiti yang dikawal yang mempunyai kepentingan pemilikan luar yang dibayar dividen. Selain itu, sesetengah entiti menerima pakai rangka kerja pengurusan kewangan, contohnya, model “pembeli pembekal”, yang memerlukan membayar pengagihan pendapatan kepada entiti yang mengawalnya, seperti kerajaan pusat.

28.15 Jika dividen atau pengagihan yang serupa kepada pemilik diisytiharkan, (iaitu dividen atau pengagihan yang serupa telah diluluskan sewajarnya dan tidak lagi mengikut budi bicara entiti) selepas tarikh pelaporan, tetapi sebelum penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan, dividen atau pengagihan yang serupa tidak diiktiraf sebagai liabiliti pada tarikh pelaporan kerana tiada obligasi yang wujud pada masa itu. Dividen tersebut atau pengagihan yang serupa didedahkan dalam nota selaras dengan Seksyen 10, Nota Kepada Akaun. Dividen dan pengagihan yang serupa tidak termasuk pulangan modal.

### **Usaha Berterusan**

---

28.16 Penentuan sama ada andaian usaha berterusan adalah bersesuaian perlu dipertimbangkan oleh setiap entiti. Walau bagaimanapun, pentaksiran usaha berterusan mungkin lebih relevan bagi entiti individu berbanding entiti secara keseluruhan. Sebagai contoh, sebuah anak syarikat di bawah entiti tidak menepati andaian usaha berterusan kerana entiti telah membuat keputusan untuk memindahkan semua aktivitinya kepada anak syarikat lain di bawahnya. Namun begitu, penyusunan semula ini tidak memberikan impak terhadap pentaksiran usaha berterusan bagi entiti secara keseluruhan.



- 28.17 **Suatu entiti hendaklah tidak menyediakan penyata kewangannya berasaskan usaha berterusan jika mereka yang bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan atau badan pentadbiran menentukan selepas tarikh pelaporan, sama ada:**
- (a) terdapat hasrat untuk membubarkan entiti atau menghentikan operasi; atau**
  - (b) tiada alternatif yang realistik melainkan berbuat demikian.**
- 28.18 Dalam mentaksir sama ada andaian usaha berterusan adalah bersesuaian bagi sebuah entiti individu, mereka yang bertanggungjawab bagi menyediakan penyata kewangan, dan/atau badan pentadbiran, perlu mengambil kira pelbagai faktor. Faktor itu termasuk prestasi semasa entiti dan prestasi entiti yang dijangka, apa-apa penyusunan semula unit organisasi yang telah diumumkan dan berpotensi untuk dilaksanakan, serta kemungkinan bagi pembiayaan yang berterusan daripada kerajaan dan, jika perlu, sumber yang berpotensi bagi pembiayaan lain sebagai ganti.
- 28.19 Dalam kes entiti yang sebahagian besar operasinya menggunakan bajet yang didanai, isu usaha berterusan umumnya hanya timbul jika pemberi dana mengumumkan hasratnya untuk berhenti mendanai entiti tersebut.
- 28.20 Seseengah agensi, mungkin dibiayai sendiri sepenuhnya atau sebahagian besarnya, dan perlu mendapatkan semula kos barangan dan perkhidmatan daripada pengguna. Bagi mana-mana entiti tersebut, kemerosotan hasil operasi dan kedudukan kewangan selepas tarikh pelaporan mungkin menunjukkan keperluan untuk mempertimbangkan sama ada andaian usaha berterusan masih bersesuaian.
- 28.21 Jika andaian usaha berterusan tidak lagi bersesuaian, Seksyen ini menghendaki supaya suatu entiti menggambarkan perkara ini dalam penyata kewangannya. Impak perubahan tersebut bergantung pada keadaan tertentu sesebuah entiti, contohnya, sama ada operasi akan dipindahkan kepada entiti lain, dijual, atau dibubarkan. Pertimbangan perlu dibuat bagi menentukan sama ada perubahan dalam nilai bawaan aset dan liabiliti adalah perlu.
- 28.22 Apabila andaian usaha berterusan tidak lagi bersesuaian, adalah perlu untuk turut mempertimbangkan sama ada perubahan keadaan tersebut menyebabkan wujudnya liabiliti tambahan atau mencetuskan klausa dalam kontrak pembiayaan atau pinjaman yang membawa kepada pengelasan semula pembiayaan atau pinjaman tertentu sebagai liabiliti semasa.
- 28.23 Seksyen 3, Konsep dan Prinsip yang Mendasari Pelaporan menghendaki pendedahan tertentu jika:
- (a) Penyata kewangan tidak disediakan berasaskan usaha berterusan. Seksyen 3 menghendaki supaya apabila penyata kewangan tidak disediakan berasaskan usaha berterusan, fakta tersebut hendaklah didedahkan, bersama dengan asas penyediaan penyata kewangan dan alasan mengapa entiti tidak dianggap sebagai usaha berterusan; atau

- (b) Mereka yang bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan menyedari tentang ketidakpastian material berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan entiti untuk terus beroperasi sebagai usaha berterusan. Peristiwa atau keadaan yang memerlukan pendedahan mungkin berlaku selepas tarikh pelaporan. Seksyen 3 menghendaki supaya ketidakpastian tersebut didedahkan.

## Penyusunan Semula

- 28.24 Jika penyusunan semula yang diumumkan selepas tarikh pelaporan menepati takrif peristiwa tak perlu pelarasan, pendedahan yang bersesuaian perlu dibuat menurut Seksyen ini. Panduan tentang pengiktirafan peruntukan yang berkaitan dengan penyusunan semula boleh dirujuk dalam Seksyen 25, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka. Penyusunan semula yang melibatkan pelupusan komponen suatu entiti tidak dengan sendirinya menimbulkan persoalan tentang kemampuan entiti untuk kekal beroperasi sebagai suatu usaha berterusan. Walau bagaimanapun, jika penyusunan semula yang diumumkan selepas tarikh pelaporan menyebabkan suatu entiti tidak menepati andaian usaha berterusan, jenis dan amaun bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf mungkin berubah.

## Pendedahan

---

### Pendedahan Tarikh Kebenaran untuk Diterbitkan

- 28.25 **Suatu entiti hendaklah mendedahkan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan dan siapa yang memberikan kebenaran tersebut. Jika badan lain mempunyai kuasa untuk meminda penyata kewangan selepas diterbitkan, entiti hendaklah mendedahkan fakta tersebut.**
- 28.26 Penting bagi pengguna untuk mengetahui tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan kerana penyata kewangan ini tidak menunjukkan peristiwa selepas tarikh tersebut. Ini juga penting bagi pengguna untuk mengetahui keadaan yang jarang berlaku, iaitu mana-mana orang perseorangan atau organisasi yang mempunyai kuasa untuk meminda penyata kewangan selepas diterbitkan.

### Mengemas Kini Pendedahan tentang Keadaan pada Tarikh Pelaporan

- 28.27 **Jika suatu entiti menerima maklumat selepas tarikh pelaporan, tetapi sebelum penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan, tentang keadaan yang wujud pada tarikh pelaporan, entiti hendaklah mengemas kini pendedahan yang berkaitan dengan keadaan ini berdasarkan maklumat baharu tersebut.**
- 28.28 Dalam sesetengah kes, suatu entiti perlu mengemas kini pendedahan dalam penyata kewangannya bagi menggambarkan maklumat yang diterima selepas tarikh pelaporan, tetapi sebelum penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan, walaupun maklumat tersebut tidak menjejaskan amaun yang diiktiraf oleh entiti dalam penyata kewangannya. Satu contoh yang memerlukan pengemaskinian pendedahan adalah apabila bukti diperoleh selepas tarikh pelaporan mengenai liabiliti luar jangka yang wujud pada tarikh pelaporan. Sebagai tambahan dalam mempertimbangkan sama ada entiti kini perlu mengiktiraf suatu peruntukan, entiti mengemas kini pendedahan berkaitan liabiliti luar jangka tersebut berdasarkan bukti yang diperoleh.

### **Pendedahan Peristiwa Tak Perlu Pelarasan Selepas Tarikh Pelaporan**

28.29 **Jika peristiwa tak perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan adalah material, dengan tidak mendedahkannya boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berasaskan penyata kewangan. Oleh itu, suatu entiti hendaklah mendedahkan perkara berikut bagi setiap kategori peristiwa tak perlu pelarasan yang material selepas tarikh pelaporan:**

- (a) **Sifat peristiwa; dan**
- (b) **Anggaran kesan kewangannya, atau pernyataan bahawa anggaran tersebut tidak dapat dibuat.**

28.30 Berikut adalah contoh peristiwa tak perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan yang biasanya menyebabkan pendedahan:

- (a) Penurunan besar yang luar biasa dalam nilai hartanah yang dibawa pada nilai saksama, dan penurunan tidak berkaitan dengan keadaan hartanah pada tarikh pelaporan, tetapi disebabkan oleh keadaan yang wujud sejak tarikh pelaporan;
- (b) Entiti membuat keputusan selepas tarikh pelaporan, untuk menyediakan/mengagihkan manfaat tambahan yang cukup besar pada masa hadapan kepada peserta dalam program khidmat komuniti yang dikendalikannya sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan manfaat tambahan tersebut memberikan impak yang besar terhadap entiti;
- (c) Pemerolehan atau pelupusan suatu Entiti Yang Dikawal utama, atau penyumberan luar bagi semua atau sebahagian besar aktiviti yang sedang dilaksanakan oleh suatu entiti selepas tarikh pelaporan;
- (d) Mengumumkan rancangan untuk menghentikan operasi atau program utama, melupuskan aset, atau melangsaikan liabiliti yang diperoleh daripada operasi atau program utama yang dihentikan, atau membuat perjanjian baharu yang mengikat untuk menjual aset tersebut atau melangsaikan liabiliti tersebut (panduan tentang pengolahan dan pendedahan daripada operasi yang dihentikan boleh didapati dalam piawaian perakaunan antarabangsa atau nasional yang berkaitan yang membincangkan tentang operasi yang dihentikan);
- (e) Pembelian dan pelupusan aset secara besar-besaran;
- (f) Kemusnahan bangunan utama akibat kebakaran selepas tarikh pelaporan;
- (g) Mengumumkan, atau mula melaksanakan, penyusunan semula secara besar-besaran (rujuk Seksyen 25, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka);
- (h) Memperkenalkan undang-undang untuk pelepasan hutang yang dibuat kepada entiti atau individu sebagai sebahagian daripada program;
- (i) Perubahan besar yang luar biasa selepas tarikh pelaporan dalam harga aset atau kadar pertukaran asing;

- (j) Dalam kes entiti yang dikenakan cukai pendapatan atau cukai yang setara dengan cukai pendapatan, perubahan dalam kadar cukai atau undang-undang percukaian yang kuat kuasa atau diumumkan selepas tarikh pelaporan yang memberikan kesan yang signifikan terhadap cukai semasa dan aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda (panduan perakaunan bagi cukai pendapatan boleh didapati dalam piawaian perakaunan antarabangsa atau nasional yang berkaitan yang membincangkan tentang cukai pendapatan);
- (k) Membuat komitmen baharu yang signifikan atau liabiliti luar jangka. Contohnya, dengan mengeluarkan jaminan yang signifikan selepas tarikh pelaporan; dan
- (l) Memulakan litigasi utama yang wujud semata-mata akibat peristiwa yang berlaku selepas tarikh pelaporan.

## Seksyen 29

### *Pendedahan Pihak Berkaitan*

#### Skop Seksyen

---

- 29.1 Seksyen ini menetapkan keperluan pendedahan berkenaan dengan kewujudan hubungan pihak berkaitan jika wujudnya kawalan, dan pendedahan maklumat tentang transaksi antara entiti dengan pihak berkaitannya dalam keadaan tertentu. Maklumat ini diperlukan bagi tujuan kebertanggungjawaban, dan untuk membantu memahami kedudukan kewangan dan prestasi entiti pelapor dengan lebih baik. Isu utama pendedahan maklumat berkenaan pihak berkaitan adalah:
- (a) mengenal pasti pihak yang mengawal atau pihak yang mempengaruhi entiti pelapor secara signifikan; dan
  - (b) menentukan maklumat yang hendak didedahkan berkenaan transaksi dengan pihak tersebut.
- 29.2 Suatu entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan hendaklah mengguna pakai Seksyen ini untuk mendedahkan maklumat tentang hubungan dengan pihak berkaitan dan transaksi tertentu dengan beberapa pihak berkaitan.

#### Takrif

---

- 29.3 Istilah berikut digunakan dalam Seksyen ini dengan maksud yang dinyatakan:
- (a) Ahli keluarga terdekat individu ialah saudara-mara terdekat individu tersebut atau ahli dalam keluarga terdekat individu yang dijangka boleh mempengaruhi, atau dipengaruhi oleh, individu tersebut dalam urusan mereka dengan entiti.
  - (b) Imbuhan personel pengurusan utama ialah sebarang balasan atau manfaat yang diperoleh secara langsung atau tidak langsung oleh personel pengurusan utama daripada entiti pelapor untuk perkhidmatan yang diberikan dalam kapasiti mereka sebagai ahli badan pentadbiran, atau sebagai pekerja entiti pelapor.
  - (c) Pengaruh signifikan (bagi tujuan Seksyen ini) ialah kuasa mengambil bahagian dalam membuat keputusan berkaitan dasar kewangan dan operasi entiti, tetapi tidak mengawal dasar tersebut. Pengaruh signifikan boleh dilaksanakan dalam beberapa cara, lazimnya melalui perwakilan dalam lembaga pengarah atau badan pentadbiran yang setara dengannya, malahan juga, antaranya penyertaan dalam:
    - (i) proses penggubalan dasar;
    - (ii) transaksi yang material antara beberapa entiti dalam entiti ekonomi;
    - (iii) pertukaran antara personel pengurusan; atau

(iv) kebergantungan pada maklumat teknikal.

Pengaruh signifikan boleh diperoleh melalui kepentingan pemilikan, undang-undang statut, atau perjanjian. Berkenaan dengan kepentingan pemilikan, pengaruh signifikan diandaikan selaras dengan takrif yang terkandung dalam Seksyen 34, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama.

(d) Pengawasan bermaksud penyeliaan aktiviti entiti, dengan kuasa dan tanggungjawab untuk mengawal, atau melaksanakan pengaruh signifikan terhadap keputusan kewangan dan operasi entiti itu.

(e) Personel pengurusan utama ialah:

(i) Semua pengarah atau ahli badan pentadbiran entiti tersebut; dan

(ii) Orang lain yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah, dan mengawal aktiviti entiti pelapor. Jika keperluan ini dipenuhi, personel pengurusan utama termasuk:

a. Apabila ahli tersebut merupakan ahli badan pentadbiran dalam entiti kerajaan, yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah, dan mengawal aktiviti entiti pelapor;

b. Mana-mana penasihat utama kepada ahli tersebut; dan

c. Kumpulan pengurusan kanan entiti pelapor, termasuk ketua eksekutif atau ketua tetap bagi entiti pelapor, melainkan jika sudah termasuk dalam (a).

(f) Pihak berkaitan bermaksud beberapa pihak dianggap berkaitan jika satu pihak mempunyai kemampuan untuk:

(i) mengawal pihak yang lain; atau

(ii) melaksanakan pengaruh signifikan terhadap pihak yang lain dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau jika entiti pihak berkaitan dan entiti lain tertakluk kepada kawalan yang sama.

Pihak berkaitan termasuk:

(i) Entiti yang secara langsung, atau tidak langsung melalui satu atau lebih perantara, mengawal, atau dikawal oleh, entiti pelapor tersebut;

(ii) Entiti Bersekutu (rujuk Seksyen 34, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama);

(iii) Individu yang memiliki, secara langsung atau tidak langsung, kepentingan dalam entiti pelapor yang memberikan mereka pengaruh signifikan terhadap entiti, dan ahli keluarga terdekat individu berkenaan;

- (iv) **Personel pengurusan utama, dan ahli keluarga terdekat mereka; dan**
- (v) **Entiti yang sebahagian besar kepentingan pemilikannya dipegang secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana individu yang diterangkan dalam (iii) atau (iv), atau individu tersebut boleh melaksanakan pengaruh signifikan.**
- (g) **Transaksi pihak berkaitan ialah pindahan sumber atau obligasi antara beberapa pihak berkaitan, sama ada harga dikenakan atau tidak. Transaksi pihak berkaitan tidak termasuk transaksi dengan mana-mana entiti lain yang merupakan pihak berkaitan semata-mata kerana kebergantungan mereka dari segi ekonomi kepada entiti pelapor atau kepada kerajaan yang entiti tersebut adalah sebahagian daripadanya.**

### **Ahli Keluarga Terdekat bagi Individu**

29.4 Pertimbangan diperlukan untuk menentukan sama ada seseorang individu harus dikenal pasti sebagai ahli keluarga terdekat bagi individu atau tidak, untuk tujuan penggunaan Seksyen ini. Jika tiada maklumat yang menunjukkan sebaliknya, sebagai contoh, suami/isteri atau saudara yang lain telah berpisah daripada individu tersebut, maka ahli keluarga terdekat dan saudara rapat yang berikut dianggap mempunyai atau tertakluk kepada pengaruh sedemikian, untuk memenuhi takrif ahli keluarga terdekat bagi individu seperti:

- (a) Suami/isteri/isteri-isteri, anak di bawah tanggungan, atau saudara yang tinggal serumah;
- (b) Datuk/nenek, ibu/bapa, anak yang bukan di bawah tanggungan, cucu, adik, abang atau kakak; dan
- (c) Menantu, ibu/bapa mentua, adik ipar, abang ipar, atau kakak ipar.

### **Personel Pengurusan Utama**

29.5 Personel pengurusan utama termasuk semua pengarah atau ahli badan pentadbiran entiti pelapor, jika badan pentadbiran tersebut mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah, dan mengawal aktiviti entiti. Badan pentadbiran tersebut boleh terdiri daripada wakil yang dipilih atau dilantik (contohnya, menteri, Yang Dipertua, Ahli Dewan Undangan Negeri atau penama mereka).

29.6 Jika suatu entiti tertakluk di bawah pengawasan wakil yang dipilih atau dilantik bagi badan pentadbiran kerajaan negeri untuk entiti tersebut, maka individu tersebut termasuk dalam personel pengurusan utama, sekiranya fungsi pengawasan merangkumi kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah, dan mengawal aktiviti entiti tersebut. Dalam kebanyakan bidang kuasa, penasihat utama kepada individu tersebut mungkin tidak mempunyai kuasa yang mencukupi, sama ada yang sah di sisi undang-undang atau sebaliknya, untuk memenuhi takrif personel pengurusan utama. Dalam bidang kuasa yang lain, penasihat utama kepada individu tersebut boleh dianggap sebagai personel pengurusan utama kerana mereka mempunyai hubungan kerja istimewa dengan individu yang mempunyai kawalan ke atas suatu entiti. Oleh itu, mereka mendapat akses kepada maklumat istimewa, dan boleh juga melaksanakan kawalan atau pengaruh yang signifikan ke atas suatu entiti. Pertimbangan diperlukan untuk menilai sama ada seseorang individu tersebut merupakan penasihat utama atau tidak, dan sama ada penasihat tersebut memenuhi takrif personel pengurusan utama, atau merupakan pihak berkaitan.

- 29.7 Badan pentadbiran, bersama ketua eksekutif dan kumpulan pengurusan kanan, mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang dan mengawal aktiviti entiti, mengurus sumber entiti tersebut dan bertanggungjawab terhadap pencapaian keseluruhan objektif entiti. Oleh itu, personel pengurusan utama termasuk daripada ketua eksekutif dan kumpulan pengurusan kanan entiti pelapor. Dalam sesetengah bidang kuasa, penjawat awam tidak akan mempunyai kuasa yang mencukupi dan tanggungjawab untuk memenuhi takrif sebagai personel pengurusan utama (seperti yang ditakrifkan oleh Seksyen ini) dalam entiti pelapor. Dalam kes ini, personel pengurusan utama terdiri hanya ahli yang dipilih daripada badan pentadbiran yang mempunyai tanggungjawab tertinggi dalam entiti. Contohnya, Ketua Pegawai Eksekutif atau Setiausaha Majlis.
- 29.8 Kumpulan pengurusan kanan suatu entiti ekonomi boleh terdiri daripada individu daripada entiti yang mengawal dan entiti lain yang secara kolektifnya membentuk entiti ekonomi.

### **Pihak Berkaitan**

- 29.9 Dalam mempertimbangkan setiap kemungkinan hubungan pihak berkaitan, perhatian perlu ditumpukan kepada inti pati hubungan tersebut dan bukan semata-mata pada bentuk sahnya di sisi undang-undang.
- 29.10 Sekiranya dua entiti mempunyai ahli personel pengurusan utama yang sama, maka perlu untuk mempertimbangkan kemungkinan dan menilai kebolehjadian, bahawa individu ini akan dapat mempengaruhi polisi kedua-dua entiti dalam urusan bersama. Walau bagaimanapun, kenyataan bahawa adanya ahli personel pengurusan utama yang sama tidak semestinya mewujudkan hubungan pihak berkaitan.
- 29.11 Dalam konteks Seksyen ini, perkara berikut tidak dianggap sebagai pihak berkaitan:
- (a) Penyedia dana termasuk penyedia pembiayaan dan pewakaf dalam operasi perniagaan mereka; dalam keadaan urusan biasa mereka dengan suatu entiti dan hanya berdasarkan urusan tersebut (walaupun mereka boleh mengehadkan kebebasan bertindak suatu entiti atau boleh mengambil bahagian dalam proses pembuatan keputusan entiti tersebut); dan
  - (b) Suatu entiti yang mempunyai hubungan hanya sebagai sebuah agensi.
- 29.12 Hubungan pihak berkaitan boleh wujud apabila seorang individu menjadi sama ada ahli badan pentadbiran atau terlibat dalam keputusan kewangan dan operasi entiti pelapor tersebut. Hubungan pihak berkaitan boleh juga wujud melalui hubungan operasi luaran antara entiti pelapor dengan pihak berkaitan. Hubungan sedemikian selalunya akan melibatkan suatu tahap kebergantungan ekonomi.



- 29.13 Kebergantungan ekonomi ialah keadaan apabila suatu entiti bergantung pada entiti yang lain, iaitu ia berharap pada entiti lain untuk suatu volum yang signifikan dalam pembiayaannya atau penjualan barangan dan perkhidmatannya. Keadaan ini tidak mungkin menghasilkan kawalan atau pengaruh signifikan dan tidak mungkin mewujudkan hubungan pihak berkaitan. Oleh itu, seorang pelanggan, pembekal, pemberi francais, pengedar, atau ejen am yang berurusan dengan entiti untuk volum perniagaan yang signifikan tidak akan menjadi pihak berkaitan disebabkan semata-mata oleh kewujudan kebergantungan ekonomi. Walau bagaimanapun, kebergantungan ekonomi bersama faktor lain, boleh mewujudkan pengaruh signifikan, dan oleh itu, wujud hubungan pihak berkaitan. Pertimbangan diperlukan bagi menilai impak kebergantungan ekonomi terhadap suatu hubungan. Jika entiti pelapor bergantung secara ekonomi pada suatu entiti yang lain, maka entiti pelapor tersebut digalakkan untuk mendedahkan kewujudan kebergantungan tersebut.
- 29.14 Takrif pihak berkaitan termasuk entiti yang dimiliki oleh personel pengurusan utama, ahli keluarga terdekat individu tersebut atau pemegang saham utama (atau setara jika entiti tidak mempunyai struktur ekuiti yang formal) entiti pelapor tersebut. Takrif pihak berkaitan juga termasuk keadaan apabila satu pihak mempunyai kemampuan untuk melaksanakan pengaruh signifikan ke atas pihak yang lain. Dalam sektor awam, individu atau entiti mungkin diberikan tanggungjawab pengawasan untuk entiti pelapor, yang memberikan mereka pengaruh signifikan, tetapi bukan kawalan, terhadap keputusan kewangan dan operasi entiti pelapor tersebut. Bagi tujuan Seksyen ini, pengaruh signifikan adalah merangkumi usaha sama.

### **Imbuan Personel Pengurusan Utama**

- 29.15 Imbuan personel pengurusan utama termasuk imbuan yang diperoleh oleh individu daripada entiti pelapor untuk perkhidmatan yang diberikan kepada entiti pelapor tersebut dalam kapasiti mereka sebagai ahli badan pentadbiran atau pekerja. Manfaat yang diperoleh secara langsung atau tidak langsung daripada entiti untuk perkhidmatan dalam apa-apa kapasiti, selain sebagai pekerja atau ahli badan pentadbiran, tidak memenuhi takrif imbuan personel pengurusan utama dalam Seksyen ini. Namun begitu, Seksyen 29.30 menghendaki pendedahan dibuat berkenaan dengan sesetengah manfaat lain tersebut. Imbuan personel pengurusan utama tidak termasuk sebarang ganjaran yang diberikan hanya sebagai pembayaran ganti untuk perbelanjaan yang ditanggung oleh individu tersebut bagi kepentingan entiti pelapor, seperti pembayaran ganti kos penginapan bagi perjalanan berkaitan kerja.

### **Kuasa Mengundi**

- 29.16 Takrif pihak berkaitan termasuk mana-mana individu yang memiliki, secara langsung atau tidak langsung, suatu kepentingan dalam kuasa mengundi entiti pelapor yang memberikan mereka pengaruh signifikan ke atas entiti tersebut. Pemegangan kepentingan dalam kuasa mengundi sesuatu entiti boleh terhasil apabila entiti mempunyai struktur korporat, dan menteri atau agensi entiti memiliki saham dalam entiti tersebut.

## Imbuan Personel Pengurusan Utama

29.17 Personel pengurusan utama memegang jawatan yang mempunyai tanggungjawab dalam suatu entiti. Mereka bertanggungjawab terhadap hala tuju strategik dan pengurusan operasi suatu entiti, dan diamanahkan dengan kuasa yang signifikan. Gaji mereka lazimnya ditentukan oleh statut, atau tribunal bebas atau badan lain yang tidak bergantung kepada entiti pelapor. Walau bagaimanapun, tanggungjawab mereka membolehkan mereka mempengaruhi manfaat jawatan yang diberikan kepada mereka atau kepada pihak yang berkaitan dengan mereka. Seksyen ini memerlukan pendedahan tertentu dibuat mengenai:

- (a) imbuan personel pengurusan utama dan ahli keluarga terdekat mereka semasa tempoh pelaporan;
- (b) pinjaman atau pembiayaan yang diberikan kepada mereka; dan
- (c) balasan yang disediakan untuk mereka bagi perkhidmatan yang diberikan kepada entiti, selain sebagai ahli badan pentadbiran atau pekerja.

Pendedahan yang dikehendaki oleh Seksyen ini akan memastikan bahawa tahap minimum ketelusan yang bersesuaian diguna pakai bagi imbuan untuk personel pengurusan utama dan ahli keluarga terdekat mereka.

## Kematanan

---

29.18 Seksyen 3, Konsep dan Prinsip yang Mendasari Pelaporan menghendaki pendedahan berasingan untuk item material. Kematanan sesuatu item ditentukan berdasarkan sifat atau saiz item tersebut. Apabila menilai kematanan transaksi pihak berkaitan, sifat hubungan antara entiti pelapor dengan pihak berkaitan, dan sifat transaksi, boleh bermaksud bahawa transaksi tersebut adalah material tanpa mengira saiznya.

## Pendedahan

---

29.19 Undang-undang dan peraturan pelaporan kewangan pihak berkuasa lain juga menghendaki pendedahan maklumat berkenaan dengan kategori tertentu pihak berkaitan dan transaksi pihak berkaitan bagi penyata kewangan entiti sektor swasta. Perhatian ditumpukan kepada transaksi entiti dengan pengarah atau ahli badan pentadbiran dan dengan kumpulan pengurusan kanan, terutama imbuan dan pinjaman atau pembiayaan mereka. Hal ini adalah kerana:

- (a) tanggungjawab fidusiari pengarah, ahli badan pentadbiran, dan kumpulan pengurusan kanan; dan
- (b) mereka memiliki kuasa yang meluas ke atas penggunaan sumber entiti. Dalam sesetengah bidang kuasa, keperluan yang serupa dimasukkan dalam statut dan peraturan yang terpakai untuk entiti sektor awam.

- 29.20 Sesetengah Seksyen dalam PPIBZW juga menghendaki pendedahan tentang transaksi dengan pihak berkaitan. Seksyen 32, Penyata Kewangan Berasingan, Seksyen 33, Penyata Kewangan Disatukan dan Seksyen 34, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama, menghendaki pendedahan berkenaan dengan senarai entiti yang dikawal dan entiti bersekutu yang signifikan.

### **Pendedahan Kawalan**

- 29.21 Hubungan pihak berkaitan apabila wujudnya kawalan hendaklah didedahkan, tanpa mengira sama ada wujud atau tidak, transaksi antara pihak berkaitan.
- 29.22 Bagi membolehkan pengguna penyata kewangan memberikan pandangan tentang kesan hubungan pihak berkaitan terhadap entiti pelapor, maka adalah bersesuaian untuk mendedahkan hubungan pihak berkaitan jika kawalan wujud, tanpa mengira sama ada wujud atau tidak transaksi antara pihak berkaitan. Pendedahan tersebut melibatkan nama mana-mana entiti yang dikawal, entiti mengawal terdekat, dan entiti mengawal utama, jika ada.

### **Pendedahan Transaksi Pihak Berkaitan**

- 29.23 **Dalam hal transaksi antara pihak berkaitan, selain transaksi yang berlaku dalam hubungan biasa antara pembekal atau pelanggan/penerima mengikut terma dan syarat yang tidak lebih atau kurang memberi kelebihan berbanding terma dan syarat yang dianggap munasabah untuk diterima pakai oleh entiti jika berurusan dengan individu atau entiti secara tulus dalam keadaan yang sama, entiti pelapor hendaklah mendedahkan:**
- (a) **Sifat hubungan pihak berkaitan;**
  - (b) **Jenis transaksi yang telah berlaku; dan**
  - (c) **Elemen transaksi yang perlu bagi menjelaskan kepentingan transaksi sedemikian kepada operasinya dan mencukupi untuk membolehkan penyata kewangan menyediakan maklumat yang relevan dan boleh dipercayai bagi tujuan pembuatan keputusan dan akauntabiliti.**
- 29.24 Contoh situasi transaksi pihak berkaitan yang boleh menyebabkan pendedahan dibuat oleh entiti pelapor adalah seperti berikut:
- (a) Pemberian atau penerimaan perkhidmatan;
  - (b) Pembelian atau pindahan/jualan barangan (siap atau belum siap);
  - (c) Pembelian atau pindahan/jualan hartanah dan aset lain;
  - (d) Pengaturan agensi;
  - (e) Pengaturan pajakan;

- (f) Pindahan penyelidikan dan pembangunan;
- (g) Perjanjian Mutawalli atau pengaturan yang seumpamanya;
- (h) Pinjaman atau pembiayaan (termasuk sumbangan modal, geran sama ada dalam bentuk tunai atau barangan, dan sokongan kewangan yang lain, termasuk pengaturan perkongsian kos); dan
- (i) Jaminan dan cagaran.

29.25 Entiti berurus niaga secara ekstensif sesama sendiri setiap hari. Transaksi sebegini boleh dijalankan pada kos, di bawah kos atau secara percuma. Contohnya, bahagian khidmat pentadbiran boleh menyediakan ruang pejabat secara percuma kepada jabatan lain dalam entiti, atau entiti boleh bertindak sebagai ejen pembelian untuk entiti yang lain. Dalam sesetengah model kerajaan, mungkin terdapat keupayaan untuk memulihkan lebih daripada kos penuh penyampaian perkhidmatan. Jabatan adalah pihak berkaitan kerana mereka tertakluk kepada kawalan yang sama, dan transaksi sebegini memenuhi takrifan transaksi pihak berkaitan. Walau bagaimanapun, pendedahan maklumat berkenaan dengan transaksi antara entiti ini tidak dikehendaki jika transaksi tersebut:

- (a) konsisten dengan hubungan operasi biasa antara entiti; dan
- (b) dijalankan mengikut terma dan syarat yang biasa bagi transaksi tersebut.

Pengecualian transaksi pihak berkaitan ini daripada keperluan pendedahan dalam Seksyen 29.23 menggambarkan bahawa entiti sektor awam beroperasi bersama-sama bagi mencapai objektif yang sama, dan menerima bahawa mekanisme yang berbeza mungkin boleh diterima pakai oleh entiti sektor awam dalam bidang kuasa yang berbeza untuk penyampaian perkhidmatan. Seksyen ini menghendaki pendedahan berkenaan dengan transaksi pihak berkaitan dibuat hanya apabila transaksi tersebut dijalankan tidak mengikut had operasi ditetapkan dalam bidang kuasa berkaitan.

29.26 Maklumat tentang transaksi pihak berkaitan yang perlu didedahkan bagi memenuhi objektif pelaporan kewangan tujuan umum pada kebiasaannya termasuk:

- (a) Penerangan tentang sifat hubungan dengan pihak berkaitan yang terlibat dalam transaksi tersebut, contohnya, sama ada hubungan tersebut ialah sebagai entiti mengawal, entiti yang dikawal, entiti di bawah kawalan yang sama, atau personel pengurusan utama;
- (b) Penerangan tentang transaksi pihak berkaitan dalam setiap kelas umum transaksi dan pernyataan berkenaan dengan volum kelas tersebut, sama ada dalam bentuk amaun monetari khusus atau dalam bentuk perkadaran kelas transaksi dan/atau baki tersebut;
- (c) Ringkasan terma dan syarat umum transaksi dengan pihak berkaitan, termasuk pendedahan tentang bagaimana terma dan syarat ini berbeza daripada terma dan syarat yang biasanya dikaitkan dengan transaksi yang sama dengan pihak yang tidak berkaitan; dan
- (d) Amaun atau perkadaran bersesuaian bagi item yang belum dijelaskan.

- 29.27 Seksyen 29.30 menghendaki pendedahan tambahan dibuat tentang transaksi tertentu antara entiti dengan personel pengurusan utama dan/atau dengan ahli keluarga terdekat personel pengurusan utama.
- 29.28 **Sifat item yang serupa boleh didedahkan secara agregat, melainkan jika pendedahan berasingan diperlukan bagi menyediakan maklumat yang relevan dan boleh dipercayai untuk tujuan pembuatan keputusan dan akauntabiliti.**
- 29.29 Pendedahan tentang transaksi pihak berkaitan antara ahli entiti ekonomi tidak diperlukan dalam penyata kewangan disatukan, kerana penyata kewangan disatukan membentangkan maklumat tentang entiti mengawal dan entiti yang dikawal sebagai satu entiti pelapor. Transaksi pihak berkaitan yang dijalankan antara entiti dalam suatu entiti ekonomi disingkirkan semasa penyatuan menurut Seksyen 32, Penyata Kewangan Berasingan. Transaksi dengan entiti bersekutu yang diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti tidak disingkirkan, dan oleh itu memerlukan pendedahan berasingan sebagai transaksi pihak berkaitan.

### **Pendedahan – Personel Pengurusan Utama**

29.30 Entiti hendaklah mendedahkan:

- (a) **Imbuan personel pengurusan utama secara agregat dan bilangan individu berkaitan, ditentukan pada asas kesetaraan sepenuh masa, yang menerima imbuan dalam kategori ini, dengan menunjukkan secara berasingan kelas utama personel pengurusan utama dan penerangan bagi setiap kelas;**
- (b) **Amaun keseluruhan bagi semua imbuan dan pampasan lain yang diberikan oleh entiti pelapor kepada personel pengurusan utama dan ahli keluarga terdekat personel pengurusan utama, sepanjang tempoh pelaporan, yang menunjukkan secara berasingan amaun agregat yang diberikan kepada:**
  - (i) **Personel pengurusan utama; dan**
  - (ii) **Ahli keluarga terdekat personel pengurusan utama; dan**
- (c) **Berkaitan pinjaman atau pembiayaan yang tidak tersedia secara meluas kepada orang yang bukan personel pengurusan utama dan pinjaman atau pembiayaan yang ketersediaannya tidak diketahui secara meluas oleh orang awam, bagi setiap ahli perseorangan personel pengurusan utama dan setiap ahli keluarga terdekat personel pengurusan utama:**
  - (i) **Amaun pinjaman atau pembiayaan yang diberikan sepanjang tempoh tersebut serta terma dan syaratnya;**
  - (ii) **Amaun pinjaman atau pembiayaan yang dibayar balik sepanjang tempoh tersebut;**
  - (iii) **Amaun baki akhir pinjaman atau pembiayaan dan belum terima; dan**

**(iv) Jika individu tersebut bukan pengarah atau ahli badan pentadbiran atau kumpulan pengurusan kanan entiti tersebut, hubungan individu dengan badan atau kumpulan tersebut.**

- 29.31 Seksyen 29.23 menghendaki pendedahan tentang transaksi pihak berkaitan yang telah berlaku selain daripada asas tulus yang konsisten dengan syarat operasi yang telah wujud bagi entiti tersebut. Seksyen ini juga menghendaki pendedahan maklumat tentang transaksi tertentu dengan personel pengurusan utama yang dikenal pasti dalam Seksyen 29.30, sama ada ia berlaku pada asas tulus yang konsisten dengan syarat operasi yang diguna pakai bagi entiti tersebut atau tidak.
- 29.32 Personel pengurusan utama boleh diambil bekerja secara sepenuh masa atau sambilan. Bilangan individu yang didedahkan sebagai penerima imbuhan selaras dengan Seksyen 29.30 (a) hendaklah dianggarkan dengan asas kesetaraan sepenuh masa. Entiti akan membuat pendedahan berasingan berkenaan dengan kelas utama personel pengurusan utama yang bekerja dengannya. Contohnya, jika entiti mempunyai badan pentadbiran yang berasingan daripada kumpulan pengurusan kanannya, pendedahan berkenaan dengan imbuhan kedua-dua kumpulan tersebut hendaklah dibuat secara berasingan. Jika seorang individu merupakan ahli badan pentadbiran dan juga kumpulan pengurusan kanan, individu tersebut akan dimasukkan dalam hanya satu daripada kumpulan tersebut bagi tujuan Seksyen ini. Kategori personel pengurusan utama yang dikenal pasti dalam takrif personel pengurusan utama memberi panduan bagi mengenal pasti kelas personel pengurusan utama.
- 29.33 Imbuhan personel pengurusan utama termasuk pelbagai manfaat langsung dan tidak langsung. Jika kos manfaat boleh ditentukan, kos tersebut akan dimasukkan dalam imbuhan yang didedahkan secara agregat. Jika kos manfaat tidak dapat ditentukan, entiti pelapor atau suatu entiti akan membuat anggaran terbaik bagi kos tersebut dan dimasukkan dalam imbuhan yang didedahkan secara agregat.
- 29.34 Keperluan berkenaan dengan pengukuran manfaat pekerja boleh didapati dalam Seksyen 20, Manfaat Pekerja. Jika imbuhan bukan monetari yang boleh diukur dengan munasabah telah dimasukkan dalam amaun imbuhan secara agregat untuk personel pengurusan utama yang didedahkan bagi tempoh tersebut, pendedahan juga hendaklah dibuat dalam nota kepada penyata kewangan berkenaan dengan asas pengukuran imbuhan bukan monetari.
- 29.35 Seksyen ini menghendaki pendedahan maklumat tertentu berkenaan dengan terma dan syarat pinjaman atau pembiayaan yang diberikan kepada personel pengurusan utama dan kepada ahli keluarga terdekat personel pengurusan utama, jika pinjaman atau pembiayaan tersebut:
- (a) Tidak tersedia secara meluas kepada individu di luar kumpulan pengurusan utama; dan
  - (b) Mungkin tersedia secara meluas di luar kumpulan pengurusan utama, tetapi ketersediaannya tidak diketahui secara meluas oleh orang awam.

Pendedahan maklumat ini diperlukan bagi tujuan akauntabiliti. Pertimbangan mungkin diperlukan untuk menentukan pinjaman atau pembiayaan yang hendak didedahkan bagi memenuhi keperluan Seksyen ini. Pertimbangan ini hendaklah dibuat setelah mengambil kira fakta yang relevan, dan secara konsisten dengan pencapaian objektif pelaporan kewangan.

- 29.36 Seksyen 29.30 (a) menghendaki pendedahan berkenaan dengan imbuhan secara agregat personel pengurusan utama. Personel pengurusan utama adalah termasuk pengarah atau ahli badan pentadbiran dan ahli kumpulan pengurusan kanan entiti tersebut. Pengarah atau ahli badan pentadbiran entiti tersebut boleh juga menerima imbuhan atau pampasan daripada entiti tersebut bagi perkhidmatan yang diberikan, dalam kapasiti selain daripada sebagai pengarah atau ahli badan pentadbiran entiti, atau (b) sebagai seorang pekerja entiti. Seksyen 29.30 (b) (i) menghendaki pendedahan tentang amaun keseluruhan imbuhan atau pampasan lain tersebut.
- 29.37 Ahli keluarga terdekat personel pengurusan utama boleh mempengaruhi, atau dipengaruhi oleh, personel pengurusan utama dalam transaksi mereka dengan entiti pelapor. Seksyen 29.30 (b) (ii) menghendaki pendedahan berkaitan dengan jumlah imbuhan dan pampasan yang disediakan sepanjang tempoh pelaporan kepada ahli keluarga terdekat personel pengurusan utama.

## Seksyen 30

### *Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan*

#### Skop Seksyen

---

- 30.1 Seksyen ini menghendaki perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar yang wujud daripada pelaksanaan bajet, dimasukkan ke dalam penyata kewangan entiti yang dikehendaki mendedahkan, atau entiti yang memilih untuk mendedahkan kepada umum bajetnya yang telah diluluskan. Disebabkan pendedahan tersebut, entiti mempunyai akauntabiliti kepada umum. Seksyen ini juga menghendaki pendedahan dibuat untuk menerangkan mengapa terdapat perbezaan material antara amaun bajet dengan amaun sebenar. Pematuhan kepada keperluan Seksyen ini akan memastikan entiti melaksanakan obligasi akauntabiliti dan meningkatkan ketelusan penyata kewangannya dengan menunjukkan:
- (a) pematuhan kepada bajet yang diluluskan, iaitu entiti mempunyai akauntabiliti kepada umum; dan
  - (b) pencapaian prestasi kewangan seperti yang dibajetkan, jika bajet dan penyata kewangan disediakan berdasarkan asas yang sama.
- 30.2 Suatu entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan hendaklah mengguna pakai Seksyen ini.
- 30.3 Seksyen ini tidak menghendaki bajet yang diluluskan didedahkan kepada umum, dan tidak juga menghendaki penyata kewangan mendedahkan maklumat tentang bajet yang diluluskan, atau membuat perbandingan dengan bajet yang diluluskan tetapi tidak didedahkan kepada umum.
- 30.4 Dalam sesetengah kes, bajet yang diluluskan akan disusun supaya merangkumi semua aktiviti yang dikawal oleh entiti. Dalam kes lain, bajet berasingan yang diluluskan mungkin perlu didedahkan kepada umum untuk aktiviti tertentu, kumpulan aktiviti atau entiti yang dimasukkan ke dalam penyata kewangan entiti. Hal ini boleh berlaku jika:
- (a) contohnya, penyata kewangan entiti merangkumi agensi atau program yang memiliki autonomi operasi dan menyediakan bajetnya sendiri, atau
  - (b) bajet disediakan hanya untuk entiti.

Seksyen ini terpakai kepada semua entiti yang membentangkan penyata kewangan apabila bajet yang diluluskan untuk entiti tersebut atau komponen daripadanya, didedahkan kepada umum.

#### Takrif

---

- 30.5 Istilah berikut digunakan dalam Seksyen ini dengan maksud yang dinyatakan:
- (a) Asas bajet bermaksud asas perakaunan akruan, tunai atau asas perakaunan lain yang diterima pakai dalam bajet yang telah diluluskan oleh badan perundangan.



- (b) **Asas boleh banding** bermaksud amaun sebenar yang dibentangkan pada asas perakaunan yang sama, asas klasifikasi yang sama, untuk entiti yang sama, dan untuk tempoh yang sama dengan bajet yang diluluskan.
- (c) **Asas perakaunan** bermaksud asas perakaunan akruan atau tunai.
- (d) **Bajet akhir** ialah bajet asal yang diselaraskan untuk semua rizab, amaun bawa ke hadapan, pindahan, peruntukan, peruntukan tambahan dan perubahan lain dalam perundangan yang dibenarkan atau pihak berkuasa serupa yang terpakai bagi tempoh bajet tersebut.
- (e) **Bajet asal** ialah bajet awal yang diluluskan untuk tempoh bajet.
- (f) **Bajet berbilang tahun** ialah bajet yang diluluskan bagi tempoh lebih daripada satu tahun. Ia tidak termasuk anggaran hadapan atau unjuran yang diterbitkan untuk beberapa tempoh melebihi tempoh bajet.
- (g) **Bajet tahunan** bermaksud bajet yang telah diluluskan untuk satu tahun. Ia tidak termasuk anggaran hadapan atau unjuran yang diterbitkan untuk beberapa tempoh melebihi tempoh bajet.
- (h) **Bajet yang diluluskan** bermaksud kuasa berbelanja yang diperoleh daripada undang-undang, rang undang-undang, ordinan kerajaan, dan keputusan lain yang berkaitan dengan hasil atau terimaan yang dijangka bagi tempoh bajet.
- (i) **Peruntukan** ialah kuasa yang diberikan oleh badan perundangan untuk memperuntukkan dana bagi tujuan yang ditentukan oleh pihak berkuasa.

Istilah yang ditakrifkan dalam Seksyen lain digunakan dalam Seksyen ini dengan maksud yang sama seperti dalam Piawaian berkenaan, dan dihasilkan semula dalam Glosari yang diterbitkan secara berasingan.

### **Bajet yang diluluskan**

- 30.6 Bajet yang diluluskan seperti yang ditakrifkan oleh Seksyen ini menunjukkan hasil dan terimaan yang dijangka akan diperoleh dalam tempoh bajet tahunan atau bajet berbilang tahun, berdasarkan pelan semasa dan jangkaan keadaan ekonomi dalam tempoh bajet tersebut, dan belanja atau perbelanjaan yang diluluskan oleh badan perundangan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan. Bajet yang diluluskan bukan merupakan anggaran hadapan, atau unjuran berasaskan andaian tentang peristiwa masa hadapan dan tindakan yang mungkin diambil oleh pihak pengurusan yang tidak semestinya dijangka berlaku. Begitu juga, bajet yang diluluskan adalah berbeza daripada maklumat kewangan prospektif, yang mungkin berbentuk ramalan, unjuran atau gabungan kedua-duanya; contohnya, ramalan untuk satu tahun dengan unjuran untuk lima tahun.

- 30.7 Dalam sesetengah bidang kuasa, bajet boleh disahkan menjadi undang-undang sebagai sebahagian daripada proses kelulusan. Dalam bidang kuasa lain, kelulusan boleh diberikan tanpa perlu menjadikan bajet sebagai undang-undang. Walau apapun proses kelulusan, ciri kritikal bagi bajet yang diluluskan ialah kuasa pengeluaran dana daripada perbendaharaan entiti atau badan yang serupa bagi tujuan yang telah dipersetujui dan dikenal pasti diberikan oleh pihak berkuasa. Bajet yang diluluskan menentukan kuasa berbelanja bagi item yang dinyatakan. Kuasa berbelanja itu secara umumnya dianggap sebagai had berbelanja yang sah di sisi undang-undang bagi entiti menjalankan operasi. Dalam sesetengah bidang kuasa, bajet yang diluluskan yang dipertanggungjawabkan kepada entiti mungkin merupakan bajet asal dan dalam bidang kuasa lain, entiti mungkin bertanggungjawab atas bajet akhir.
- 30.8 Jika bajet tidak diluluskan sebelum bermulanya tempoh bajet, bajet asal ialah bajet pertama yang diluluskan untuk penggunaan dalam tahun bajet tersebut.

### **Bajet Asal dan Bajet Akhir**

- 30.9 Bajet asal boleh termasuk amaun sisa yang diperuntukkan yang dibawa ke hadapan secara automatik daripada tahun-tahun sebelumnya oleh undang-undang. Contohnya, proses bajet dalam sesetengah bidang kuasa memasukkan peruntukan undang-undang yang menghendaki peruntukan dibawa ke hadapan secara automatik bagi memenuhi komitmen tahun sebelumnya. Komitmen merangkumi kemungkinan liabiliti masa hadapan berdasarkan perjanjian kontraktual semasa. Dalam sesetengah bidang kuasa, komitmen boleh dirujuk sebagai obligasi atau bebanan, dan termasuk pesanan belian dan kontrak yang belum dijelaskan bagi barang dan perkhidmatan belum diterima.
- 30.10 Peruntukan tambahan mungkin diperlukan jika bajet asal tidak mengambil kira secukupnya jangkaan keperluan perbelanjaan yang timbul daripada, contohnya, bencana alam atau pandemik. Selain itu, mungkin terdapat kekurangan dalam hasil yang diperuntukkan sepanjang tempoh itu dan pindahan dalaman antara kepala bajet atau baris item mungkin diperlukan untuk menampung perubahan dalam keutamaan pendanaan dalam tempoh fiskal tersebut. Oleh itu, dana yang diperuntukkan kepada entiti atau aktiviti mungkin perlu ditolak daripada amaun peruntukan asal untuk tempoh itu bagi mengekalkan disiplin fiskal. Bajet akhir termasuk semua perubahan atau pindaan yang dibenarkan tersebut.

### **Amaun Sebenar**

- 30.11 Seksyen ini menggunakan istilah sebenar atau amaun sebenar bagi menerangkan amaun yang terhasil daripada pelaksanaan bajet. Dalam sesetengah bidang kuasa, hasil bajet, pelaksanaan bajet atau istilah yang serupa boleh digunakan dengan maksud yang sama dengan sebenar atau amaun sebenar.

## **Pembentangan Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar**

---

- 30.12 **Tertakluk kepada keperluan Seksyen 30.19, entiti hendaklah membentangkan perbandingan antara amaun bajet, yang entiti mempunyai akauntabiliti kepada umum dengan amaun sebenar, sama ada sebagai penyata kewangan tambahan yang berasingan atau lajur tambahan bagi bajet dalam penyata kewangan semasa yang dibentangkan mengikut PPIBZW. Perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar hendaklah dibentangkan secara berasingan dengan menyatakan:**
- (a) Amaun bajet asal dan bajet akhir;**
  - (b) Amaun sebenar pada asas boleh banding; dan**
  - (c) Melalui nota pendedahan, penerangan tentang perbezaan material antara bajet yang entiti mempunyai akauntabiliti kepada umum dengan amaun sebenar, kecuali penerangan tersebut dimasukkan dalam dokumen awam lain yang dikeluarkan bersama penyata kewangan dan rujukan silang bagi dokumen tersebut dinyatakan dalam nota.**
- 30.13 Pembentangan amaun bajet asal dan bajet akhir serta amaun sebenar pada asas boleh banding dengan bajet yang didedahkan kepada umum, dalam penyata kewangan, akan melengkapkan kitaran akauntabiliti dengan membolehkan pengguna penyata kewangan mengenal pasti sama ada sumber diperoleh dan digunakan mengikut bajet yang diluluskan. Perbezaan antara amaun sebenar dengan amaun bajet, sama ada bajet asal atau bajet akhir, (selalunya dirujuk sebagai varians dalam perakaunan), boleh juga dibentangkan dalam penyata kewangan untuk melengkapkan laporan.
- 30.14 Penerangan tentang perbezaan material antara amaun sebenar dengan amaun bajet akan membantu pengguna penyata kewangan memahami sebab bagi perbezaan material daripada bajet yang diluluskan yang entiti mempunyai akauntabiliti kepada umum.
- 30.15 Entiti mungkin dikehendaki, atau memilih untuk, mendedahkan kepada umum bajet asal, bajet akhir, atau kedua-duanya sekali. Jika kedua-dua bajet asal dan bajet akhir perlu didedahkan kepada umum, undang-undang, peraturan atau pihak berkuasa lain biasanya akan menyediakan panduan sama ada penjelasan bagi perbezaan yang material antara amaun sebenar dengan amaun asal bajet, atau amaun sebenar dengan amaun bajet akhir, seperti yang dikehendaki menurut Seksyen 30.12 (c). Apabila tiada sebarang panduan sedemikian, perbezaan yang material itu boleh ditentukan dengan merujuk, contohnya:
- (a) perbezaan antara bajet sebenar dengan bajet asal yang memberikan fokus kepada prestasi berbanding bajet asal; atau
  - (b) perbezaan antara bajet sebenar dengan bajet akhir yang memberikan fokus kepada pematuhan terhadap bajet akhir.

- 30.16 Dalam kebanyakan kes, amaun bajet akhir dan amaun sebenar adalah sama. Hal ini disebabkan pelaksanaan bajet dipantau sepanjang tempoh pelaporan, dan bajet asal disemak semula secara progresif bagi menunjukkan perubahan syarat, perubahan keadaan dan pengalaman sepanjang tempoh pelaporan. Seksyen 30.27 menghendaki pendedahan dibuat untuk menerangkan mengapa terdapat perubahan antara bajet asal dengan bajet akhir. Pendedahan tersebut, bersama pendedahan yang dikehendaki oleh Seksyen 30.12 akan memastikan entiti yang mendedahkan bajet yang diluluskan kepada umum mempunyai akauntabiliti kepada umum terhadap prestasi dan pematuhan kepada bajet yang diluluskan.
- 30.17 Perbincangan dan analisis pihak pengurusan, kajian semula operasi, atau laporan awam lain yang menyediakan ulasan tentang prestasi dan pencapaian entiti itu sepanjang tempoh pelaporan, termasuk penerangan mengenai sebarang perbezaan material daripada amaun bajet, pada kebiasaannya dikeluarkan bersama dengan penyata kewangan. Menurut Seksyen 30.12 (c), penerangan tentang perbezaan material antara amaun sebenar dengan amaun bajet akan dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan, melainkan:
- (a) penerangan tersebut dimasukkan dalam laporan awam yang lain atau dokumen yang dikeluarkan bersama penyata kewangan; dan
  - (b) nota kepada penyata kewangan menyatakan laporan atau dokumen yang mengandungi penerangan tersebut.
- 30.18 Jika bajet yang diluluskan hanya didedahkan kepada umum untuk sesetengah entiti atau aktiviti yang termasuk dalam penyata kewangan, keperluan Seksyen 30.12 akan terpakai hanya kepada entiti atau aktiviti yang dinyatakan dalam bajet yang diluluskan tersebut. Ini bermakna, sebagai contoh, jika bajet yang disediakan hanya untuk kumpulan wang tertentu dalam entiti pelapor dan pendedahan yang dikehendaki oleh Seksyen 30.12 akan dibuat berkaitan dengan kumpulan wang tersebut sahaja.

### **Pembentangan dan Pendedahan**

- 30.19 **Entiti hendaklah membentangkan perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar sebagai lajur tambahan bajet dalam penyata kewangan utama hanya jika penyata kewangan dan bajet tersebut disediakan pada asas boleh banding.**
- 30.20 Perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar boleh dibentangkan dalam penyata kewangan berasingan, (Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar atau penyata dengan tajuk yang serupa) yang terkandung dalam set penyata kewangan yang lengkap seperti yang dinyatakan dalam PPIBZW – Pembentangan Penyata Kewangan. Sebaliknya, jika penyata kewangan dan bajet itu disediakan pada asas boleh banding, iaitu pada asas perakaunan yang sama bagi entiti dan tempoh pelaporan yang sama, dan menerima pakai struktur klasifikasi yang sama - lajur tambahan boleh ditambah kepada penyata kewangan utama yang sedia ada yang dibentangkan mengikut PPIBZW – Pembentangan Penyata Kewangan. Lajur tambahan ini akan mengenal pasti amaun bajet asal dan amaun bajet akhir serta perbezaan antara amaun bajet dengan amaun sebenar, jika entiti memilih untuk berbuat demikian.

- 30.21 Apabila bajet dan penyata kewangan tidak disediakan pada asas boleh banding, Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar yang berasingan dibentangkan. Dalam kes ini, bagi memastikan pembaca tidak menyalahafsirkan maklumat kewangan yang disediakan pada asas yang berlainan, penyata kewangan tersebut hendaklah menjelaskan bahawa asas bajet dan asas perakaunan adalah berbeza dan Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar disediakan pada asas bajet.
- 30.22 Dalam bidang kuasa apabila bajet disediakan pada asas akruan dan merangkumi set penyata kewangan yang lengkap, lajur tambahan bajet boleh ditambah kepada semua penyata kewangan utama yang dikehendaki oleh PPIBZW. Dalam sesetengah bidang kuasa, bajet yang disediakan pada asas akruan boleh dibentangkan hanya dalam bentuk penyata kewangan utama tertentu sahaja yang mengandungi set penyata kewangan yang lengkap seperti yang dinyatakan oleh PPIBZW - contohnya, bajet tersebut boleh dibentangkan sebagai Penyata Prestasi Kewangan atau Penyata Aliran Tunai dengan maklumat tambahan disediakan dalam jadual sokongan. Dalam kes ini, lajur tambahan bajet boleh dimasukkan dalam penyata kewangan utama yang juga diterima pakai untuk pembentangan bajet.

### **Tahap Pengagregatan**

- 30.23 Dokumen bajet boleh menyediakan butiran yang terperinci tentang aktiviti, program atau entiti tertentu. Kebiasaannya butiran ini diagregatkan mengikut kelas di bawah kepala bajet, klasifikasi bajet atau tajuk bajet yang sama untuk pembentangan dan kelulusan oleh badan perundangan atau pihak berkuasa yang lain. Pendedahan bajet dan maklumat sebenar yang selaras dengan kelas dan kepala atau tajuk bajet akan memastikan perbandingan dibuat pada tahap penyemakan oleh badan perundangan atau pihak berwajib yang dikenal pasti dalam dokumen bajet.
- 30.24 Seksyen 27, Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan, menghendaki penyata kewangan menyediakan maklumat yang mempunyai beberapa ciri kualitatif, termasuk maklumat yang:
- (a) Relevan kepada keperluan pengguna untuk membuat keputusan; dan
  - (b) Boleh dipercayai, iaitu penyata kewangan tersebut:
    - (i) Menggambarkan secara sebenar kedudukan kewangan, prestasi kewangan, dan aliran tunai entiti;
    - (ii) Menggambarkan inti pati ekonomi transaksi, peristiwa lain dan keadaan, dan bukan semata-mata dalam bentuk sahnya;
    - (iii) Berkecuali, iaitu bebas daripada berat sebelah;
    - (iv) Berhemat; dan
    - (v) Lengkap dalam mengambil kira semua aspek material.

- 30.25 Dalam sesetengah kes, maklumat kewangan terperinci yang termasuk dalam bajet yang diluluskan perlu diagregatkan untuk pembentangan dalam penyata kewangan mengikut keperluan Seksyen ini. Pengagregatan sedemikian perlu bagi mengelakkan maklumat berlebihan dan menggambarkan tahap pemantauan oleh badan perundangan atau pihak berkuasa yang berkaitan. Penentuan tahap pengagregatan akan melibatkan pertimbangan profesional. Pertimbangan tersebut akan digunakan dalam konteks Seksyen ini dan ciri kualitatif pelaporan kewangan seperti yang digariskan dalam Seksyen 30.24 dan Seksyen 3, Konsep dan Prinsip Yang Mendasari Pelaporan, yang meringkaskan ciri kualitatif pelaporan kewangan.
- 30.26 Maklumat tambahan bajet, termasuk maklumat tentang pencapaian perkhidmatan, boleh dibentangkan dalam dokumen selain penyata kewangan. Rujukan silang daripada penyata kewangan bagi dokumen tersebut adalah digalakkan, terutamanya untuk menghubungkan bajet dan data sebenar kepada data bajet bukan kewangan dan pencapaian perkhidmatan.

### **Perubahan daripada Bajet Asal kepada Bajet Akhir**

- 30.27 **Entiti hendaklah menerangkan sama ada perubahan antara bajet asal dan bajet akhir adalah akibat daripada peruntukan semula dalam bajet, atau disebabkan faktor yang lain:**
- (a) **Melalui pendedahan nota kepada penyata kewangan; atau**
  - (b) **Dalam laporan yang dikeluarkan sebelum, semasa atau bersama dengan penyata kewangan itu, dan hendaklah mempunyai rujukan silang dalam nota kepada penyata kewangan kepada laporan tersebut.**
- 30.28 Bajet akhir termasuk semua perubahan yang diluluskan melalui tindakan perundangan atau pihak berkuasa yang lain yang dilantik untuk menyemak semula bajet asal. Selaras dengan keperluan Seksyen ini, entiti akan memasukkan penerangan tentang perubahan antara bajet asal dan bajet akhir dalam nota kepada penyata kewangan atau dalam laporan berasingan yang dikeluarkan sebelum, semasa atau bersama dengan penyata kewangan. Penerangan tersebut akan termasuk sama ada, contohnya, perubahan akibat daripada peruntukan semula dalam parameter bajet asal atau disebabkan faktor yang lain, seperti perubahan dalam parameter bajet keseluruhan, termasuk perubahan dalam dasar entiti. Pendedahan tersebut biasanya dibuat dalam perbincangan dan analisis pihak pengurusan atau dalam laporan yang serupa tentang operasi, dikeluarkan bersama dengan penyata kewangan, tetapi tidak menjadi sebahagian daripada penyata kewangan tersebut. Pendedahan tersebut boleh juga dimasukkan dalam laporan pencapaian bajet yang dikeluarkan oleh entiti bagi melaporkan pelaksanaan bajet. Jika pendedahan dibuat dalam laporan berasingan dan bukannya dalam penyata kewangan, nota kepada penyata kewangan hendaklah mempunyai rujukan silang bagi laporan tersebut.

### **Asas Boleh Banding**

- 30.29 **Semua perbandingan antara amaun bajet dan amaun sebenar hendaklah dibentangkan pada asas boleh banding dalam bajet.**

- 30.30 Perbandingan antara amaun bajet dan amaun sebenar akan dibentangkan pada asas perakaunan yang sama (akruan, tunai atau asas yang lain), asas klasifikasi yang sama, bagi entiti dan tempoh yang sama dengan bajet yang diluluskan. Ini akan memastikan pendedahan maklumat tentang pematuhan bajet dalam penyata kewangan menggunakan asas yang sama dengan bajet itu sendiri. Dalam sesetengah kes, ia boleh melibatkan pembentangan bagi perbandingan antara bajet dan sebenar pada asas perakaunan yang berbeza, bagi kumpulan aktiviti yang berbeza dan dengan format pembentangan dan klasifikasi yang berbeza daripada yang diterima pakai untuk penyata kewangan.
- 30.31 Penyata kewangan menyatukan beberapa entiti dan aktiviti yang dikawal oleh suatu entiti. Seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 30.3, bajet berasingan boleh diluluskan dan didedahkan kepada umum bagi entiti individu atau aktiviti tertentu yang membentuk penyata kewangan disatukan. Sekiranya ini berlaku, bajet berasingan itu boleh disusun semula untuk pembentangan dalam penyata kewangan mengikut keperluan Seksyen ini. Jika penyusunan semula tersebut dilakukan, ia tidak akan melibatkan perubahan atau semakan semula bajet yang diluluskan kerana Seksyen ini menghendaki perbandingan antara amaun sebenar dengan amaun bajet yang diluluskan.
- 30.32 Entiti boleh menerima pakai asas perakaunan yang berbeza bagi penyediaan penyata kewangan dan bajet yang diluluskan. Contohnya, entiti boleh menerima pakai asas akruan bagi penyata kewangannya dan asas tunai bagi bajetnya. Selain itu, bajet boleh memberikan fokus kepada atau memasukkan maklumat tentang komitmen untuk membelanjakan dana pada masa hadapan dan perubahan dalam komitmen tersebut, manakala penyata kewangan akan melaporkan aset, liabiliti, dana amanah, hasil, belanja, perubahan lain dalam dana amanah dan aliran tunai. Walau bagaimanapun, entiti bajet dan entiti pelapor kewangan pada kebiasaannya adalah sama. Tempoh bagi penyediaan bajet dan asas klasifikasi yang diterima pakai untuk bajet itu juga, pada kebiasaannya akan digambarkan dalam penyata kewangan. Ini akan memastikan sistem perakaunan merekod dan melaporkan maklumat kewangan dengan cara yang memudahkan perbandingan data bajet dengan data sebenar bagi tujuan pengurusan dan akauntabiliti. Contohnya, memantau kemajuan pelaksanaan bajet sepanjang tempoh bajet dan pelaporan kepada pihak entiti, pihak awam dan pengguna yang lain, secara relevan dan tepat pada masanya.

### **Bajet Berbilang Tahun**

- 30.33 Sesetengah entiti meluluskan dan mendedahkan kepada awam bajet berbilang tahun dan bukan bajet tahunan berasingan. Bajet berbilang tahun lazimnya mengandungi beberapa siri bajet tahunan atau sasaran bajet tahunan. Bajet yang diluluskan bagi setiap komponen tempoh tahunan menggambarkan pemakaian dasar bajet yang berkaitan dengan bajet berbilang tahun bagi tempoh komponen tersebut. Dalam sesetengah kes, bajet berbilang tahun menyediakan peruntukan yang tidak digunakan dalam mana-mana tahun dibawa ke hadapan.
- 30.34 Entiti yang menyediakan bajet berbilang tahun boleh mengambil pendekatan berbeza untuk menentukan bajet asal dan bajet akhir masing-masing, bergantung kepada bagaimana bajet diluluskan. Contohnya, entiti mungkin meluluskan bajet dwitahunan yang mengandungi dua bajet tahunan yang diluluskan, dengan bajet asal dan bajet akhir yang diluluskan bagi setiap tempoh tahunan boleh dikenal pasti. Jika peruntukan yang tidak digunakan dalam tahun pertama bajet dwitahunan itu dibenarkan di sisi undang-undang untuk dibelanjakan dalam tahun kedua, bajet asal bagi tempoh tahun kedua akan dinaikkan sebanyak amaun yang dibawa ke hadapan.

- 30.35 Dalam kes yang jarang berlaku, apabila entiti meluluskan bajet dwitahunan atau bajet berbilang tempoh lain yang tidak mengasingkan secara khusus amaun bajet setiap tempoh tahunan, pertimbangan mungkin diperlukan bagi mengenal pasti amaun yang diperuntukkan bagi setiap tempoh tahunan untuk menentukan bajet tahunan, bagi tujuan Seksyen ini. Contohnya, bajet asal dan bajet akhir yang diluluskan untuk tahun pertama bagi tempoh dwitahunan akan merangkumi sebarang pemerolehan modal yang diluluskan bagi tempoh dwitahunan yang berlaku dalam tahun pertama, bersama dengan amaun bagi item hasil dan belanja yang berulang berkaitan dengan tahun tersebut. Amaun tidak dibelanjakan daripada tahun pertama akan dimasukkan ke dalam bajet asal untuk tempoh tahun kedua dan bajet itu bersama dengan sebarang pindaan akan membentuk bajet akhir untuk tahun kedua. Jika bajet berbilang tempoh diterima pakai, entiti adalah digalakkan menyediakan nota pendedahan tambahan tentang hubungan antara amaun bajet dengan amaun sebenar sepanjang tempoh bajet tersebut.

### **Nota Pendedahan Asas, Tempoh dan Skop Bajet**

---

- 30.36 Entiti hendaklah menjelaskan, dalam nota kepada penyata kewangan, asas bajet dan asas klasifikasi yang diterima pakai dalam bajet yang diluluskan.
- 30.37 Kemungkinan terdapat perbezaan antara asas perakaunan (tunai, akruan atau ubah suai) yang digunakan dalam penyediaan dan pembentangan bajet, dengan asas perakaunan yang digunakan dalam penyata kewangan. Perbezaan ini boleh berlaku apabila sistem perakaunan dan sistem bajet mengumpulkan maklumat daripada perspektif yang berbeza. Contohnya, bajet boleh memberikan fokus kepada aliran tunai atau aliran tunai berserta komitmen tertentu, manakala penyata kewangan pula melaporkan aliran tunai dan maklumat akruan.
- 30.38 Format dan skim klasifikasi yang diterima pakai untuk pembentangan bajet yang diluluskan boleh berbeza daripada format yang diterima pakai untuk penyata kewangan. Bajet yang diluluskan boleh mengklasifikasikan item pada asas yang sama dengan asas yang diterima pakai dalam penyata kewangan. Contohnya, berasaskan sifat ekonomi (pampasan pekerja, penggunaan barangan atau perkhidmatan dan lain-lain) atau berasaskan fungsi (kesihatan, pendidikan dan lain-lain). Sebagai alternatif, bajet tersebut boleh juga mengklasifikasikan item berasaskan program khusus (contohnya, pengurangan kemiskinan) atau komponen program yang dikaitkan dengan objektif keberhasilan prestasi (contohnya, pelajar yang lulus dalam program pendidikan tinggi atau bilangan asnaf yang menjadi pembayar zakat), yang berbeza daripada klasifikasi yang diterima pakai dalam penyata kewangan. Seterusnya, bajet berulang bagi operasi yang sedang dijalankan (contohnya, pendidikan) boleh diluluskan secara berasingan daripada bajet modal untuk perbelanjaan modal (contohnya, bangunan).
- 30.39 Seksyen 4, Pembentangan Penyata Kewangan menghendaki entiti membentangkan dalam nota kepada penyata kewangan, maklumat tentang asas penyediaan penyata kewangan dan dasar perakaunan signifikan yang diterima pakai. Pendedahan asas bajet dan asas klasifikasi yang diterima pakai dalam penyediaan dan pembentangan bajet yang diluluskan akan membantu pengguna memahami dengan lebih baik hubungan antara bajet dengan maklumat perakaunan yang didedahkan dalam penyata kewangan.
- 30.40 **Entiti hendaklah mendedahkan tempoh bajet yang diluluskan dalam nota kepada penyata kewangan.**



- 30.41 Penyata kewangan dibentangkan sekurang-kurangnya sekali setahun. Entiti boleh meluluskan bajet untuk tempoh satu tahun atau tempoh berbilang tahun. Jika tempoh bajet yang diluluskan berbeza daripada tempoh pelaporan yang diterima pakai untuk penyata kewangan, pendedahan tempoh bajet yang diluluskan akan membantu pengguna penyata kewangan lebih memahami hubungan antara data bajet dan perbandingan bajet bagi penyata kewangan. Jika tempoh bajet yang diluluskan sama dengan tempoh bagi penyata kewangan, pendedahan tempoh bajet yang diluluskan juga berperanan sebagai pengesahan yang berguna, terutamanya dalam bidang kuasa apabila bajet interim dan penyata kewangan serta laporan juga disediakan.
- 30.42 **Entiti hendaklah mendedahkan dalam nota kepada penyata kewangan, entiti yang dimasukkan dalam bajet yang diluluskan.**
- 30.43 PPIBZW menghendaki entiti menyediakan dan membentangkan penyata kewangan yang menyatukan semua sumber yang dikawal oleh entiti. Penyata kewangan yang disediakan berasaskan PPIBZW akan merangkumi entiti yang bergantung pada bajet. Selaras dengan keperluan Seksyen 31.29, amaun bajet dan amaun sebenar akan dibentangkan pada asas boleh banding. Pendedahan entiti yang dirangkumi dalam bajet itu akan membolehkan pengguna mengenal pasti setakat mana aktiviti entiti tersebut tertakluk kepada bajet yang diluluskan dan bagaimana entiti bajet itu berbeza daripada entiti yang ditunjukkan dalam penyata kewangan.

### **Penyesuaian Amaun Sebenar pada Asas Boleh Banding dengan Amaun Sebenar dalam Penyata Kewangan**

---

- 30.44 **Jika penyata kewangan dan bajet tidak disediakan pada asas boleh banding, amaun sebenar yang dibentangkan pada asas boleh banding dengan bajet mengikut Seksyen 30.29 hendaklah disesuaikan kepada amaun sebenar yang dibentangkan dalam penyata kewangan dan mengenal pasti secara berasingan sebarang perbezaan pada asas, pemasaan dan entiti:**
- (a) Jika asas akruan itu diterima pakai untuk bajet, jumlah hasil, jumlah belanja dan aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi, aktiviti pelaburan dan aktiviti pembiayaan; atau**
  - (b) Jika asas selain asas akruan diterima pakai untuk bajet, aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi, aktiviti pelaburan dan aktiviti pembiayaan.**

**Penyesuaian tersebut hendaklah didedahkan pada muka penyata perbandingan antara amaun bajet dan amaun sebenar atau dalam nota kepada penyata kewangan.**

- 30.45 Perbezaan antara amaun sebenar yang dikenal pasti selaras dengan asas boleh banding dan amaun sebenar yang diiktiraf dalam penyata kewangan, boleh diklasifikasikan dengan lebih baik seperti yang berikut:
- (a) Perbezaan asas, yang berlaku apabila bajet yang diluluskan disediakan pada asas selain asas perakaunan. Contohnya, jika bajet disediakan pada asas tunai atau pada asas tunai ubah suai dan penyata kewangan disediakan pada asas akruan;**

- (b) Perbezaan pemasaan, yang berlaku apabila tempoh bajet berbeza daripada tempoh pelaporan yang ditunjukkan dalam penyata kewangan; dan
- (c) Perbezaan entiti, yang berlaku apabila bajet tidak mengambil kira program atau entiti yang menjadi sebahagian daripada entiti dalam penyata kewangan yang disediakan.

Perbezaan bagi format dan skim klasifikasi yang diterima pakai untuk pembentangan penyata kewangan dan bajet juga boleh berlaku.

- 30.46 Penyesuaian yang dikehendaki dalam Seksyen 30.44 akan membolehkan entiti melaksanakan obligasi akauntabilitinya dengan lebih baik, dengan mengenal pasti sumber perbezaan utama antara amaun sebenar pada asas bajet dengan amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan. Seksyen ini tidak menghalang penyesuaian terhadap setiap jumlah besar dan subjumlah, atau setiap kelas item, yang dibentangkan dalam perbandingan antara amaun bajet dan amaun sebenar dengan amaun setara dalam penyata kewangan.
- 30.47 Bagi sesetengah entiti yang menerima pakai asas perakaunan yang sama bagi penyediaan dokumen bajet dan penyata kewangan, hanya pengenalpastian perbezaan antara amaun sebenar dalam bajet dan amaun setara dalam penyata kewangan diperlukan. Ini akan berlaku jika bajet tersebut:
- (a) disediakan untuk tempoh yang sama;
  - (b) merangkumi entiti yang sama; dan
  - (c) menerima pakai format pembentangan yang sama dengan penyata kewangan.

Dalam kes ini, penyesuaian tidak diperlukan. Bagi entiti lain yang menerima pakai asas perakaunan yang sama untuk bajet dan penyata kewangan, mungkin wujud perbezaan dalam format pembentangan, entiti pelapor atau tempoh pelaporan. Contohnya, bajet yang diluluskan boleh menerima pakai klasifikasi atau format pembentangan yang berbeza daripada penyata kewangan, boleh memasukkan hanya aktiviti bukan komersial entiti atau bajet berbilang tahun. Penyesuaian diperlukan apabila terdapat perbezaan dalam pembentangan, pemasaan atau entiti di antara bajet dengan penyata kewangan yang disediakan pada asas perakaunan yang sama.

- 30.48 Bagi entiti yang menerima pakai asas perakaunan tunai (atau asas tunai ubah suai atau akruan ubah suai) bagi pembentangan bajet yang diluluskan dan asas akruan bagi penyata kewangannya, jumlah besar yang dibentangkan dalam Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dan Amaun Sebenar akan disesuaikan kepada aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi, aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan dan aliran tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan seperti yang dibentangkan dalam Penyata Aliran Tunai yang disediakan selaras dengan Seksyen 9, Penyata Aliran Tunai.
- 30.49 **Pendedahan maklumat perbandingan yang berkaitan dengan tempoh sebelumnya tidak dikehendaki menurut keperluan Seksyen ini.**

- 30.50 Seksyen ini menghendaki perbandingan antara amaun bajet dengan amaun sebenar dimasukkan dalam penyata kewangan entiti yang mendedahkan bajet yang diluluskan kepada umum. Seksyen ini tidak menghendaki pendedahan perbandingan antara amaun sebenar daripada tempoh sebelumnya dengan amaun bajet daripada tempoh sebelumnya, dan tidak juga menghendaki penjelasan berkaitan dengan perbezaan antara amaun sebenar dan amaun bajet bagi tempoh sebelumnya didedahkan dalam penyata kewangan tempoh semasa.

## Seksyen 31

### *Pengaturan Bersama*

#### Skop Seksyen

---

- 31.1 Seksyen ini menetapkan prinsip untuk pelaporan kewangan oleh entiti yang mempunyai kepentingan dalam pengaturan yang dikawal bersama (iaitu, pengaturan bersama).
- 31.2 Seksyen ini mentakrifkan kawalan bersama dan memerlukan entiti yang merupakan pihak dalam pengaturan bersama untuk menentukan jenis pengaturan bersama iaitu entiti tersebut terlibat dengan menilai hak dan obligasinya dan mengakaunkan hak dan obligasi tersebut menurut jenis pengaturan bersama.
- 31.3 Entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan hendaklah mengguna pakai Seksyen ini dalam menentukan jenis pengaturan bersama yang entiti tersebut terlibat dan dalam mengakaunkan hak dan obligasi pengaturan bersama tersebut.
- 31.4 Seksyen ini hendaklah diguna pakai oleh semua entiti yang merupakan pihak dalam pengaturan bersama.

#### Takrif

---

- 31.5 Istilah berikut digunakan dalam Seksyen ini dengan maksud yang dinyatakan:
- (a) **Kawalan bersama** ialah perkongsian kawalan dalam pengaturan yang dipersetujui dengan cara pengaturan mengikat, yang wujud hanya apabila keputusan tentang aktiviti berkaitan memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak yang berkongsi kawalan.
  - (b) **Operasi bersama** ialah pengaturan bersama iaitu pihak yang mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan tersebut mempunyai hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan pengaturan tersebut.
  - (c) **Operator bersama** ialah pihak dalam operasi bersama yang mempunyai kawalan bersama ke atas operasi bersama tersebut.
  - (d) **Pembawa berasingan** ialah struktur kewangan yang boleh dikenal pasti secara berasingan, termasuk entiti sah berasingan atau entiti yang diiktiraf oleh undang-undang, tanpa mengambil kira sama ada entiti tersebut mempunyai personaliti sah.
  - (e) **Pengaturan bersama** ialah pengaturan yang melibatkan dua atau lebih pihak mempunyai kawalan bersama.
  - (f) **Pengaturan mengikat**: Untuk tujuan Seksyen ini, pengaturan mengikat ialah pengaturan yang memberikan hak dan obligasi yang boleh dikuatkuasakan kepada pihak yang berkaitan seolah-olah pengaturan tersebut adalah dalam bentuk kontrak, termasuk hak daripada kontrak atau hak undang-undang lain.

- (g) **Pengusaha niaga bersama** ialah pihak dalam usaha sama yang mempunyai kawalan bersama ke atas usaha sama tersebut.
- (h) **Pihak dalam pengaturan bersama** ialah entiti yang mengambil bahagian dalam pengaturan bersama, tanpa mengambil kira sama ada entiti mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan tersebut.
- (i) **Usaha sama** ialah pengaturan bersama iaitu pihak yang mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan tersebut mempunyai hak ke atas aset bersih pengaturan.

Istilah yang ditakrifkan dalam sesuatu Seksyen lain PPIBZW digunakan dalam Seksyen ini dengan maksud yang sama seperti dalam Piawaian berkenaan, dan diterbitkan semula dalam Glosari Istilah yang ditakrifkan yang diterbitkan secara berasingan.

### **Pengaturan Mengikat**

- 31.6 Pengaturan mengikat boleh dibuktikan melalui beberapa cara. Pengaturan mengikat selalunya, tetapi tidak semestinya secara bertulis, dalam bentuk kontrak atau perbincangan yang didokumenkan antara beberapa pihak. Mekanisme berkanun seperti badan perundangan atau badan eksekutif juga boleh mewujudkan pengaturan yang dapat dikuatkuasakan, serupa dengan pengaturan kontrak, sama ada dengan sendirinya atau berserta dengan kontrak antara beberapa pihak.

### **Pengaturan Bersama**

---

- 31.7 **Pengaturan bersama ialah pengaturan yang melibatkan dua atau lebih pihak mempunyai kawalan bersama.**
- 31.8 **Pengaturan bersama mempunyai ciri-ciri berikut:**
- (a) **Pihak-pihak terikat oleh pengaturan mengikat.**
  - (b) **Pengaturan mengikat memberikan kawalan bersama kepada dua atau lebih daripada pihak-pihak dalam pengaturan tersebut (rujuk Seksyen 31.10 - 31.16).**
- 31.9 **Pengaturan bersama adalah sama ada operasi bersama atau usaha sama.**

### **Kawalan Bersama**

- 31.10 **Kawalan bersama ialah perkongsian kawalan dalam pengaturan, yang wujud hanya apabila keputusan tentang aktiviti berkaitan memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak-pihak yang berkongsi kawalan. Perkongsian kawalan mungkin telah dipersetujui dengan cara pengaturan mengikat.**

- 31.11 **Entiti yang merupakan pihak dalam pengaturan hendaklah mentaksir sama ada pengaturan tersebut memberikan semua pihak, atau sekumpulan daripada pihak-pihak terlibat, kawalan ke atas pengaturan tersebut secara kolektif. Semua pihak atau sekumpulan daripada pihak-pihak terlibat, mengawal pengaturan secara kolektif apabila mereka harus bertindak bersama untuk mengarahkan aktiviti yang secara signifikan memberi kesan kepada manfaat daripada pengaturan tersebut (iaitu, aktiviti berkaitan).**
- 31.12 Setelah ditentukan bahawa semua pihak, atau sekumpulan daripada pihak-pihak terlibat, mengawal pengaturan secara kolektif, kawalan bersama hanya wujud apabila keputusan tentang aktiviti berkaitan memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak-pihak yang mengawal pengaturan secara kolektif.
- 31.13 Dalam pengaturan bersama, tiada pihak tunggal yang mengawal pengaturan tersebut dengan sendirinya. Suatu pihak yang mempunyai kawalan bersama ke atas sesuatu pengaturan boleh menghalang sesiapa sahaja daripada pihak-pihak lain, atau sekumpulan daripada pihak-pihak terlibat, daripada mengawal pengaturan tersebut.
- 31.14 Suatu pengaturan boleh menjadi pengaturan bersama walaupun tidak semua pihaknya mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan tersebut. Seksyen ini membezakan antara pihak yang mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan bersama (operator bersama atau pengusaha niaga bersama) dan pihak yang mengambil bahagian, tetapi tidak mempunyai kawalan bersama, ke atas pengaturan bersama.
- 31.15 **Suatu entiti perlu menggunakan pertimbangan apabila mentaksir sama ada semua pihak, atau sekumpulan daripada pihak-pihak terlibat, mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan. Entiti hendaklah membuat pentaksiran tersebut dengan mengambil kira semua fakta dan keadaan.**
- 31.16 **Jika fakta dan keadaan berubah, entiti hendaklah mentaksir semula sama ada entiti tersebut masih mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan.**

### **Jenis Pengaturan Bersama**

- 31.17 **Entiti hendaklah menentukan jenis pengaturan bersama yang entiti tersebut terlibat. Klasifikasi suatu pengaturan bersama sebagai operasi bersama atau usaha sama bergantung pada hak dan obligasi pihak-pihak terhadap pengaturan tersebut.**
- 31.18 **Entiti menggunakan pertimbangan apabila mentaksir sama ada sesuatu pengaturan bersama merupakan operasi bersama atau usaha sama. Entiti hendaklah menentukan jenis pengaturan bersama yang entiti tersebut terlibat dengan mengambil kira hak dan obligasinya yang wujud daripada pengaturan tersebut. Entiti mentaksir hak dan obligasinya dengan mengambil kira struktur dan bentuk sah bagi pengaturan, terma yang dipersetujui oleh pihak-pihak terlibat atau yang ditetapkan oleh badan perundangan atau badan eksekutif dan, jika berkaitan, fakta dan keadaan.**

- 31.19 Kadangkala pihak-pihak terikat oleh suatu perjanjian rangka kerja yang menetapkan terma umum untuk melaksanakan satu atau lebih aktiviti. Perjanjian rangka kerja tersebut mungkin menetapkan bahawa pihak-pihak tersebut mewujudkan pengaturan bersama yang berbeza untuk mengendalikan aktiviti tertentu yang membentuk sebahagian daripada perjanjian tersebut. Walaupun pengaturan bersama tersebut berkait dengan perjanjian rangka kerja yang sama, jenisnya mungkin berbeza jika hak dan obligasi pihak-pihak berbeza ketika melaksanakan aktiviti berbeza yang dikendalikan dalam perjanjian rangka kerja tersebut. Akibatnya, operasi bersama dan usaha sama boleh wujud bersama apabila pihak-pihak melaksanakan aktiviti berbeza yang membentuk sebahagian daripada perjanjian rangka kerja yang sama.
- 31.20 **Jika fakta dan keadaan berubah, entiti hendaklah menilai semula sama ada jenis pengaturan bersama yang entiti tersebut terlibat telah berubah.**

### **Penyata Kewangan Pihak-Pihak dalam Pengaturan Bersama**

---

#### **Operasi Bersama**

- 31.21 **Operator bersama hendaklah mengiktiraf yang berikut, berkaitan dengan kepentingannya dalam sesuatu operasi bersama:**
- (a) **Aset, termasuk bahagiannya daripada sebarang aset yang dipegang bersama;**
  - (b) **Liabiliti, termasuk bahagiannya daripada sebarang liabiliti yang ditanggung bersama;**
  - (c) **Hasil daripada penjualan output bahagiannya yang timbul daripada operasi bersama;**
  - (d) **Bahagiannya daripada hasil penjualan output oleh operasi bersama; dan**
  - (e) **Belanja, termasuk bahagiannya daripada sebarang belanja yang ditanggung bersama.**
- 31.22 **Operator bersama hendaklah mengakaunkan aset, liabiliti, hasil dan belanja yang berkaitan dengan kepentingannya dalam operasi bersama menurut Seksyen yang terpakai untuk aset, liabiliti, hasil dan belanja tertentu tersebut.**
- 31.23 Perakaunan untuk transaksi seperti penjualan, sumbangan atau pembelian aset antara entiti dan operasi bersama yang entiti tersebut merupakan operator bersama dinyatakan dalam Panduan Pelaksanaan.
- 31.24 **Dalam sesetengah keadaan, sekiranya suatu pihak yang mengambil bahagian dalam operasi bersama, tetapi tidak mempunyai kawalan bersama hendaklah mengakaunkan kepentingannya dalam pengaturan tersebut menurut Seksyen 31.21 - 31.23 jika pihak tersebut mempunyai hak ke atas aset dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan operasi bersama tersebut. Jika pihak yang mengambil bahagian dalam operasi bersama, tetapi tidak mempunyai kawalan bersama, tidak mempunyai hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan operasi bersama tersebut, pihak tersebut hendaklah mengakaunkan kepentingannya dalam operasi bersama tersebut menurut Seksyen yang terpakai untuk kepentingan tersebut.**

## Usaha Sama

- 31.25 **Pengusaha niaga bersama hendaklah mengiktiraf kepentingannya dalam usaha sama sebagai pelaburan dan hendaklah mengakaunkan pelaburan tersebut menggunakan kaedah ekuiti menurut Seksyen 34, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama, melainkan entiti tersebut dikecualikan daripada menggunakan kaedah ekuiti seperti yang dinyatakan dalam Seksyen tersebut.**
- 31.26 **Pihak yang mengambil bahagian dalam usaha sama, tetapi tidak mempunyai kawalan bersama, hendaklah mengakaunkan kepentingannya dalam pengaturannya menurut Seksyen 26, Instrumen Kewangan, melainkan pihak tersebut mempunyai pengaruh signifikan ke atas usaha sama tersebut, dan hendaklah mengakaunkan pengaruh tersebut menurut Seksyen 34, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama.**

## Penyata Kewangan Berasingan

---

- 31.27 **Dalam penyata kewangan berasingan, operator bersama atau pengusaha niaga bersama hendaklah mengakaunkan kepentingannya dalam:**
- (a) **Operasi bersama menurut Seksyen 31.21 - 31.23; dan**
  - (b) **Usaha sama menurut Seksyen 32.9.**
- 31.28 **Dalam penyata kewangan berasingan, pihak yang mengambil bahagian dalam pengaturannya bersama, tetapi tidak mempunyai kawalan bersama, hendaklah mengakaunkan kepentingannya dalam:**
- (a) **Operasi bersama menurut Seksyen 31.24; dan**
  - (b) **Usaha sama menurut Seksyen 26, Instrumen Kewangan melainkan entiti tersebut mempunyai pengaruh signifikan ke atas usaha sama tersebut, entiti tersebut hendaklah mengguna pakai Seksyen 32.9.**

## Peruntukan Peralihan

---

- 31.29 **Walaupun terdapat keperluan dalam Seksyen 27.30 apabila Seksyen ini pertama kali diguna pakai, entiti hanya perlu membentangkan maklumat kuantitatif yang diperlukan oleh Seksyen 27.30 (f), untuk tempoh tahunan sejurus sebelum tempoh tahunan pertama Seksyen ini diguna pakai ('tempoh terdekat sebelumnya'). Entiti juga boleh membentangkan maklumat ini untuk tempoh semasa atau untuk tempoh perbandingan lebih awal, tetapi tidak diperlukan untuk berbuat demikian.**



**Usaha Sama - Peralihan daripada Penyatuan Berkadar kepada Kaedah Ekuiti**

- 31.30 Apabila berubah daripada penyatuan berkadar kepada kaedah ekuiti, entiti hendaklah mengiktiraf pelaburannya dalam usaha sama pada awal tempoh terdekat sebelumnya. Pelaburan awal tersebut hendaklah diukur sebagai amaun bawaan agregat aset dan liabiliti yang sebelum ini telah disatukan secara berkadar oleh entiti, termasuk sebarang muhibah diperoleh yang wujud daripada transaksi pemerolehan (panduan perakaunan untuk pemerolehan entiti dan peruntukan muhibah kepada usaha sama boleh didapati dalam piawai antarabangsa atau nasional yang berkaitan mengenai gabungan entiti dan pengaturan bersama).
- 31.31 Baki awal pelaburan yang ditentukan menurut Seksyen 31.30 dianggap sebagai kos anggap pelaburan pada pengiktirafan awal. Entiti hendaklah menggunakan pakai Seksyen 34.37 - 34.42 bagi baki awal pelaburan untuk mentaksir sama ada pelaburan tersebut terjejas dan hendaklah mengiktiraf sebarang kerugian penjejasan nilai sebagai pelarasan kepada lebihan atau kekurangan terkumpul pada awal tempoh terdekat sebelumnya.
- 31.32 Jika mengagregat semua aset dan liabiliti yang sebelum ini disatukan secara berkadar menghasilkan aset bersih negatif, entiti hendaklah mentaksir sama ada entiti mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif yang berkaitan dengan aset bersih negatif tersebut dan, jika demikian, entiti hendaklah mengiktiraf liabiliti yang sepadan. Jika entiti memutuskan bahawa entiti tidak mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif yang berkaitan dengan aset bersih negatif tersebut, entiti hendaklah tidak mengiktiraf liabiliti yang sepadan tetapi melaraskan lebihan atau kekurangan terkumpul pada awal tempoh terdekat sebelumnya. Entiti hendaklah mendedahkan fakta ini, bersama dengan bahagiannya dalam rugi terkumpul usaha sama yang tidak diiktiraf pada awal tempoh terdekat sebelumnya dan pada tarikh Seksyen ini pertama kali diguna pakai.
- 31.33 Entiti hendaklah mendedahkan pecahan aset dan liabiliti yang telah diagregatkan ke dalam baki pelaburan menjadi satu baris item pada awal tempoh terdekat sebelumnya. Pendedahan tersebut hendaklah disediakan dengan cara agregat untuk semua usaha sama yang menggunakan pakai keperluan peralihan yang dirujuk dalam Seksyen 31.30 - 31.34.
- 31.34 Selepas pengiktirafan awal, entiti hendaklah mengakaunkan pelaburannya dalam usaha sama menggunakan kaedah ekuiti menurut Seksyen 34, Pelaburan dalam Entiti bersekutu dan Usaha Sama.

**Operasi Bersama - Peralihan daripada Kaedah Ekuiti kepada Perakaunan untuk Aset dan Liabiliti**

- 31.35 Apabila berlaku perubahan daripada kaedah ekuiti kepada perakaunan untuk aset dan liabiliti yang berkaitan dengan kepentingannya dalam operasi bersama, entiti hendaklah, pada awal tempoh terdekat sebelumnya, menyahiktiraf pelaburan yang sebelumnya diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti dan sebarang item lain yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih entiti tersebut dalam pengaturan menurut Seksyen 34.35 dan mengiktiraf bahagiannya daripada setiap aset dan liabiliti yang berkaitan dengan kepentingannya dalam operasi bersama, termasuk sebarang muhibah yang mungkin telah membentuk sebahagian daripada amaun bawaan pelaburan.

- 31.36 Entiti hendaklah menentukan kepentingannya dalam aset dan liabiliti yang berkaitan dengan operasi bersama berdasarkan hak dan obligasinya dalam perkadaran tertentu menurut pengaturan mengikat. Entiti mengukur amaun bawaan awal aset dan liabiliti dengan mengasingkannya daripada amaun bawaan pelaburan pada awal tempoh terdekat sebelumnya berdasarkan maklumat yang digunakan oleh entiti tersebut semasa menggunakan pakai kaedah ekuiti.
- 31.37 Sebarang perbezaan yang wujud daripada pelaburan yang sebelumnya diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti bersama dengan sebarang item lain yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih entiti dalam pengaturan menurut Seksyen 34.35 dan amaun bersih aset dan liabiliti, termasuk sebarang muhibah yang diiktiraf hendaklah:
- (a) Diofset dengan sebarang muhibah yang berkaitan pelaburan dengan sebarang baki perbezaan dilaraskan terhadap lebih atau kurang terkumpul pada awal tempoh terdekat sebelumnya, jika amaun aset dan liabiliti bersih, termasuk sebarang muhibah, yang diiktiraf adalah lebih tinggi daripada pelaburan (dan sebarang item lain yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih entiti) yang dinyahiktiraf.
  - (b) Dilaraskan dengan lebih atau kurang terkumpul pada awal tempoh terdekat sebelumnya, jika amaun aset dan liabiliti bersih, termasuk sebarang muhibah, yang diiktiraf adalah lebih tinggi daripada pelaburan (dan sebarang item lain yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih entiti) yang dinyahiktiraf.
- 31.38 Entiti yang berubah daripada kaedah ekuiti kepada perakaunan untuk aset dan liabiliti hendaklah menyediakan penyesuaian antara pelaburan yang dinyahiktiraf, dan aset dan liabiliti yang diiktiraf, bersama dengan sebarang baki perbezaan yang dilaraskan terhadap lebih atau kurang terkumpul, pada awal tempoh terdekat sebelumnya.

#### **Peruntukan Peralihan dalam Penyata Kewangan Berasingan Entiti**

- 31.39 Suatu entiti yang menurut Seksyen 32.9, yang sebelumnya mengakaunkan kepentingannya dalam operasi bersama sebagai pelaburan menggunakan kaedah ekuiti, pada harga kos atau menurut Seksyen 26, Instrumen Kewangan dalam penyata kewangan berasingannya, hendaklah:
- (a) Menyahiktiraf pelaburan dan mengiktiraf aset dan liabiliti yang berkaitan dengan kepentingannya dalam operasi bersama pada amaun yang ditentukan menurut Seksyen 31.35 - 31.37.
  - (b) Menyediakan penyesuaian antara pelaburan yang dinyahiktiraf, dan aset dan liabiliti yang diiktiraf, bersama-sama sebarang baki perbezaan yang dilaraskan dalam lebih atau kurang terkumpul, pada awal tempoh terdekat sebelumnya.

## Seksyen 32

### *Penyata Kewangan Berasingan*

#### Skop Seksyen

---

- 32.1 Seksyen ini menetapkan keperluan perakaunan dan pendedahan untuk pelaburan dalam entiti yang dikawal, usaha sama dan entiti bersekutu apabila entiti menyediakan penyata kewangan berasingan.
- 32.2 Entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan hendaklah menggunakan Seksyen ini untuk perakaunan bagi pelaburan dalam entiti yang dikawal, usaha sama dan entiti bersekutu apabila entiti memilih atau dikehendaki oleh peraturan, untuk membentangkan penyata kewangan berasingan.
- 32.3 Seksyen ini tidak menghendaki suatu entiti perlu menghasilkan penyata kewangan berasingan. Seksyen ini terpakai apabila entiti menyediakan penyata kewangan berasingan yang mematuhi PPIBZW.

#### Takrif

---

- 32.4 Istilah berikut digunakan dalam Seksyen ini dengan maksud yang dinyatakan:
- (a) **Penyata kewangan berasingan** ialah penyata yang dibentangkan oleh entiti, iaitu entiti boleh membuat pilihan, tertakluk kepada keperluan Seksyen ini, untuk mengakaunkan pelaburannya dalam entiti yang dikawal, usaha sama dan entiti bersekutu, sama ada pada kos, selaras dengan Seksyen 26, Instrumen Kewangan atau menggunakan kaedah ekuiti seperti yang dijelaskan dalam Seksyen 34, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama.
- (b) **Penyata kewangan disatukan** ialah penyata kewangan entiti ekonomi, yang aset, liabiliti, dana amanah, hasil, belanja dan aliran tunai entiti mengawal dan entiti yang dikawal dibentangkan sebagai entiti ekonomi tunggal.
- 32.5 Penyata kewangan berasingan ialah penyata yang dibentangkan sebagai tambahan kepada penyata kewangan disatukan atau tambahan kepada penyata kewangan pelabur yang tidak mempunyai entiti yang dikawal tetapi mempunyai pelaburan dalam entiti bersekutu atau usaha sama yang tertakluk kepada Seksyen 34, Pelaburan dalam Entiti bersekutu dan Usaha Sama untuk diakaun menggunakan kaedah ekuiti, selain daripada keadaan yang dinyatakan dalam Seksyen 32.7.
- 32.6 Penyata kewangan bagi entiti yang tidak mempunyai entiti yang dikawal, entiti bersekutu atau pengusaha niaga bersama yang mempunyai kepentingan dalam usaha sama tidak dikategorikan sebagai penyata kewangan berasingan.
- 32.7 Entiti yang dikecualikan daripada penyatuan menurut Seksyen 33.5 boleh membentangkan penyata kewangan berasingan sebagai satu penyata kewangan sahaja.

## **Penyediaan Penyata Kewangan Berasingan**

---

- 32.8 **Penyata kewangan berasingan hendaklah disediakan menurut semua Seksyen yang berkenaan, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 32.9.**
- 32.9 **Apabila entiti menyediakan penyata kewangan berasingan, entiti tersebut hendaklah mengakaunkan pelaburan yang serupa dalam entiti yang dikawal, usaha sama dan entiti bersekutu, sama ada:**
- (a) pada kos;**
  - (b) menurut Seksyen 26, Instrumen Kewangan; atau**
  - (c) menggunakan kaedah ekuiti seperti yang diterangkan dalam Seksyen 34, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama.**
- 32.10 **Jika suatu entiti memilih, untuk mengukur pelaburannya dalam entiti bersekutu atau usaha sama pada nilai saksama melalui lebihan atau kekurangan menurut Seksyen 26, Instrumen Kewangan, entiti tersebut hendaklah juga mengakaunkan pelaburan tersebut dengan cara yang sama dalam penyata kewangan berasingan.**
- 32.11 **Dividen atau pengagihan serupa daripada entiti yang dikawal, usaha sama atau entiti bersekutu diiktiraf dalam penyata kewangan berasingan entiti apabila hak entiti tersebut untuk menerima dividen atau pengagihan yang serupa telah wujud. Dividen atau pengagihan yang serupa diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan melainkan entiti memilih untuk menggunakan kaedah ekuiti. Dalam kes ini, dividen atau pengagihan yang serupa diiktiraf sebagai pengurangan daripada amaun bawaan pelaburan.**
- 32.12 **Apabila entiti mengawal menstruktur semula entiti ekonominya dengan menubuhkan entiti baharu sebagai entiti mengawal dengan cara yang memenuhi kriteria berikut:**
- (a) Entiti mengawal baharu ini memperoleh kawalan daripada entiti mengawal asal sama ada;**
    - (i) dengan menerbitkan instrumen ekuiti sebagai pertukaran untuk instrumen ekuiti sedia ada bagi entiti mengawal asal; atau**
    - (ii) melalui beberapa mekanisme lain yang menyebabkan entiti mengawal baharu mempunyai kawalan kepentingan pemilikan dalam entiti mengawal asal;**
  - (b) Aset dan liabiliti bagi entiti ekonomi baharu dan entiti ekonomi asal adalah sama sejurus sebelum dan selepas penstrukturan semula; dan**
  - (c) Pemilik entiti mengawal asal sebelum penstrukturan semula mempunyai kepentingan mutlak dan kepentingan relatif yang sama dalam aset bersih entiti ekonomi asal dan entiti ekonomi baharu sejurus sebelum dan selepas penstrukturan semula;**

**dan entiti mengawal baharu mengakaunkan pelaburan dalam entiti mengawal asal menurut Seksyen 32.9 (a) dalam penyata kewangan berasingan, entiti mengawal baharu hendaklah mengukur kos pada amaun bawaan bahagiannya bagi item dana amanah yang ditunjukkan dalam penyata kewangan berasingan entiti mengawal asal pada tarikh penstrukturan semula.**

- 32.13 Begitu juga, entiti yang bukan entiti mengawal boleh menubuhkan entiti baharu sebagai entiti mengawal dengan cara yang memenuhi kriteria dalam Seksyen 32.12. Keperluan dalam Seksyen 32.12 terpakai juga untuk penstrukturan semula. Dalam hal ini, "entiti mengawal asal" dan "entiti ekonomi asal" adalah merujuk kepada "entiti asal".

## **Pendedahan**

---

- 32.14 **Entiti hendaklah menggunakan semua Seksyen yang berkenaan apabila menyediakan pendedahan dalam penyata kewangan berasingan, termasuk keperluan dalam Seksyen 32.15 - 32.16.**
- 32.15 **Apabila entiti mengawal, menurut Seksyen 33.5 memilih untuk tidak menyediakan penyata kewangan disatukan dan sebaliknya menyediakan penyata kewangan berasingan, entiti tersebut hendaklah mendedahkan dalam penyata kewangan berasingan tersebut:**
- (a) Fakta bahawa penyata kewangan tersebut ialah penyata kewangan berasingan; iaitu pengecualian daripada penyatuan telah digunakan; nama entiti bagi penyata kewangan disatukan yang mematuhi PPIBZW telah dihasilkan untuk kegunaan awam; dan alamat penyata kewangan disatukan tersebut boleh diperolehi.**
  - (b) Senarai pelaburan signifikan dalam entiti yang dikawal, usaha sama dan entiti bersekutu, termasuk:**
    - (i) Nama entiti yang dikawal, usaha sama dan entiti bersekutu tersebut.**
    - (ii) Bidang kuasa entiti yang dikawal, usaha sama dan entiti bersekutu tersebut beroperasi (jika berbeza daripada bidang kuasa entiti mengawal).**
    - (iii) Perkadaran bagi kepentingan pemilikannya yang dipegang dalam entiti dan penerangan berkaitan bagaimana penentuan kepentingan pemilikan tersebut.**
  - (c) Penerangan mengenai kaedah yang digunakan untuk mengakaunkan entiti yang dikawal, usaha sama dan entiti bersekutu yang disenaraikan di bawah (b).**

- 32.16 Apabila entiti mengawal (selain daripada entiti mengawal yang dinyatakan dalam Seksyen 32.15) atau pelabur yang mempunyai kawalan bersama, atau pengaruh signifikan terhadap penerima pelaburan, menyediakan penyata kewangan berasingan, entiti mengawal atau pelabur tersebut hendaklah mengenal pasti penyata kewangan yang disediakan menurut Seksyen 31, Pengaturan Bersama, Seksyen 33, Penyata Kewangan Disatukan atau Seksyen 34, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama yang berkaitan dengannya. Entiti mengawal atau pelabur tersebut juga hendaklah mendedahkan dalam penyata kewangan berasingan:
- (a) Fakta bahawa penyata tersebut ialah penyata kewangan berasingan dan sebab penyata tersebut disediakan, jika tidak dikehendaki oleh perundangan atau pihak berkuasa lain.
  - (b) Senarai entiti yang dikawal, usaha sama dan entiti bersekutu yang signifikan, termasuk:
    - (i) Nama entiti yang dikawal, usaha sama dan entiti bersekutu tersebut.
    - (ii) Bidang kuasa entiti yang dikawal, usaha sama dan entiti bersekutu tersebut beroperasi (jika berbeza dengan entiti mengawal).
    - (iii) Perkadaran bagi kepentingan pemilikannya yang dipegang dalam entiti dan penerangan berkaitan bagaimana penentuan kepentingan pemilikan tersebut.
  - (c) Penerangan mengenai kaedah yang digunakan untuk mengakaunkan entiti yang dikawal, usaha sama dan entiti bersekutu disenaraikan di bawah (b).

### **Peruntukan Peralihan**

---

- 32.17 Peruntukan peralihan untuk perubahan dalam pengolahan perakaunan bagi penyata kewangan berasingan entiti untuk kepentingan dalam operasi bersama dinyatakan dalam Seksyen 31, Pengaturan Bersama.

## Seksyen 33

### *Penyata Kewangan Disatukan*

#### Skop Seksyen

---

- 33.1 Seksyen ini adalah untuk mewujudkan prinsip bagi pembentangan dan penyediaan penyata kewangan disatukan apabila entiti mengawal satu atau lebih entiti lain.
- 33.2 Untuk memenuhi keperluan dalam Seksyen 33.1, Seksyen ini:
- (a) Memerlukan entiti (entiti mengawal) yang mengawal satu atau lebih entiti lain (entiti yang dikawal) untuk membentangkan penyata kewangan disatukan;
  - (b) Mentakrifkan prinsip kawalan dan menetapkan kawalan sebagai asas untuk penyatuan;
  - (c) Menetapkan cara bagaimana mengguna pakai prinsip kawalan untuk mengenal pasti sama ada entiti mengawal entiti lain dan oleh itu hendaklah menyatukan entiti tersebut; dan
  - (d) Menetapkan keperluan perakaunan bagi penyediaan penyata kewangan disatukan.
- 33.3 **Entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan hendaklah menggunakan Seksyen ini dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan disatukan untuk entiti ekonomi.**

#### Gabungan Sektor Awam

- 33.4 Seksyen ini tidak membincangkan keperluan perakaunan untuk penggabungan entiti dan kesannya terhadap penyatuan, termasuk muhibah yang timbul pada penggabungan entiti (rujuk piawaian perakaunan antarabangsa atau nasional yang berkaitan dengan urusan penggabungan entiti).

#### Pembentangan Penyata Kewangan Disatukan

- 33.5 **Suatu entiti yang merupakan entiti mengawal hendaklah membentangkan penyata kewangan disatukan. Seksyen ini terpakai kepada semua entiti, kecuali entiti mengawal tidak perlu membentangkan penyata kewangan disatukan sekiranya semua syarat berikut dipenuhi:**
- (a) **Entiti dengan sendirinya merupakan entiti yang dikawal dan keperluan maklumat pengguna dipenuhi oleh penyata kewangan disatukan entiti mengawal. Dalam kes entiti yang dikawal separa pemilikan, kesemua pemilik yang lain, termasuk yang tidak layak untuk mengundi, telah dimaklumkan dan tidak membantah entiti tersebut tidak membentangkan penyata kewangan disatukan;**

- (b) Entiti tidak memfailkan, atau tidak dalam proses untuk memfailkan penyata kewangannya dengan suruhanjaya sekuriti atau organisasi pengawal selia yang lain bagi tujuan penerbitan mana-mana kelas instrumen dalam pasaran awam; dan
- (c) Entiti mengawal muktamad atau sebarang entiti mengawal pertengahannya menghasilkan penyata kewangan yang tersedia untuk kegunaan awam dan mematuhi PPIBZW, iaitu entiti-entiti yang dikawal disatukan atau diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kekurangan mengikut Seksyen ini.
- 33.6 Seksyen ini tidak terpakai kepada pelan manfaat pasca-pekerjaan atau pelan manfaat pekerja jangka panjang yang lain, seperti yang terpakai dalam Seksyen 20, Manfaat Pekerja.
- 33.7 Entiti yang dikawal tidak dikecualikan daripada penyatuan kerana aktiviti berbeza dengan entiti lain dalam entiti ekonomi. Maklumat yang relevan disediakan dengan menyatukan entiti dikawal tersebut dan mendedahkan maklumat tambahan dalam penyata kewangan disatukan tentang aktiviti yang berbeza daripada entiti yang dikawal.
- 33.8 Pengecualian daripada menyediakan penyata kewangan disatukan dalam Seksyen 33.5 tidak terpakai apabila keperluan maklumat pengguna entiti yang dikawal tidak dipenuhi oleh penyata kewangan disatukan entiti mengawalinya. Sebagai contoh, penyata kewangan disatukan pada peringkat keseluruhan entiti mengawal muktamad mungkin tidak memenuhi keperluan maklumat pengguna yang berkaitan dengan sektor utama atau aktiviti entiti yang dikawal. Dalam kebanyakan bidang kuasa, terdapat keperluan pelaporan kewangan menurut undang-undang yang bertujuan untuk menangani keperluan maklumat pengguna tersebut.

## Takrif

---

- 33.9 Istilah berikut digunakan dalam Seksyen ini dengan maksud yang dinyatakan:
- (a) **Aktiviti relevan:** Untuk tujuan Seksyen ini, aktiviti relevan merupakan aktiviti entiti yang dikawal yang berpotensi memberikan kesan signifikan terhadap sifat atau jumlah manfaat yang diterima oleh entiti daripada penglibatannya dengan entiti lain.
- (b) **Entiti ekonomi** ialah entiti mengawal dan entiti yang dikawalinya.
- (c) **Entiti mengawal** ialah entiti yang mengawal satu atau lebih entiti.
- (d) **Entiti mengawal muktamad** ialah entiti mengawal yang paling utama dalam entiti ekonomi.
- (e) **Entiti yang dikawal** ialah entiti yang dikawal oleh entiti lain.
- (f) **Hak menyingkir** ialah hak untuk melucutkan kuasa pembuat keputusan.
- (g) **Hak perlindungan** ialah hak yang direka untuk melindungi kepentingan pihak yang memegang hak, tanpa pihak tersebut diberikan kuasa ke atas entiti yang berkaitan dengan hak tersebut.



- (h) **Kawalan**: Suatu entiti mengawal entiti lain apabila entiti tersebut terdedah, atau mempunyai hak terhadap pelbagai manfaat daripada penglibatannya dengan entiti lain dan mempunyai keupayaan untuk memberikan kesan kepada sifat atau amaun manfaat tersebut melalui kuasanya ke atas entiti lain tersebut.
- (i) **Kepentingan bukan kawalan** ialah dana amanah dalam entiti yang dikawal yang tidak dikaitkan secara langsung atau tidak langsung dengan entiti mengawal.
- (j) **Kuasa** terdiri daripada hak sedia ada yang memberikan keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti relevan bagi entiti lain.
- (k) **Manfaat** merupakan kelebihan yang diperoleh oleh entiti daripada penglibatan dengan entiti yang lain. Manfaat boleh berbentuk kewangan atau bukan kewangan. Impak sebenar daripada penglibatan entiti dengan entiti lain boleh mempunyai aspek positif atau negatif.
- (l) **Pembuat keputusan** ialah entiti dengan hak membuat keputusan sama ada sebagai prinsipal atau ejen untuk pihak yang lain.
- (m) **Pengaturan mengikat**: Untuk tujuan Seksyen ini, pengaturan mengikat ialah pengaturan yang memberikan hak dan obligasi yang boleh dikuatkuasakan kepada pihak yang berkaitan seolah-olah pengaturan tersebut adalah dalam bentuk kontrak, termasuk hak daripada kontrak atau hak undang-undang lain.
- (n) **Penyata kewangan disatukan** ialah Penyata kewangan entiti ekonomi, yang aset, liabiliti, dana amanah, hasil, belanja dan aliran tunai entiti mengawal dan entiti yang dikawal dibentangkan sebagai entiti ekonomi tunggal.

Istilah yang ditakrifkan dalam Seksyen lain digunakan dalam Seksyen ini dengan maksud yang sama seperti dalam Seksyen berkenaan, dan diterbitkan semula dalam Glosari Istilah yang Ditakrifkan yang diterbitkan secara berasingan. Istilah berikut ditakrifkan sama ada dalam Seksyen 31, Pengaturan Bersama, Seksyen 34, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama, atau Seksyen 35, Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain: entiti bersekutu, kepentingan dalam entiti lain, usaha sama dan pengaruh signifikan.

### **Pengaturan Mengikat**

- 33.10 Pengaturan mengikat boleh dibuktikan melalui beberapa kaedah. Pengaturan mengikat selalunya, tetapi tidak semestinya, secara bertulis, dalam bentuk kontrak atau perbincangan yang didokumenkan antara pihak yang terlibat. Mekanisme berkanun seperti Majlis atau Lembaga Pengarah atau pihak yang diberi kuasa eksekutif juga boleh mewujudkan pengaturan yang dapat dikuatkuasakan, serupa dengan pengaturan kontrak, sama ada dengan sendirinya, atau bersama dengan kontrak antara pihak yang terlibat.

## **Entiti Ekonomi**

- 33.11 **Bagi tujuan pelaporan kewangan, istilah entiti ekonomi yang digunakan dalam Seksyen ini adalah merujuk kepada sekumpulan entiti yang terdiri daripada entiti mengawal dan mana-mana entiti yang dikawal. Istilah lain yang kadangkala digunakan untuk merujuk entiti ekonomi termasuk entiti pentadbiran, entiti kewangan, entiti disatukan dan kumpulan. Entiti ekonomi boleh merangkumi entiti dengan objektif polisi sosial dan/atau komersial.**
- 33.12 Penentuan entiti ekonomi perlu dibuat dengan mengambil kira pengaturan dalam bidang kuasa, khususnya dalam keadaan kuasa institusi BZW adalah terhad dan diperuntukkan, serta bagaimana institusi tersebut ditubuhkan dan beroperasi. Contohnya dalam bidang kuasa zakat apabila kutipan dan agihan dilaksana oleh entiti yang berbeza, bidang kuasa ini secara kolektif boleh membentuk entiti ekonomi bagi memenuhi keperluan pengguna yang memerlukan penyata kewangan disatukan.

## **Kawalan**

---

- 33.13 **Suatu entiti, tanpa mengira sifat penglibatannya dengan entiti lain, hendaklah menentukan sama ada entiti tersebut merupakan entiti mengawal dengan mentaksir sama ada entiti tersebut mengawal entiti lain atau tidak.**
- 33.14 **Suatu entiti mengawal entiti lain apabila entiti mengawal tersebut terdedah, atau mempunyai hak terhadap pelbagai manfaat daripada penglibatannya dengan entiti lain dan mempunyai keupayaan untuk memberikan kesan kepada sifat dan amaun manfaat tersebut melalui kuasanya ke atas entiti lain tersebut.**
- 33.15 **Oleh yang demikian, suatu entiti mengawal entiti yang lain jika dan hanya jika entiti tersebut mempunyai semua yang berikut:**
- (a) Kuasa ke atas entiti lain (rujuk Seksyen 33.18 - 33.23);**
  - (b) Keterdedahan atau hak terhadap manfaat berubah-ubah daripada penglibatannya dengan entiti lain (rujuk Seksyen 33.24 - 33.28); dan**
  - (c) Keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas entiti lain untuk memberikan kesan kepada sifat atau amaun manfaat daripada penglibatannya dengan entiti lain tersebut (rujuk Seksyen 33.29 - 33.31).**
- 33.16 **Suatu entiti hendaklah mempertimbangkan semua fakta dan keadaan semasa mentaksir sama ada entiti tersebut mengawal entiti lain atau tidak. Entiti hendaklah mentaksir semula sama ada entiti mengawal entiti lain atau tidak sekiranya fakta dan keadaan menunjukkan bahawa terdapat perubahan terhadap satu atau lebih daripada tiga elemen kawalan yang disenaraikan dalam Seksyen 33.15.**

- 33.17 Dua atau lebih entiti mengawal entiti lain secara kolektif apabila entiti tersebut perlu bertindak bersama untuk mengarah aktiviti-aktiviti relevan. Dalam kes sedemikian, tiada entiti tunggal yang boleh mengarah aktiviti tanpa mendapat kerjasama daripada yang lain, maka tiada entiti tunggal yang mengawal entiti lain. Setiap entiti akan mengambil kira kepentingannya dalam entiti lain menurut Seksyen yang berkaitan, seperti Seksyen 31, Pengaturan Bersama, Seksyen 34, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama, atau Seksyen yang berhubung-kait dengan instrumen kewangan (Seksyen 26, Instrumen Kewangan).

### **Kuasa**

- 33.18 Suatu entiti mempunyai kuasa ke atas entiti lain apabila entiti tersebut mempunyai hak sedia ada yang memberikan keupayaan pada masa ini kepadanya untuk mengarah aktiviti-aktiviti relevan, iaitu, aktiviti yang memberikan kesan signifikan kepada sifat atau amaun manfaat daripada penglibatannya dengan entiti lain. Hak untuk mengarah dasar kewangan dan operasi entiti lain menunjukkan bahawa entiti mempunyai keupayaan untuk mengarah aktiviti-aktiviti relevan entiti lain dan sering dijadikan cara untuk menunjukkan kuasa.
- 33.19 Kuasa wujud daripada hak. Dalam sesetengah kes, mentaksir kewujudan kuasa adalah jelas dan mudah, sebagai contoh, apabila kuasa ke atas entiti lain diperoleh secara langsung dan hanya daripada hak mengundi yang diberikan oleh instrumen ekuiti seperti saham, dan boleh ditaksir dengan mempertimbangkan hak mengundi daripada pegangan saham tersebut. Walau bagaimanapun, entiti sering memperoleh kuasa ke atas entiti lain daripada hak selain hak mengundi. Entiti tersebut juga boleh memperoleh kuasa ke atas entiti lain tanpa mempunyai instrumen ekuiti yang memberikan bukti pelaburan kewangan. Entiti mungkin mempunyai hak yang diberikan oleh pengaturan mengikat. Hak ini boleh memberi kuasa kepada sesuatu entiti untuk menghendaki entiti lain menggunakan aset atau menanggung liabiliti melalui cara yang memberi kesan kepada sifat atau amaun manfaat yang diterima oleh entiti tersebut. Pentaksiran sama ada hak tersebut mewujudkan kuasa ke atas entiti lain atau tidak mungkin menjadi rumit dan memerlukan lebih daripada satu faktor untuk dipertimbangkan.
- 33.20 Kewujudan hak ke atas entiti lain tidak semestinya menimbulkan kuasa untuk tujuan Seksyen ini. Suatu entiti tidak mempunyai kuasa ke atas entiti lain semata-mata kerana kewujudan:
- (a) Kawalan pengawalseliaan; atau
  - (b) Kebergantungan ekonomi.
- 33.21 Suatu entiti dengan keupayaan semasa untuk mengarah aktiviti-aktiviti relevan, tetap mempunyai kuasa walaupun haknya untuk mengarah masih belum dilaksanakan. Bukti bahawa entiti telah mengarah aktiviti-aktiviti relevan bagi entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan boleh membantu dalam menentukan sama ada entiti tersebut mempunyai kuasa atau tidak, tetapi bukti tersebut, dengan sendirinya masih boleh dipertikaikan dalam menentukan sama ada entiti mempunyai kuasa ke atas entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan Bagi entiti yang ditubuhkan dengan aktiviti yang ditetapkan terlebih dahulu, hak untuk mengarah aktiviti-aktiviti relevan mungkin telah dilaksanakan pada masa entiti tersebut ditubuhkan.

- 33.22 Jika dua atau lebih entiti masing-masing mempunyai hak sedia ada yang memberikan keupayaan unilateral kepada entiti-entiti tersebut untuk mengarah aktiviti-aktiviti relevan yang berbeza, entiti yang mempunyai keupayaan semasa untuk mengarah aktiviti yang memberikan kesan paling signifikan kepada sifat atau amaun manfaat daripada entiti tersebut mempunyai kuasa ke atas entiti lain tersebut.
- 33.23 Suatu entiti boleh mempunyai kuasa ke atas entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan walaupun entiti lain mempunyai hak sedia ada yang memberikan keupayaan semasa kepada entiti tersebut untuk mengambil bahagian dalam arah tuju aktiviti-aktiviti relevan, contohnya, apabila entiti lain mempunyai pengaruh signifikan. Walau bagaimanapun, entiti yang hanya memegang hak perlindungan tidak mempunyai kuasa ke atas entiti lain, dan akibatnya entiti berkenaan tidak mengawal entiti lain tersebut.

### **Manfaat**

- 33.24 Suatu entiti terdedah atau mempunyai hak, terhadap manfaat berubah-ubah daripada penglibatannya dengan entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan apabila manfaat yang dicari oleh entiti tersebut daripada penglibatannya mempunyai potensi untuk berubah-ubah akibat prestasi entiti lain. Entiti memilih untuk terlibat dengan entiti lain dengan jangkaan manfaat kewangan atau bukan kewangan yang positif dari masa ke masa. Walau bagaimanapun, dalam tempoh pelaporan tertentu, impak sebenar penglibatan entiti dengan entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan boleh menjadi positif sahaja, negatif sahaja atau campuran kedua-duanya.
- 33.25 Manfaat entiti daripada penglibatannya dengan entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan boleh dalam bentuk kewangan sahaja, bukan kewangan sahaja atau kedua-duanya. Manfaat kewangan termasuk pulangan atas pelaburan seperti dividen atau pengagihan yang serupa dan kadangkala dirujuk sebagai “pulangan”. Manfaat bukan kewangan termasuk kelebihan yang timbul daripada sumber yang sukar didapati dan tidak diukur dari segi kewangan serta manfaat ekonomi yang diterima secara langsung oleh penerima perkhidmatan entiti. Manfaat bukan kewangan boleh berlaku apabila aktiviti entiti lain sepadan dengan (iaitu, mereka bersetuju dengan), objektif entiti dan menyokong entiti tersebut dalam mencapai objektifnya. Sebagai contoh, entiti boleh memperoleh manfaat apabila entiti lain dengan aktiviti yang sepadan menyediakan perkhidmatan yang sepatutnya perlu disediakan oleh entiti tersebut. Aktiviti sepadan boleh dijalankan secara sukarela atau entiti tersebut boleh mempunyai kuasa untuk mengarah entiti lain supaya menjalankan aktiviti berkenaan. Manfaat bukan kewangan juga boleh berlaku apabila dua entiti mempunyai objektif pelengkap (iaitu, objektif untuk satu entiti ditambah kepada objektif entiti lain dan menjadikan objektif entiti lain tersebut lebih lengkap).
- 33.26 Contoh berikut menggambarkan manfaat kewangan yang boleh diterima oleh entiti daripada penglibatannya dengan entiti lain:
- (a) Dividen, keuntungan berubah-ubah ke atas sekuriti hutang, pengagihan manfaat ekonomi yang lain;
  - (b) Keterdedahan kepada peningkatan atau pengurangan nilai pelaburan dalam entiti lain;
  - (c) Keterdedahan kepada kerugian daripada perjanjian untuk menyediakan sokongan kewangan, termasuk sokongan kewangan untuk projek-projek utama;

- (d) Penjimatan kos (contohnya, jika entiti akan mencapai ekonomi ikut bidangan atau sinergi dengan menggabungkan operasi atau aset entiti lain dengan operasi atau asetnya sendiri);
- (e) Faedah sisa dalam aset dan liabiliti entiti lain atas pembubaran entiti lain tersebut; dan
- (f) Keterdedahan lain kepada manfaat berubah-ubah yang tidak tersedia kepada entiti lain.

33.27 Contoh manfaat bukan kewangan termasuk:

- (a) Keupayaan untuk mendapatkan manfaat daripada pengetahuan khusus entiti lain;
- (b) Nilai kepada entiti daripada entiti lain yang menjalankan aktiviti bagi membantu entiti tersebut mencapai objektifnya;
- (c) Keberhasilan yang ditambah baik;
- (d) Penyampaian keberhasilan yang lebih cekap;
- (e) Kutipan dan agihan zakat yang lebih cekap atau efektif;
- (f) Mempunyai aset dan perkhidmatan berkaitan yang tersedia lebih awal daripada jangkaan; dan
- (g) Mempunyai tahap kualiti perkhidmatan yang lebih tinggi daripada jangkaan.

33.28 Walaupun hanya satu entiti boleh mengawal entiti lain, lebih daripada satu pihak boleh berkongsi manfaat entiti lain tersebut. Sebagai contoh, pemegang kepentingan bukan kawalan boleh berkongsi manfaat kewangan seperti lebihan atau pengagihan daripada entiti atau manfaat bukan kewangan seperti aktiviti sepadan dengan keberhasilan yang diinginkan.

### **Perkaitan antara Kuasa dengan Manfaat**

33.29 Suatu entiti mengawal entiti lain jika entiti tersebut bukan sahaja mempunyai kuasa ke atas entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan dan keterdedahan atau hak untuk manfaat berubah-ubah daripada penglibatannya dengan entiti lain tersebut, tetapi juga mempunyai keupayaan untuk menggunakan kuasanya bagi memberi kesan kepada sifat atau amaun manfaat daripada penglibatannya dengan entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan.

33.30 Kewujudan objektif yang sepadan sahaja tidak mencukupi untuk entiti membuat kesimpulan bahawa entiti tersebut mengawal entiti lain. Untuk mempunyai kawalan, entiti tersebut juga perlu mempunyai keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan bagi mengarah entiti lain tersebut supaya bekerjasama dengan entiti tersebut untuk melanjutkan objektifnya.

- 33.31 Suatu entiti dengan hak membuat keputusan hendaklah menentukan sama ada entiti tersebut merupakan prinsipal atau ejen. Entiti juga hendaklah menentukan sama ada entiti lain dengan hak membuat keputusan bertindak sebagai ejen untuk entiti tersebut atau tidak. Ejen merupakan pihak utama yang terlibat untuk bertindak bagi pihak dan manfaat pihak lain (prinsipal) dan oleh itu tidak mengawal entiti lain apabila ejen tersebut melaksanakan kuasanya untuk membuat keputusan. Oleh itu, kadangkala kuasa prinsipal boleh dipegang dan dilaksanakan oleh ejen, tetapi bagi mewakili pihak prinsipal dan dalam sesetengah keadaan lain, kuasa mutlak masih kekal dipegang oleh prinsipal.

### **Keperluan Perakaunan**

- 33.32 Suatu entiti mengawal hendaklah menyediakan penyata kewangan disatukan menggunakan dasar perakaunan yang seragam untuk transaksi yang sama dan peristiwa lain dalam keadaan yang serupa.
- 33.33 Penyatuan entiti yang dikawal hendaklah bermula dari tarikh entiti memperoleh kawalan terhadap entiti lain dan tamat apabila entiti hilang kawalan terhadap entiti lain tersebut.

### **Prosedur Penyatuan**

- 33.34 Penyata kewangan disatukan:

- (a) Menggabungkan item yang sama bagi aset, liabiliti, dana amanah, hasil, belanja dan aliran tunai entiti mengawal dengan entiti yang dikawalnya.
- (b) Ofset (menghapuskan) amaun bawaan pelaburan entiti mengawal dalam setiap entiti yang dikawal dan bahagian dana amanah entiti mengawal bagi setiap entiti yang dikawal (piawaian perakaunan antarabangsa atau nasional yang berkaitan menerangkan bagaimana mengakaunkan sebarang muhibah berkaitan).
- (c) Menghapuskan sepenuhnya aset, liabiliti, dana amanah, hasil dan belanja intra ekonomi yang berkaitan dengan transaksi antara kumpulan wang, transaksi entiti daripada entiti ekonomi (lebih atau kurang yang disebabkan oleh transaksi entiti intra-ekonomi yang diiktiraf dalam aset, seperti inventori dan aset tetap, dihapuskan sepenuhnya). Kerugian entiti intra-ekonomi mungkin menunjukkan penjejasan yang memerlukan pengiktirafan dalam penyata kewangan disatukan.

### **Dasar Perakaunan yang Seragam**

- 33.35 Jika ahli entiti ekonomi menggunakan dasar perakaunan selain yang diterima pakai dalam penyata kewangan disatukan untuk transaksi yang sama dan peristiwa dalam keadaan yang serupa, pelarasan yang sewajarnya akan dibuat terhadap penyata kewangan ahli tersebut semasa menyediakan penyata kewangan disatukan untuk memastikan pematuhan dengan dasar perakaunan entiti ekonomi.

## Pengukuran

33.36 Suatu entiti memasukkan hasil dan belanja entiti yang dikawal dalam penyata kewangan disatukan dari tarikh entiti tersebut mendapat kawalan sehingga tarikh entiti tersebut tidak lagi mengawal entiti yang dikawal. Hasil dan belanja entiti yang dikawal adalah berdasarkan amaun aset dan liabiliti yang diiktiraf dalam penyata kewangan disatukan pada tarikh pemerolehan. Sebagai contoh, belanja susut nilai yang diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan disatukan selepas tarikh pemerolehan adalah berdasarkan nilai aset boleh susut nilai berkaitan yang diiktiraf dalam penyata kewangan disatukan pada tarikh pemerolehan.

## Hak Mengundi Berpotensi

33.37 Apabila hak mengundi berpotensi atau derivatif lain yang mengandungi hak mengundi berpotensi wujud, perkadaran lebih atau kurangan dan perubahan dalam dana amanah yang diperuntukkan kepada entiti mengawal dan kepentingan bukan kawalan dalam menyediakan penyata kewangan disatukan akan ditentukan hanya berasaskan kepentingan pemilikan sedia ada dan tidak menggambarkan kemungkinan pelaksanaan atau penukaran hak mengundi berpotensi dan derivatif lain, melainkan Seksyen 33.38 terpakai.

33.38 Dalam sesetengah keadaan, suatu entiti secara intipati, mempunyai kepentingan pemilikan sedia ada hasil daripada transaksi yang pada masa kini memberikan akses kepada entiti terhadap manfaat yang berkaitan dengan kepentingan pemilikan. Dalam keadaan sedemikian, perkadaran yang diperuntukkan kepada entiti mengawal dan kepentingan bukan kawalan dalam menyediakan penyata kewangan disatukan akan ditentukan dengan mengambil kira pelaksanaan terakhir hak mengundi berpotensi dan derivatif lain yang kini memberikan akses kepada entiti terhadap manfaat.

33.39 Seksyen 26, Instrumen Kewangan tidak terpakai kepada kepentingan dalam entiti yang dikawal yang disatukan. Apabila instrumen yang mengandungi hak mengundi berpotensi secara intipati memberikan akses terhadap manfaat yang berkaitan dengan kepentingan pemilikan dalam entiti yang dikawal pada masa ini, instrumen tersebut tidak tertakluk pada keperluan Seksyen 26, Instrumen Kewangan. Dalam semua kes lain, instrumen yang mengandungi hak mengundi berpotensi dalam entiti yang dikawal diakaunkan menurut Seksyen 26, Instrumen Kewangan.

## Tarikh Pelaporan

33.40 **Penyata kewangan entiti mengawal dan entiti yang dikawalnya yang digunakan dalam menyediakan penyata kewangan disatukan hendaklah disediakan pada tarikh pelaporan yang sama. Apabila tempoh pelaporan akhir entiti mengawal adalah berbeza daripada entiti yang dikawal, entiti mengawal sama ada:**

- (a) Mendapatkan maklumat kewangan tambahan pada tarikh yang sama dengan penyata kewangan entiti mengawal tersebut untuk tujuan penyatuan; atau
- (b) Menggunakan penyata kewangan terkini entiti yang dikawal, dilaraskan dengan kesan transaksi atau peristiwa signifikan yang berlaku antara tarikh penyata kewangan tersebut dan tarikh penyata kewangan disatukan.

### **Kepentingan Bukan Kawalan**

- 33.41 **Suatu entiti mengawal hendaklah membentangkan kepentingan bukan kawalan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan dalam dana amanah, secara berasingan daripada dana amanah pemilik bagi entiti mengawal.**
- 33.42 **Perubahan kepentingan entiti mengawal dalam entiti yang dikawal yang tidak akan menyebabkan entiti mengawal hilang kawalan terhadap entiti yang dikawal adalah merupakan transaksi dengan pemilik dalam kapasiti mereka sebagai pemilik.**
- 33.43 **Suatu entiti hendaklah membahagikan lebihan atau kekurangan dan setiap laba atau rugi yang diiktiraf secara langsung dalam dana amanah kepada pemilik entiti mengawal dan kepentingan bukan kawalan. Entiti juga hendaklah membahagikan jumlah amaun yang diiktiraf dalam penyata perubahan dana amanah kepada pemilik entiti mengawal dan kepentingan bukan kawalan, walaupun hal ini menyebabkan kepentingan bukan kawalan mempunyai baki defisit, kecuali terdapat pengaturan mengikat yang menyatakan sebaliknya. Contohnya, perjanjian berdasarkan kontrak mudarabah.**

#### *Perubahan dalam Perkadaran yang dipegang oleh Kepentingan Bukan Kawalan*

- 33.44 **Apabila perkadaran dana amanah yang dipegang oleh kepentingan bukan kawalan berubah, entiti hendaklah melaraskan amaun bawaan bagi kepentingan kawalan dan bukan kawalan untuk menggambarkan perubahan kepentingan relatif dalam entiti yang dikawal. Entiti hendaklah mengiktiraf secara langsung dalam dana amanah, sebarang perbezaan antara amaun kepentingan bukan kawalan yang dilaraskan dengan nilai saksama bagi balasan yang dibayar atau diterima, dan membahagikannya dengan pemilik-pemilik entiti mengawal.**

### **Kehilangan Kawalan**

- 33.45 **Sekiranya entiti mengawal kehilangan kawalan ke atas entiti yang dikawal, entiti mengawal tersebut:**
- (a) **Menyahiktiraf aset dan liabiliti bagi entiti yang dikawal terdahulu daripada penyata kedudukan kewangan disatukan;**
  - (b) **Mengiktiraf sebarang pelaburan tertahan dalam entiti yang dikawal terdahulu pada nilai saksamanya apabila kawalan tersebut hilang dan seterusnya mengakaunkan pelaburan tertahan tersebut dan mengakaunkan sebarang amaun yang terhutang oleh atau kepada entiti yang dikawal terdahulu mengikut Seksyen yang berkaitan. Nilai saksama itu hendaklah dianggap sebagai nilai saksama pada pengiktirafan awal aset kewangan tersebut mengikut Seksyen 26, Instrumen Kewangan atau kos pada pengiktirafan awal pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama; dan**
  - (c) **Mengiktiraf laba atau rugi yang berkaitan dengan kehilangan kawalan terhadap kepentingan mengawal yang terdahulu.**



- 33.46 Suatu entiti mengawal mungkin kehilangan kawalan terhadap entiti yang dikawal dalam dua atau lebih pengatur (transaksi). Walau bagaimanapun, sesetengah keadaan menunjukkan bahawa pengatur yang pelbagai perlu diakaunkan sebagai satu transaksi. Dalam menentukan sama ada pengatur diakaunkan sebagai satu transaksi atau tidak, entiti mengawal hendaklah mempertimbangkan semua terma dan syarat pengatur dan kesan ekonomi pengatur tersebut. Satu atau lebih daripada yang berikut menunjukkan bahawa entiti mengawal perlu mengakaunkan pengatur yang pelbagai sebagai satu transaksi:
- (a) Pengatur tersebut dibuat pada masa yang sama atau hampir serentak antara satu sama lain.
  - (b) Pengatur tersebut membentuk satu transaksi yang direka untuk mencapai kesan komersial secara keseluruhan.
  - (c) Berlakunya satu pengatur adalah bergantung kepada berlakunya sekurang-kurangnya satu pengatur yang lain.
  - (d) Satu pengatur sekiranya dipertimbangkan dengan sendirinya tidak mempunyai justifikasi ekonomi, melainkan pengatur tersebut dipertimbangkan bersama dengan pengatur lain. Contohnya, apabila pelupusan pelaburan yang mempunyai harga bawah pasaran dan digantikan oleh pelupusan berikutnya yang mempunyai harga atas pasaran.
- 33.47 Sekiranya entiti mengawal kehilangan kawalan ke atas entiti yang dikawal, entiti mengawal hendaklah:
- (a) Menyahiktiraf:
    - (i) Aset (termasuk sebarang muhibah) dan liabiliti entiti yang dikawal berdasarkan amaun bawaan pada tarikh kehilangan kawalan; dan
    - (ii) Amaun bawaan bagi sebarang kepentingan bukan kawalan dalam entiti yang dikawal terdahulu pada tarikh kehilangan kawalan (termasuk sebarang laba atau rugi yang diiktiraf secara langsung dalam dana amanah yang berkaitan dengan entiti yang dikawal terdahulu tersebut).
  - (b) Mengiktiraf:
    - (i) Nilai saksama balasan yang diterima, jika ada, daripada transaksi, peristiwa atau keadaan yang menyebabkan kehilangan kawalan;
    - (ii) Pengagihan, jika transaksi, peristiwa atau keadaan yang menyebabkan kehilangan kawalan melibatkan pengagihan saham entiti yang dikawal kepada pemilik dalam kapasiti mereka sebagai pemilik; dan
    - (iii) Sebarang pelaburan tertahan dalam entiti yang dikawal terdahulu berdasarkan nilai saksama pada tarikh kehilangan kawalan.

- (c) Memindahkan terus kepada lebih atau kurang terkumpul, jika diperlukan oleh Seksyen yang lain, amaun yang diiktiraf secara langsung dalam dana amanah berhubung dengan entiti yang dikawal berdasarkan yang diterangkan dalam Seksyen 33.48.
  - (d) Mengiktiraf sebarang perbezaan yang terhasil sebagai laba atau rugi dalam lebih atau kurang yang berkaitan dengan entiti mengawal.
- 33.48 Sekiranya entiti mengawal kehilangan kawalan terhadap entiti yang dikawal, entiti mengawal hendaklah mengakaunkan semua amaun yang sebelum ini diiktiraf terus dalam dana amanah berhubung dengan entiti yang dikawal tersebut atas asas yang sama seperti yang diperlukan jika entiti mengawal telah melupuskan aset atau liabiliti yang berkaitan. Jika surplus penilaian semula yang sebelum ini diiktiraf terus dalam dana amanah akan dipindahkan terus kepada lebih atau kurang terkumpul pada pelupusan aset, entiti mengawal hendaklah memindahkan surplus penilaian semula terus kepada lebih atau kurang terkumpul apabila entiti mengawal kehilangan kawalan ke atas entiti yang dikawal.

### **Peruntukan Peralihan**

- 33.49 Entiti hendaklah menggunakan Seksyen ini secara retrospektif, mengikut Seksyen 28, Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan, kecuali seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 33.50 - 33.57.
- 33.50 Apabila Seksyen ini mula terpakai, entiti hanya perlu membentangkan maklumat kuantitatif yang diperlukan oleh Seksyen 27.30 (f) untuk tempoh tahunan sejurus sebelum tarikh penggunaan awal Seksyen ini ("tempoh sejurus sebelumnya"), walaupun terdapat keperluan dalam Seksyen 27.30. Entiti juga boleh membentangkan maklumat tersebut untuk tempoh semasa atau tempoh perbandingan terdahulu, tetapi tidak dikehendaki untuk berbuat demikian.
- 33.51 Untuk tujuan Seksyen ini, tarikh penggunaan awal merupakan permulaan tempoh pelaporan tahunan yang Seksyen ini terpakai untuk kali pertama.
- 33.52 Pada tarikh penggunaan awal, entiti tidak dikehendaki membuat pelarasan terhadap perakaunan sebelumnya untuk penglibatannya sama ada dengan:
- (a) Entiti yang akan disatukan pada tarikh tersebut mengikut Seksyen 32, Penyata Kewangan Berasingan, dan masih disatukan mengikut Seksyen ini; atau
  - (b) Entiti yang tidak akan disatukan pada tarikh tersebut mengikut Seksyen 32, Penyata Kewangan Berasingan, dan tidak disatukan mengikut Seksyen ini.

33.53 **Jika, pada tarikh penggunaan awal, entiti membuat rumusan bahawa entiti hendaklah menyatukan entiti lain yang tidak disatukan mengikut Seksyen 32, Penyata Kewangan Berasingan, entiti tersebut hendaklah mengukur aset, liabiliti dan kepentingan bukan kawalan dalam entiti yang tidak disatukan sebelum ini seolah-olah entiti lain telah disatukan dari tarikh entiti tersebut memperoleh kawalan terhadap entiti lain tersebut berdasarkan keperluan Seksyen ini. Entiti hendaklah melaraskan tempoh tahunan secara retrospektif sejurus sebelum tarikh penggunaan awal. Sekiranya tarikh kawalan itu diperoleh lebih awal dari permulaan tempoh sejurus sebelumnya, entiti hendaklah mengiktiraf, sebagai pelarasan kepada dana amanah pada permulaan tempoh sejurus sebelumnya, sebarang perbezaan antara:**

**(a) Amaun aset, liabiliti dan kepentingan bukan kawalan yang diiktiraf; dan**

**(b) Amaun bawaan terdahulu bagi penglibatan entiti dengan entiti lain.**

33.54 **Jika mengukur aset, liabiliti dan kepentingan bukan kawalan entiti yang dikawal mengikut Seksyen 33.53 (a) atau (b) adalah tidak praktikal untuk dilaksanakan (seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 27, Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan), entiti hendaklah mengukur aset, liabiliti dan kepentingan bukan kawalan dalam entiti yang tidak disatukan sebelum ini seolah-olah entiti tersebut telah disatukan dari tarikh perolehan anggapan. Tarikh perolehan anggapan hendaklah menjadi permulaan tempoh terawal apabila penggunaan perenggan ini praktikal untuk dilaksanakan, yang mungkin merupakan tempoh semasa.**

33.55 **Entiti hendaklah melaraskan tempoh tahunan sejurus sebelum tarikh penggunaan awal secara retrospektif, melainkan permulaan tempoh terawal penggunaan perenggan ini yang praktikal untuk dilaksanakan adalah pada tempoh semasa. Sekiranya tarikh perolehan anggapan adalah lebih awal dari permulaan tempoh sejurus sebelumnya, entiti hendaklah mengiktiraf, sebagai pelarasan kepada dana amanah pada permulaan tempoh sejurus sebelumnya, sebarang perbezaan antara:**

**(a) Amaun aset, liabiliti dan kepentingan bukan kawalan yang diiktiraf; dan**

**(b) Amaun bawaan terdahulu bagi penglibatan entiti dengan entiti lain.**

**Sekiranya tempoh terawal penggunaan perenggan ini adalah praktikal untuk dilaksanakan ialah tempoh semasa, pelarasan untuk dana amanah hendaklah diiktiraf pada permulaan tempoh semasa tersebut.**

33.56 Jika, pada tarikh penggunaan awal, entiti membuat rumusan bahawa entiti tidak lagi akan menyatukan entiti yang disatukan mengikut Seksyen 32, Penyata Kewangan Berasingan, entiti tersebut hendaklah mengukur kepentingannya dalam entiti lain pada amaun yang akan diukur jika keperluan Seksyen ini telah berkuat kuasa apabila entiti tersebut terlibat dengan, atau kehilangan kawalan terhadap, entiti lain tersebut. Entiti hendaklah melaraskan tempoh tahunan secara retrospektif sejurus sebelum tarikh penggunaan awal. Sekiranya tarikh entiti terlibat dengan (tetapi tidak memperoleh kawalan mengikut Seksyen ini), atau kehilangan kawalan terhadap entiti lain adalah lebih awal dari permulaan tempoh sejurus sebelumnya, entiti hendaklah mengiktiraf, sebagai pelarasan kepada dana amanah pada permulaan tempoh sejurus sebelumnya, sebarang perbezaan antara:

(a) Amaun bawaan terdahulu bagi aset, liabiliti dan kepentingan bukan kawalan; dan

(b) Amaun yang diiktiraf bagi kepentingan entiti dalam entiti lain.

33.57 Jika mengukur kepentingan dalam entiti lain menurut Seksyen 33.56 adalah tidak praktikal untuk dilaksanakan (seperti yang ditakrif dalam Seksyen 27, Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan), entiti hendaklah menggunakan keperluan Seksyen ini pada permulaan tempoh terawal yang penggunaan Seksyen 33.56 praktikal untuk dilaksanakan, yang mungkin merupakan tempoh semasa. Entiti hendaklah melaraskan tempoh tahunan sejurus sebelum tarikh penggunaan awal secara retrospektif, melainkan permulaan tempoh terawal penggunaan perenggan ini adalah praktikal untuk dilaksanakan pada tempoh semasa. Sekiranya tarikh entiti terlibat dengan (tetapi tidak memperoleh kawalan mengikut Seksyen ini), atau hilang kawalan terhadap entiti lain adalah lebih awal dari permulaan tempoh sejurus sebelumnya, entiti hendaklah mengiktiraf, sebagai pelarasan kepada dana amanah pada permulaan tempoh sejurus sebelumnya, sebarang perbezaan antara:

(a) Amaun bawaan terdahulu bagi aset, liabiliti dan kepentingan bukan kawalan; dan

(b) Amaun yang diiktiraf bagi kepentingan entiti dalam entiti lain.

Sekiranya tempoh terawal penggunaan perenggan ini praktikal untuk dilaksanakan adalah tempoh semasa, pelarasan untuk dana amanah hendaklah diiktiraf pada permulaan tempoh semasa tersebut.

## Seksyen 34

### *Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama*

#### Skop Seksyen

---

- 34.1 Seksyen ini menetapkan perakaunan bagi pelaburan dalam entiti bersekutu dan usaha sama serta untuk menetapkan keperluan bagi penggunaan kaedah ekuiti apabila mengakaunkan pelaburan dalam entiti bersekutu dan usaha sama.
- 34.2 Entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan hendaklah mengguna pakai Seksyen ini untuk perakaunan bagi pelaburan dalam entiti bersekutu dan usaha sama.
- 34.3 Seksyen ini hendaklah diguna pakai oleh semua entiti yang merupakan pelabur dengan pengaruh signifikan ke atas, atau kawalan bersama ke atas, penerima pelaburan apabila pelaburan tersebut membawa kepada pegangan kepentingan pemilikan yang dapat diukur.
- 34.4 Seksyen ini menyediakan asas untuk perakaunan bagi kepentingan pemilikan dalam entiti bersekutu dan usaha sama iaitu pelaburan dalam entiti lain yang memberikan risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan kepentingan pemilikan kepada entiti. Seksyen ini hanya terpakai untuk kepentingan pemilikan yang dapat diukur termasuk kepentingan pemilikan yang wujud daripada pelaburan dalam struktur ekuiti formal entiti lain. Struktur ekuiti formal bermaksud modal saham atau bentuk modal yang setara, seperti unit dalam amanah hartanah. Kepentingan pemilikan yang dapat diukur juga boleh merangkumi kepentingan pemilikan yang wujud daripada pelaburan lain apabila kepentingan pemilikan entiti tersebut dapat diukur dengan munasabah (contohnya, kepentingan dalam perkongsian). Sekiranya struktur ekuiti bagi entiti lain ditakrif secara tidak jelas, pengukuran kepentingan pemilikan yang boleh dipercayai mungkin tidak dapat diperolehi.
- 34.5 Seseengah sumbangan yang dibuat oleh entiti mungkin dirujuk sebagai "pelaburan", tetapi tidak mewujudkan kepentingan pemilikan. Oleh itu, sumbangan tersebut tidak dianggap sebagai pelaburan. Sebagai contoh, sesuatu entiti boleh membuat pelaburan yang penting dalam pembangunan hospital yang dimiliki dan dikendalikan oleh badan amal. Walaupun sumbangan tersebut bersifat bukan pertukaran, mereka membenarkan entiti untuk mengambil bahagian dalam operasi hospital, dan badan amal tersebut bertanggungjawab kepada entiti atas penggunaan wang awamnya. Bagaimanapun, sumbangan yang dibuat oleh entiti tersebut tidak menyebabkan terbentuknya kepentingan pemilikan, kerana badan amal tersebut boleh mendapatkan pembiayaan alternatif dan dengan itu menghalang entiti daripada mengambil bahagian dalam operasi hospital. Maka, entiti tidak terdedah kepada risiko, dan juga tidak menikmati ganjaran, yang berkaitan dengan kepentingan pemilikan.

#### Takrif

---

- 34.6 Istilah berikut digunakan dalam Seksyen ini dengan maksud yang dinyatakan:
- (a) Entiti bersekutu ialah entiti yang pelaburnya mempunyai pengaruh signifikan.

- (b) **Kawalan bersama** ialah perkongsian kawalan dalam pengaturan yang dipersetujui dengan cara pengaturan mengikat, yang wujud hanya apabila keputusan mengenai aktiviti berkaitan memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak yang berkongsi kawalan.
- (c) **Kaedah ekuiti** ialah kaedah perakaunan yang dengannya pelaburan diiktiraf pada awalnya pada harga kos dan dilaraskan selepas itu dengan perubahan pasca-pemerolehan bagi bahagian pelabur daripada aset bersih/ekuiti penerima pelaburan dalam entiti bersekutu atau usaha sama. Lebihan atau kurangan pelabur termasuk bahagiannya daripada lebihan atau kurangan penerima pelaburan dan dana amanah (merujuk kepada aset bersih/ekuiti) pelabur termasuk bahagiannya dalam perubahan dana amanah penerima pelaburan yang belum diiktiraf dalam lebihan atau kurangan penerima pelaburan.
- (d) **Pengaruh signifikan** ialah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan polisi kewangan dan operasi entiti lain tetapi tidak mengawal atau mempunyai kawalan bersama ke atas polisi tersebut.
- (e) **Pengaturan bersama** ialah pengaturan apabila dua atau lebih pihak mempunyai kawalan bersama.
- (f) **Pengusaha niaga bersama** ialah pihak dalam usaha sama yang mempunyai kawalan bersama ke atas usaha sama tersebut.
- (g) **Penyata kewangan disatukan** ialah penyata kewangan entiti ekonomi, yang aset, liabiliti, dana amanah, hasil, belanja dan aliran tunai entiti mengawal dan entiti yang dikawal dibentangkan sebagai entiti ekonomi tunggal.
- (h) **Usaha sama** ialah pengaturan bersama apabila pihak yang mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan tersebut mempunyai hak ke atas aset bersih pengaturan tersebut.

Istilah yang ditakrifkan dalam Seksyen lain digunakan dalam Seksyen ini dengan maksud yang sama seperti dalam Seksyen berkenaan, dan diterbitkan semula dalam Glosari yang diterbitkan secara berasingan. Istilah-istilah berikut ditakrifkan sama ada dalam Seksyen 31, Pengaturan Bersama: manfaat, kawalan, entiti yang dikawal, entiti mengawal, entiti ekonomi, operasi bersama, kuasa dan penyata kewangan berasingan, Seksyen 32, Penyata Kewangan Berasingan, atau Seksyen 33, Penyata Kewangan Disatukan.

### **Pengaturan Mengikat**

- 34.7 Pengaturan mengikat boleh dibuktikan melalui beberapa cara. Pengaturan mengikat selalunya, tetapi tidak semestinya, secara bertulis, dalam bentuk kontrak atau perbincangan yang didokumenkan antara pihak yang terlibat. Mekanisme berkanun seperti Majlis atau Lembaga Pengarah atau pihak yang diberi kuasa eksekutif juga boleh mewujudkan pengaturan yang dapat dikuatkuasakan, serupa dengan pengaturan kontrak, sama ada dengan sendirinya, atau bersama dengan kontrak antara pihak yang terlibat.

## Pengaruh Signifikan

---

- 34.8 Penentuan sama ada pelabur mempunyai pengaruh signifikan ke atas penerima pelaburan memerlukan pertimbangan berdasarkan sifat hubungan antara pelabur dan penerima pelaburan, dan takrif pengaruh signifikan dalam Seksyen ini. Seksyen ini hanya terpakai bagi entiti bersekutu apabila entiti memegang kepentingan pemilikan yang dapat diukur sama ada dalam bentuk pegangan saham atau struktur ekuiti formal lain atau dalam bentuk lain yang kepentingan entiti tersebut boleh diukur dengan munasabah.
- 34.9 Jika entiti memegang kepentingan pemilikan yang dapat diukur dan entiti tersebut memegang, secara langsung atau tidak langsung (contohnya, melalui entiti yang dikawal), 20 peratus atau lebih daripada kuasa mengundi penerima pelaburan, entiti dianggap mempunyai pengaruh signifikan, melainkan dapat ditunjukkan dengan jelas bahawa pengaruh signifikan tersebut tidak wujud. Sebaliknya, jika entiti memegang, secara langsung atau tidak langsung (contohnya, melalui entiti yang dikawal), kurang daripada 20 peratus kuasa mengundi penerima pelaburan, entiti dianggap tidak mempunyai pengaruh signifikan, melainkan pengaruh sedemikian dapat ditunjukkan dengan jelas. Pemilikan yang besar atau majoriti oleh pelabur lain tidak semestinya menghalang entiti daripada mempunyai pengaruh signifikan.
- 34.10 Kewujudan pengaruh signifikan oleh entiti biasanya dibuktikan dengan satu atau lebih daripada cara berikut:
- (a) Perwakilan dalam lembaga pengarah atau badan pentadbir yang setara penerima pelaburan;
  - (b) Penyertaan dalam proses pembuatan polisi, termasuk penyertaan dalam keputusan mengenai dividen atau pengagihan serupa;
  - (c) Transaksi material antara entiti dan penerima pelaburannya;
  - (d) Pertukaran kakitangan pengurusan; atau
  - (e) Penyediaan maklumat teknikal penting.
- 34.11 Entiti boleh memiliki waran saham, opsiyen jualan saham, instrumen kewangan yang boleh ditukar kepada saham biasa, atau instrumen lain yang serupa yang mempunyai potensi, jika dilaksana atau ditukar, untuk memberi entiti tersebut kuasa mengundi tambahan atau mengurangkan kuasa mengundi pihak lain ke atas polisi kewangan dan operasi entiti lain (iaitu, hak mengundi berpotensi). Kewujudan dan kesan hak mengundi berpotensi yang pada masa ini boleh dilaksana atau ditukar, termasuk hak mengundi berpotensi yang dipegang oleh entiti lain, akan dipertimbangkan apabila menilai sama ada suatu entiti mempunyai pengaruh signifikan. Hak mengundi berpotensi tidak dapat dilaksana atau ditukar pada masa ini melainkan, sebagai contoh, sehingga suatu tarikh yang akan datang atau sehingga berlakunya suatu peristiwa pada masa akan datang.

- 34.12 Semasa menaksir sama ada hak mengundi berpotensi menyumbang kepada pengaruh signifikan, entiti meneliti semua fakta dan keadaan (termasuk terma-terma untuk melaksanakan hak mengundi berpotensi dan sebarang pengaturan mengikat lain, sama ada dipertimbangkan secara individu atau kombinasi) yang mempengaruhi hak berpotensi, kecuali hasrat pengurusan dan keupayaan kewangan untuk melaksanakan atau menukarkan hak berpotensi tersebut.
- 34.13 Suatu entiti hilang pengaruh signifikan ke atas penerima pelaburan apabila entiti tersebut hilang kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan polisi kewangan dan operasi penerima pelaburan tersebut. Kehilangan pengaruh signifikan boleh berlaku dengan atau tanpa perubahan pada tahap pemilikan mutlak atau pemilikan relatif. Ini boleh berlaku, sebagai contoh, apabila entiti bersekutu menjadi tertakluk kepada kawalan pihak lain, mahkamah atau pentadbir. Ini juga boleh berlaku disebabkan pengaturan mengikat.

### **Kaedah Ekuiti**

---

- 34.14 Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama diiktiraf pada awalnya pada harga kos dan amaun bawaan ditambah atau dikurang untuk mengiktiraf bahagian pelabur daripada lebihan atau kurangan penerima pelaburan selepas tarikh pemerolehan. Bahagian pelabur daripada lebihan atau kurangan penerima pelaburan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan pelabur. Pengagihan yang diterima daripada penerima pelaburan mengurangkan amaun bawaan pelaburan. Pelarasan kepada amaun bawaan mungkin juga diperlukan bagi perubahan kadar kepentingan pelabur dalam penerima pelaburan yang wujud daripada perubahan ekuiti penerima pelaburan yang tidak diiktiraf untuk lebihan atau kurangan penerima pelaburan. Perubahan sedemikian termasuk yang wujud daripada penilaian semula hartanah, loji dan peralatan dan daripada perbezaan terjemahan pertukaran asing. Bahagian pelabur daripada perubahan tersebut diiktiraf dalam dana amanah pelabur.
- 34.15 Pengiktirafan hasil berasaskan pengagihan yang diterima mungkin bukan ukuran yang mencukupi ke atas hasil yang diperoleh oleh pelabur dalam pelaburan dalam entiti bersekutu atau usaha sama kerana pengagihan yang diterima mungkin hanya mempunyai sedikit kaitan dengan prestasi entiti bersekutu atau usaha sama. Oleh kerana pelabur mempunyai kawalan bersama atau pengaruh signifikan ke atas penerima pelaburan, pelabur mempunyai kepentingan dalam prestasi entiti bersekutu atau usaha sama dan sebagai hasilnya adalah pulangan atas pelaburan. Pelabur mengakaunkan kepentingan ini dengan memperluas skop penyata kewangannya untuk merangkumi bahagian pelabur dalam lebihan atau kurangan penerima pelaburan. Hasilnya, penggunaan kaedah ekuiti memberikan pelaporan yang lebih berinformasi mengenai dana amanah dan lebihan atau kurangan pelabur.
- 34.16 Apabila hak mengundi berpotensi atau derivatif lain yang mempunyai hak mengundi berpotensi wujud, kepentingan entiti dalam entiti bersekutu atau usaha sama ditentukan semata-mata atas dasar kepentingan pemilikan yang sedia ada dan tidak menggambarkan kemungkinan pelaksanaan atau penukaran hak mengundi berpotensi dan instrumen derivatif lain, melainkan Seksyen 34.17 terpakai.



- 34.17 Dalam sesetengah keadaan, secara inti patinya, entiti mempunyai kepentingan pemilikan sedia ada yang terhasil daripada transaksi pada masa ini yang membolehkan entiti tersebut mengakses kepada manfaat berkaitan dengan kepentingan pemilikan. Dalam keadaan sedemikian, bahagian yang diperuntukkan kepada entiti ditentukan dengan mengambil kira hak mengundi berpotensi dan instrumen derivatif lain yang akhirnya dilaksana yang membolehkan entiti tersebut mengakses kepada manfaat.
- 34.18 Seksyen 26, Instrumen Kewangan tidak terpakai ke atas kepentingan dalam entiti bersekutu dan usaha sama yang diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti. Apabila instrumen yang mengandungi hak mengundi berpotensi secara inti patinya pada masa ini membolehkan entiti tersebut mengakses kepada manfaat yang berkaitan dengan kepentingan pemilikan dalam entiti bersekutu atau usaha sama, instrumen tersebut tidak tertakluk kepada Seksyen 26, Instrumen Kewangan. Dalam semua kes lain, instrumen yang mengandungi hak mengundi berpotensi dalam entiti bersekutu atau usaha sama diakaunkan menurut Seksyen 26, Instrumen Kewangan.
- 34.19 **Pelaburan dalam entiti bersekutu atau usaha sama yang diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti hendaklah diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa.**

### **Penggunaan Kaedah Ekuiti**

---

- 34.20 **Entiti dengan kawalan bersama atau pengaruh signifikan, ke atas penerima pelaburan hendaklah mengakaunkan pelaburannya dalam entiti bersekutu atau usaha sama menggunakan kaedah ekuiti kecuali apabila pelaburan tersebut memenuhi syarat untuk pengecualian menurut Seksyen 34.21.**

### **Pengecualian daripada Menggunakan Kaedah Ekuiti**

- 34.21 Entiti tidak perlu menggunakan kaedah ekuiti untuk pelaburannya dalam entiti bersekutu atau usaha sama jika entiti tersebut ialah entiti mengawal yang dikecualikan daripada penyediaan penyata kewangan disatukan menurut skop pengecualian dalam Seksyen 33.5 atau jika semua yang berikut terpakai:
- (a) Entiti itu sendiri ialah entiti yang dikawal dan keperluan maklumat pengguna dipenuhi oleh penyata kewangan disatukan entiti mengawalnya, dan, dalam kes entiti mempunyai sebahagian pemilikan, semua pemilik lainnya, termasuk mereka yang tidak berhak untuk mengundi, telah dimaklumkan, dan tidak membantah, bahawa entiti tersebut tidak akan menggunakan kaedah ekuiti.
  - (b) Instrumen pinjaman atau pembiayaan atau ekuiti entiti tidak diperdagangkan di pasaran awam (bursa saham domestik atau asing atau pasaran atas kaunter, termasuk pasaran tempatan dan serantau).
  - (c) Entiti tidak memfailkan, atau tidak dalam proses memfailkan, penyata kewangannya dengan suruhanjaya sekuriti atau organisasi pengawalseliaan lain, untuk tujuan menerbitkan mana-mana kelas instrumen di pasaran awam.

- (d) Entiti mengawal muktamad atau pertengahan mengeluarkan penyata kewangan yang tersedia untuk kegunaan awam yang mematuhi PPIBZW, iaitu entiti yang dikawal disatukan atau diukur pada nilai saksama menurut Seksyen 33, Penyata Kewangan Disatukan.

### **Menghentikan Penggunaan Kaedah Ekuiti**

**34.22 Entiti hendaklah menghentikan penggunaan kaedah ekuiti dari tarikh pelaburannya tidak lagi menjadi entiti bersekutu atau usaha sama seperti berikut:**

- (a) Jika pelaburan menjadi entiti yang dikawal, entiti hendaklah mengakaunkan pelaburannya menurut pernyataan nasional atau antarabangsa yang berkaitan dengan gabungan sektor awam dan Seksyen 33, Penyata Kewangan Disatukan.
- (b) Jika kepentingan tertahan dalam entiti bersekutu atau usaha sama terdahulu ialah aset kewangan, entiti hendaklah mengukur kepentingan tertahan tersebut pada nilai saksama. Nilai saksama kepentingan tertahan hendaklah dianggap sebagai nilai saksamanya pada pengiktirafan awal sebagai aset kewangan menurut Seksyen 26, Instrumen Kewangan. Jika Seksyen 26.44 menghalang suatu entiti daripada mengukur kepentingan tertahan pada nilai saksama, entiti tersebut hendaklah mengukur kepentingan tertahan tersebut pada amaun bawaan pelaburan pada tarikh entiti tersebut tidak lagi menjadi entiti bersekutu atau usaha sama dan amaun bawaan tersebut hendaklah dianggap sebagai kosnya pada pengiktirafan awal sebagai aset kewangan menurut Seksyen 26, Instrumen Kewangan. Entiti tersebut hendaklah mengiktiraf dalam lebihan atau kekurangan sebarang perbezaan antara:
- (i) Nilai saksama (atau, jika berkaitan, amaun bawaan) bagi sebarang kepentingan tertahan dan terimaan daripada pelupusan sebahagian kepentingan dalam entiti bersekutu atau usaha sama; dan
- (ii) Amaun bawaan pelaburan pada tarikh kaedah ekuiti dihentikan.
- (c) Apabila entiti menghentikan penggunaan kaedah ekuiti, entiti tersebut hendaklah mengakaunkan semua amaun yang sebelumnya diiktiraf secara langsung dalam dana amanah entiti berhubung dengan pelaburan pada asas yang sama seperti yang diperlukan jika penerima pelaburan tersebut telah melupuskan secara langsung aset atau liabiliti yang berkaitan.

**34.23 Jika pelaburan dalam entiti bersekutu menjadi pelaburan dalam usaha sama atau pelaburan dalam usaha sama menjadi pelaburan dalam entiti bersekutu, entiti hendaklah berterusan menggunakan kaedah ekuiti dan tidak mengukur semula kepentingan tertahan.**

### **Perubahan dalam Kepentingan Pemilikan**

- 34.24 Jika kepentingan pemilikan entiti dalam entiti bersekutu atau usaha sama dikurangkan, tetapi pelaburan tersebut terus diklasifikasikan sama ada sebagai entiti bersekutu atau usaha sama, entiti tersebut hendaklah memindahkan secara langsung bahagian laba atau rugi yang sebelumnya diiktiraf dalam dana amanah yang berhubung dengan pengurangan dalam kepentingan pemilikan tersebut kepada lebihan atau kurangan terkumpul, jika laba atau rugi tersebut diperlukan untuk dipindahkan secara langsung kepada lebihan atau kurangan terkumpul semasa pelupusan aset atau liabiliti yang berkaitan.

### **Prosedur Kaedah Ekuiti**

- 34.25 Terdapat banyak prosedur yang sesuai untuk penggunaan kaedah ekuiti yang serupa dengan prosedur penyatuan yang dijelaskan dalam Seksyen 33, Penyata Kewangan Disatukan. Sebagai tambahan, konsep yang menjadi sandaran bagi prosedur yang digunakan dalam perakaunan untuk pemerolehan entiti yang dikawal juga diterima pakai dalam perakaunan untuk pemerolehan pelaburan dalam entiti bersekutu atau usaha sama.
- 34.26 Bahagian entiti ekonomi dalam entiti bersekutu atau usaha sama ialah agregat pegangan dalam entiti bersekutu atau usaha sama tersebut oleh entiti mengawal dan entiti yang dikawalnya. Pegangan entiti bersekutu atau usaha sama lain bagi entiti ekonomi tersebut diabaikan untuk tujuan ini. Apabila entiti bersekutu atau usaha sama mempunyai entiti yang dikawal, entiti bersekutu atau usaha sama, lebihan atau kurangan dan aset bersih/dana amanah yang diambil kira semasa menggunakan kaedah ekuiti adalah apa yang diiktiraf dalam penyata kewangan entiti bersekutu atau usaha sama tersebut (termasuk bahagian lebihan atau kurangan dan aset bersih/dana amanah entiti bersekutu atau usaha sama tersebut dalam entiti bersekutu atau usaha samanya), selepas sebarang pelarasan yang diperlukan untuk melaksanakan dasar perakaunan yang seragam (rujuk Seksyen 34.32 - 34.34).
- 34.27 Laba dan rugi yang terhasil daripada transaksi "huluan" dan "hiliran" antara entiti (termasuk entiti yang dikawal yang disatukannya) dan entiti bersekutu atau usaha samanya diiktiraf dalam penyata kewangan entiti hanya setakat kepentingan pelabur yang tidak berkaitan dalam entiti bersekutu atau usaha sama tersebut. Transaksi "huluan", sebagai contoh, ialah jualan aset daripada entiti bersekutu atau usaha sama kepada pelabur. Transaksi "hiliran", sebagai contoh, ialah jualan atau sumbangan aset daripada pelabur kepada entiti bersekutu atau usaha samanya. Bahagian pelabur dalam laba dan rugi entiti bersekutu atau usaha sama yang terhasil daripada transaksi sedemikian dihapuskan.
- 34.28 Apabila transaksi hiliran menunjukkan bukti pengurangan dalam nilai realisasi bersih aset yang akan dijual atau disumbangkan, atau kerugian penjejasan nilai aset tersebut, kerugian tersebut hendaklah diiktiraf sepenuhnya oleh pelabur. Apabila transaksi huluan menunjukkan bukti pengurangan dalam nilai realisasi bersih aset yang akan dibeli atau kerugian penjejasan nilai aset tersebut, pelabur hendaklah mengiktiraf bahagiannya dalam kerugian tersebut.

- 34.29 Sumbangan aset bukan monetari kepada entiti bersekutu atau usaha sama sebagai pertukaran untuk kepentingan ekuiti dalam entiti bersekutu atau usaha sama tersebut hendaklah diakaunkan menurut Seksyen 34.27, kecuali apabila sumbangan tersebut kurang inti pati komersial, seperti yang dijelaskan dalam Seksyen 12, Hartanah, Loji dan Peralatan. Jika sumbangan sedemikian kurang inti pati komersial, laba atau rugi dianggap sebagai tidak direalisasikan dan tidak diiktiraf, melainkan Seksyen 34.30 juga terpakai. Laba dan rugi yang tidak direalisasikan sedemikian hendaklah dihapuskan terhadap pelaburan yang diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti dan hendaklah tidak dibentangkan sebagai laba atau rugi tertunda dalam penyata kedudukan kewangan disatukan entiti atau dalam penyata kedudukan kewangan entiti yang mana pelaburannya diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti.
- 34.30 Jika, selain menerima kepentingan ekuiti dalam entiti bersekutu atau usaha sama, entiti menerima aset monetari atau bukan monetari, entiti tersebut mengiktiraf sepenuhnya dalam lebihan atau kekurangan bahagiannya daripada laba atau rugi atas sumbangan yang berkaitan dengan aset monetari atau bukan monetari yang diterima.
- 34.31 Pelaburan diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti dari tarikh pelaburan tersebut menjadi entiti bersekutu atau usaha sama. Semasa pemerolehan pelaburan, sebarang perbezaan antara kos pelaburan dan bahagian entiti daripada nilai saksama bersih aset dan liabiliti yang boleh dikenal pasti penerima pelaburan diakaunkan seperti berikut:
- (a) Apabila entiti telah memasukkan muhibah yang berkaitan dengan entiti bersekutu atau usaha sama dalam amaun bawaan pelaburan, pelunasan muhibah tersebut tidak dibenarkan.
  - (b) Sebarang lebihan bahagian entiti daripada nilai saksama bersih aset dan liabiliti yang boleh dikenal pasti penerima pelaburan ke atas kos pelaburan dimasukkan sebagai hasil dalam penentuan bahagian entiti daripada lebihan atau kekurangan entiti bersekutu atau usaha sama dalam tempoh pelaburan diperolehi.
- Pelarasan yang bersesuaian terhadap bahagian entiti daripada lebihan atau kekurangan entiti bersekutu atau usaha sama selepas pemerolehan dibuat untuk mengakaunkan, sebagai contoh, susut nilai bagi aset boleh susut nilai berdasarkan nilai saksamanya pada tarikh pemerolehan. Pelarasan yang sewajarnya terhadap bahagian entiti daripada lebihan atau kekurangan entiti bersekutu atau usaha sama selepas pemerolehan dibuat untuk kerugian penjejakan nilai seperti untuk hartanah, loji dan peralatan atau, jika berkaitan, muhibah.
- 34.32 **Penyata kewangan entiti bersekutu atau usaha sama terkini yang tersedia digunakan oleh entiti semasa mengguna pakai kaedah ekuiti. Apabila akhir tempoh pelaporan entiti berbeza daripada akhir tempoh pelaporan entiti bersekutu atau usaha bersama, entiti tersebut, sama ada:**
- (a) **Mendapatkan maklumat kewangan tambahan pada tarikh yang sama dengan penyata kewangan entiti tersebut untuk tujuan menggunakan kaedah ekuiti; atau**
  - (b) **Menggunakan penyata kewangan entiti bersekutu atau usaha sama yang terkini yang dilaraskan dengan kesan transaksi atau peristiwa signifikan yang berlaku antara tarikh penyata kewangan tersebut dan tarikh penyata kewangan entiti tersebut.**

**Sekiranya pelabur memilih untuk mengguna pakai kaedah ekuiti berdasarkan kos atau usaha tidak wajar, entiti mengakaunkan pelaburannya menggunakan model kos, selaras dengan Seksyen 32.9.**

- 34.33 **Penyata kewangan entiti hendaklah disediakan menggunakan polisi perakaunan yang seragam untuk transaksi dan peristiwa serupa dalam keadaan yang serupa.**
- 34.34 Jika entiti bersekutu atau usaha sama menggunakan polisi perakaunan yang lain daripada yang digunakan oleh entiti untuk transaksi dan peristiwa serupa dalam keadaan yang serupa, pelarasan hendaklah dibuat supaya polisi perakaunan entiti bersekutu atau usaha sama tersebut mematuhi polisi perakaunan entiti apabila penyata kewangan entiti bersekutu atau usaha sama tersebut digunakan oleh entiti semasa menggunakan kaedah ekuiti.
- 34.35 Jika bahagian entiti daripada kurangan entiti bersekutu atau usaha sama menyamai atau melebihi kepentingannya dalam entiti bersekutu atau usaha sama tersebut, entiti tersebut menghentikan daripada terus mengiktiraf bahagiannya dalam kurangan selanjutnya. Kepentingan dalam entiti bersekutu atau usaha sama ialah amaun bawaan pelaburan dalam entiti bersekutu atau usaha sama yang ditentukan menggunakan kaedah ekuiti bersama-sama dengan sebarang kepentingan jangka panjang yang, pada intinya, membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih entiti dalam entiti bersekutu atau usaha sama. Sebagai contoh, suatu item yang penyelesaiannya tidak dirancang atau tidak berkemungkinan berlaku dalam masa terdekat yang dapat dijangka, secara intinya adalah perlanjutan pelaburan entiti dalam entiti bersekutu atau usaha sama. Item sedemikian boleh termasuk saham keutamaan (tanpa dividen yang kumulatif) dan belum terima jangka panjang atau pinjaman atau pembiayaan, tetapi tidak termasuk belum terima dagangan, belum bayar dagangan atau sebarang belum terima jangka panjang yang mempunyai cagarang yang mencukupi, seperti pembiayaan bercagar. Kurangan yang diiktiraf menggunakan kaedah ekuiti yang melebihi pelaburan entiti dalam saham biasa digunakan untuk komponen lain dalam kepentingan entiti dalam entiti bersekutu atau usaha sama dalam urutan terbalik daripada kekananan mereka (iaitu keutamaan dalam kecairan).
- 34.36 Selepas kepentingan entiti dikurangkan kepada sifar, kurangan tambahan diperuntukkan, dan liabiliti diiktiraf, hanya setakat entiti tersebut telah menanggung obligasi undang-undang, konstruktif atau syariah atau telah membuat pembayaran bagi pihak entiti bersekutu atau usaha sama. Jika entiti bersekutu atau usaha sama seterusnya melaporkan lebihan, entiti tersebut mengiktiraf semula bahagiannya daripada lebihan tersebut hanya selepas bahagian lebihannya menyamai bahagian kurangan yang tidak diiktiraf.

### **Kerugian Penjejasan Nilai**

- 34.37 Selepas penggunaan kaedah ekuiti, termasuk mengiktiraf kurangan entiti bersekutu atau usaha sama menurut Seksyen 34.35, entiti mengguna pakai Seksyen 26, Instrumen Kewangan untuk menentukan sama ada perlu untuk mengiktiraf sebarang kerugian penjejasan nilai tambahan berhubung dengan pelaburan bersihnya dalam entiti bersekutu atau usaha sama.
- 34.38 Entiti juga mengguna pakai Seksyen 26, Instrumen Kewangan untuk menentukan sama ada sebarang kerugian penjejasan nilai tambahan diiktiraf berhubung dengan kepentingannya dalam entiti bersekutu atau usaha sama yang tidak membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih dan amaun kerugian penjejasan nilai tersebut.

- 34.39 Apabila penggunaan Seksyen 26, Instrumen Kewangan menunjukkan bahawa pelaburan dalam entiti bersekutu atau usaha sama mungkin terjejas, entiti hendaklah mengguna pakai Seksyen 14, Penjejasan Nilai Aset.
- 34.40 Seksyen 14, Penjejasan Nilai Aset memberi panduan kepada entiti untuk menentukan nilai sedang digunakan bagi pelaburan yang menjana tunai. Semasa menentukan nilai sedang digunakan bagi pelaburan yang menjana tunai menurut Seksyen 14, Penjejasan Nilai Aset entiti menganggarkan:
- (a) Bahagiannya daripada nilai kini anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh entiti bersekutu atau usaha sama, termasuk aliran tunai daripada operasi entiti bersekutu atau usaha sama dan terimaan daripada pelupusan akhir pelaburan; atau
  - (b) Nilai kini anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka wujud daripada dividen atau pengagihan serupa yang akan diterima daripada pelaburan, dan daripada pelupusan akhir pelaburan.

Dengan menggunakan andaian yang sesuai, kedua-dua kaedah ini memberikan hasil yang sama.

- 34.41 Seksyen 14, Penjejasan Nilai Aset memerlukan bahawa, jika amaun boleh pulih aset kurang daripada amaun bawaannya, amaun bawaan tersebut hendaklah dikurangkan kepada amaun boleh pulihnya. Amaun boleh pulih ialah nilai saksama aset yang lebih tinggi, tolak kos untuk menjual dan nilai sedang digunakan. Nilai sedang digunakan aset tidak menjana tunai ditakrifkan sebagai nilai kini bagi baki potensi perkhidmatan aset. Nilai kini bagi baki potensi perkhidmatan boleh ditaksir menggunakan pendekatan kos penggantian disusut nilai, pendekatan kos baik pulih atau pendekatan unit perkhidmatan, mengikut kesesuaian.
- 34.42 **Amaun boleh pulih daripada pelaburan dalam entiti bersekutu atau usaha sama hendaklah ditaksir bagi setiap entiti bersekutu atau usaha sama, melainkan entiti bersekutu atau usaha sama itu tidak menjana aliran masuk tunai daripada penggunaan berterusan yang sebahagian besarnya tidak bergantung kepada aset lain entiti.**

### **Penyata Kewangan Berasingan**

---

- 34.43 **Pelaburan dalam entiti bersekutu atau usaha sama hendaklah diakaunkan dalam penyata kewangan berasingan entiti menurut Seksyen 32.9.**

### **Peruntukan Peralihan**

---

- 34.44 Peruntukan peralihan untuk perubahan daripada penyatuan berkadar kepada kaedah ekuiti atau daripada kaedah ekuiti kepada perakaunan bagi aset dan liabiliti berkaitan dengan operasi bersama dinyatakan dalam Seksyen 31.29 - 31.39, Pengaturan Bersama.

## Seksyen 35

### *Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain*

#### Skop Seksyen

---

- 35.1 Seksyen ini menghendaki entiti supaya mendedahkan maklumat yang membolehkan pengguna penyata kewangan untuk menilai:
- (a) Sifat dan risiko yang berkaitan dengan kepentingannya dalam entiti yang dikawal, entiti yang dikawal tidak disatukan, pengaturan bersama dan entiti bersekutu, dan entiti berstruktur yang tidak disatukan; dan
  - (b) Kesan kepentingan tersebut ke atas kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai.
- 35.2 Suatu entiti yang menyedia dan membentang penyata kewangan hendaklah mengguna pakai Seksyen ini semasa mendedahkan maklumat mengenai kepentingannya dalam entiti yang dikawal, entiti yang dikawal tidak disatukan, pengaturan bersama dan entiti bersekutu, dan entiti berstruktur yang tidak disatukan.
- 35.3 Seksyen ini hendaklah diguna pakai oleh entiti yang mempunyai kepentingan dalam mana-mana yang berikut:
- (a) Entiti yang dikawal;
  - (b) Pengaturan bersama (iaitu, operasi bersama atau usaha sama);
  - (c) Entiti bersekutu; atau
  - (d) Entiti berstruktur yang tidak disatukan.
- 35.4 Seksyen ini tidak terpakai untuk:
- (a) Pelan manfaat pasca-pekerjaan atau pelan manfaat pekerja jangka panjang lain yang mengguna pakai Seksyen 20, Manfaat Pekerja.
  - (b) Penyata kewangan berasingan entiti yang mengguna pakai Seksyen 32, Penyata Kewangan Berasingan. Bagaimanapun:
    - (i) Jika entiti mempunyai kepentingan dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan dan menyediakan penyata kewangan berasingan sebagai satu-satunya penyata kewangannya, entiti tersebut hendaklah mengguna pakai keperluan dalam Seksyen 35.27 - 35.34 apabila menyediakan penyata kewangan berasingan tersebut.

- (c) Kepentingan yang dipegang oleh entiti yang mengambil bahagian dalam pengaturan bersama, tetapi tidak mempunyai kawalan bersama, melainkan kepentingan tersebut menyebabkan pengaruh signifikan ke atas pengaturan atau merupakan kepentingan dalam entiti berstruktur.
- (d) Kepentingan dalam entiti lain yang diakaunkan menurut Seksyen 26, Instrumen Kewangan. Bagaimanapun, entiti hendaklah mengguna pakai Seksyen ini:
  - (i) Apabila kepentingan tersebut ialah kepentingan dalam entiti bersekutu atau usaha sama menurut Seksyen 34, Pelaburan dalam Entiti bersekutu dan Usaha Sama, diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kekurangan; atau
  - (ii) Apabila kepentingan tersebut ialah kepentingan dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan.

## Takrif

---

35.5 Istilah berikut digunakan dalam Seksyen ini dengan maksud yang dinyatakan:

- (a) Entiti berstruktur ialah:
  - (i) Dalam kes entiti yang pengaturan atau perundangan pentadbiran biasanya merupakan faktor dominan untuk menentukan pihak yang mempunyai kawalan ke atas suatu entiti, suatu entiti yang telah direka bentuk supaya pengaturan atau perundangan pentadbiran bukan merupakan faktor dominan untuk menentukan pihak yang mengawal entiti tersebut, contohnya, apabila pengaturan mengikat adalah signifikan dalam menentukan kawalan ke atas entiti dan aktiviti yang berkaitan diarahkan melalui pengaturan mengikat; atau
  - (ii) Dalam kes entiti yang hak mengundi atau hak serupa biasanya merupakan faktor dominan untuk menentukan pihak yang mempunyai kawalan ke atas suatu entiti, suatu entiti yang telah direka bentuk supaya hak mengundi atau hak serupa bukan merupakan faktor dominan untuk menentukan pihak yang mengawal entiti, contohnya, apabila sebarang hak mengundi yang berkaitan dengan tugas pentadbiran sahaja dan aktiviti berkaitan diarahkan melalui pengaturan mengikat.
- (b) Hasil daripada entiti berstruktur, untuk tujuan Seksyen ini, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, yuran berulang dan tidak berulang, faedah, dividen atau pengagihan serupa, laba atau rugi pada pengukuran semula atau penyahiktirafan kepentingan dalam entiti berstruktur dan laba atau rugi daripada pemindahan aset dan liabiliti kepada entiti berstruktur.



- (c) **Kepentingan dalam entiti lain** untuk tujuan Seksyen ini, merujuk kepada penglibatan dengan cara pengaturan mengikat atau yang mendedahkan entiti kepada keberubahan manfaat daripada prestasi entiti lain. Kepentingan dalam entiti lain dapat dibuktikan dengan, tetapi tidak terhad kepada, pegangan instrumen ekuiti atau pembiayaan/pinjaman serta bentuk penglibatan lain seperti penyediaan dana, sokongan kecairan, peningkatan kredit dan jaminan. Ini termasuk cara bagaimana entiti mempunyai kawalan atau kawalan bersama, atau pengaruh signifikan ke atas, entiti lain. Entiti tidak semestinya mempunyai kepentingan dalam entiti lain semata-mata kerana terdapatnya hubungan biasa pembiaya/penerima atau pelanggan/pembekal.
- (d) **Pengaturan mengikat** ialah pengaturan yang memberikan hak dan obligasi yang boleh dikuatkuasakan kepada pihak-pihak yang berkaitan seolah-olah pengaturan tersebut adalah dalam bentuk kontrak, termasuk hak daripada kontrak atau hak undang-undang lain.

Istilah yang ditakrifkan dalam Seksyen lain digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang sama seperti dalam Piawaian berkenaan, dan diterbitkan semula dalam Glosari Istilah yang Ditakrifkan yang diterbitkan secara berasingan. Istilah berikut ditakrifkan sama ada dalam Seksyen 31, Pengaturan Bersama: entiti bersekutu, penyata kewangan disatukan, kawalan, entiti yang dikawal, entiti mengawal, entiti ekonomi, kaedah ekuiti, pengaturan bersama, kawalan bersama, operasi bersama, usaha sama, kepentingan bukan mengawal, aktiviti berkaitan, penyata kewangan berasingan, pembawa berasingan dan pengaruh signifikan, Seksyen 32, Penyata Kewangan Berasingan, Seksyen 33, Penyata Kewangan Disatukan atau Seksyen 34, Pelaburan dalam Entiti bersekutu dan Usaha Sama.

### **Pengaturan Mengikat**

- 35.6 Pengaturan mengikat boleh dibuktikan melalui beberapa cara. Pengaturan mengikat selalunya, tetapi tidak semestinya, secara bertulis, dalam bentuk kontrak atau perbincangan yang didokumenkan antara pihak-pihak tersebut. Mekanisme berkanun seperti badan perundangan atau badan eksekutif juga boleh mewujudkan pengaturan yang dapat dikuatkuasakan, serupa dengan pengaturan kontrak, sama ada dengan sendirinya, atau bersama dengan kontrak antara pihak-pihak tersebut.

### **Mendedahkan Maklumat Mengenai Kepentingan dalam Entiti Lain**

---

- 35.7 Untuk memenuhi keperluan dalam Seksyen 35.1, entiti hendaklah mendedahkan:
- (a) **Pertimbangan dan andaian signifikan yang telah dibuat oleh entiti untuk menentukan:**
- (i) **Sifat kepentingan entiti dalam entiti lain atau pengaturan;**
- (ii) **Jenis pengaturan bersama yang entiti tersebut mempunyai kepentingan (Seksyen 35.10 - 35.12); dan**

**(b) Maklumat berkaitan kepentingan entiti dalam:**

- (i) Entiti yang dikawal (Seksyen 35.13 - 35.22);**
- (ii) Pengaturan bersama dan entiti bersekutu (Seksyen 35.23 - 35.26);**
- (iii) Entiti berstruktur yang tidak disatukan (Seksyen 35.27 - 35.34);**
- (iv) Kepentingan pemilikan yang tidak dapat diukur (Seksyen 35.35 - 35.36); dan**
- (v) Kepentingan kawalan yang diperoleh dengan hasrat pelupusan (Seksyen 35.37 - 35.43).**

35.8 Jika pendedahan yang diperlukan oleh Seksyen ini, bersama dengan pendedahan yang diperlukan oleh Seksyen lain, tidak memenuhi keperluan dalam Seksyen 35.1, entiti hendaklah mendedahkan sebarang maklumat tambahan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan Seksyen 35.1.

35.9 Entiti hendaklah mempertimbangkan tahap perincian yang diperlukan untuk memenuhi keperluan pendedahan dalam Seksyen 35.1 dan sejauh mana penekanan yang perlu diberikan pada setiap keperluan dalam Seksyen ini. Entiti hendaklah mengagregat atau tidak mengagregat pendedahan supaya maklumat yang berguna tidak terselindung, sama ada yang terangkum dalam sejumlah besar perincian yang tidak signifikan atau pengagregatan item yang mempunyai ciri-ciri yang berbeza.

**Pertimbangan dan Andaian Signifikan**

---

35.10 Entiti hendaklah mendedahkan metodologi yang digunakan untuk menentukan:

- (a) Entiti tersebut mempunyai kawalan ke atas entiti lain seperti yang diterangkan dalam Seksyen 33.13 dan Seksyen 33.15;**
- (b) Entiti tersebut mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan atau pengaruh signifikan ke atas entiti lain; dan**
- (c) Jenis pengaturan bersama (iaitu, operasi bersama atau usaha sama) apabila pengaturan telah distrukturkan melalui pembawa berasingan.**

35.11 Pendedahan yang diperlukan oleh Seksyen 35.10 hendaklah sama ada didedahkan dalam penyata kewangan atau dirujuk silang daripada penyata kewangan kepada beberapa penyata lain yang tersedia untuk pengguna penyata kewangan dengan terma yang sama dengan penyata kewangan dan pada masa yang sama. Tanpa maklumat yang disertakan dengan rujuk silang, penyata kewangan adalah tidak lengkap. Penggunaan rujukan silang sedemikian mungkin tertakluk kepada sekatan bidang kuasa.

- 35.12 Untuk mematuhi Seksyen 35.10, entiti hendaklah mendedahkan, sebagai contoh, faktor yang dipertimbangkan untuk menentukan bahawa:
- (a) Entiti tersebut mengawal entiti tertentu (atau kategori entiti yang serupa) yang kepentingannya dalam entiti lain tidak dibuktikan oleh pegangan instrumen ekuiti atau pembiayaan/pinjaman;
  - (b) Entiti tersebut tidak mengawal entiti lain (atau kategori entiti) walaupun entiti tersebut memegang lebih daripada separuh hak mengundi dalam entiti lain (atau entiti-entiti);
  - (c) Entiti tersebut mengawal entiti lain (atau kategori entiti) walaupun entiti tersebut memegang kurang daripada separuh hak mengundi dalam entiti lain (atau entiti-entiti);
  - (d) Entiti tersebut merupakan agen atau prinsipal;
  - (e) Entiti tersebut tidak mempunyai pengaruh signifikan walaupun memegang 20 peratus atau lebih hak mengundi dalam entiti lain; dan
  - (f) Entiti tersebut mempunyai pengaruh signifikan walaupun memegang kurang daripada 20 peratus hak mengundi dalam entiti lain.

#### **Kepentingan dalam Entiti yang Dikawal**

---

- 35.13 Entiti hendaklah mendedahkan maklumat yang membolehkan pengguna penyata kewangan disatukan:
- (a) Untuk memahami:
    - (i) Komposisi entiti ekonomi; dan
    - (ii) Kepentingan yang dimiliki oleh kepentingan bukan kawalan dalam aktiviti dan aliran tunai entiti ekonomi (Seksyen 35.15); dan
  - (b) Untuk menilai:
    - (i) Sifat dan tahap sekatan yang signifikan terhadap kemampuannya untuk mengakses atau menggunakan aset dan menyelesaikan liabiliti entiti ekonomi tersebut (Seksyen 35.16);
    - (ii) Sifat dan perubahan dalam risiko yang berkaitan dengan kepentingannya dalam entiti berstruktur disatukan (Seksyen 35.17 - 35.20);
    - (iii) Akibat daripada perubahan dalam kepentingan pemilikannya dalam entiti yang dikawal yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan (Seksyen 35.21); dan
    - (iv) Akibat kehilangan kawalan ke atas entiti yang dikawal dalam tempoh pelaporan (Seksyen 35.22).

35.14 Apabila penyata kewangan entiti yang dikawal yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan disatukan adalah pada tarikh atau untuk tempoh yang berbeza daripada penyata kewangan disatukan (rujuk Seksyen 33.40), entiti hendaklah mendedahkan:

- (a) Tarikh akhir tempoh pelaporan penyata kewangan bagi entiti yang dikawal tersebut; dan
- (b) Sebab menggunakan tarikh atau tempoh yang berbeza.

#### **Kepentingan yang Dimiliki oleh Kepentingan Bukan Kawalan dalam Aktiviti dan Aliran Tunai Entiti Ekonomi**

35.15 Entiti hendaklah mendedahkan bagi setiap entiti yang dikawalnya yang mempunyai kepentingan bukan kawalan yang material bagi entiti pelapor:

- (a) Nama entiti yang dikawal;
- (b) Mastautin dan bentuk sah entiti yang dikawal serta bidang kuasa yang entiti tersebut beroperasi;
- (c) Perkadaran kepentingan pemilikan yang dipegang oleh kepentingan bukan kawalan;
- (d) Perkadaran hak mengundi yang dipegang oleh kepentingan bukan kawalan, jika berbeza daripada perkadaran kepentingan pemilikan yang dipegang;
- (e) Lebihan atau kekurangan yang diagihkan kepada kepentingan bukan kawalan bagi entiti yang dikawal dalam tempoh pelaporan;
- (f) Kepentingan bukan kawalan terkumpul bagi entiti yang dikawal pada akhir tempoh pelaporan; dan
- (g) Ringkasan maklumat kewangan mengenai entiti yang dikawal.

#### **Sifat dan Tahap Sekatan yang Signifikan**

35.16 Entiti hendaklah mendedahkan:

- (a) Sekatan yang signifikan dalam pengaturan mengikat (contohnya, sekatan terhadap berkanun, kontrak dan kawal selia) terhadap kemampuannya untuk mengakses atau menggunakan aset dan menyelesaikan liabiliti entiti ekonomi, seperti:
  - (i) Apa-apa yang menyekat kemampuan entiti mengawal atau entiti yang dikawalnya untuk memindahkan tunai atau aset lain kepada (atau daripada) entiti lain dalam entiti ekonomi.

- (ii) Jaminan atau keperluan lain yang boleh mengehendkan dividen dan lain-lain pengagihan modal yang dibayar, atau pinjaman/pembiayaan dan pendahuluan yang dibuat atau dibayar balik, kepada (atau daripada) entiti lain dalam entiti ekonomi.
- (b) Sifat dan tahap hak perlindungan kepentingan bukan kawalan boleh secara signifikan menyekat kemampuan entiti untuk mengakses atau menggunakan aset dan menyelesaikan liabiliti entiti ekonomi (contohnya, apabila entiti mengawal bertanggungjawab menyelesaikan liabiliti entiti yang dikawal sebelum menyelesaikan liabilitinya sendiri, atau kepentingan bukan kawalan perlu memberi kelulusan sama ada untuk mengakses aset atau menyelesaikan liabiliti entiti yang dikawal).
- (c) Amaun bawaan dalam penyata kewangan disatukan bagi aset dan liabiliti yang sekatan tersebut digunakan.

### **Sifat Risiko yang Berkaitan dengan Kepentingan Entiti dalam Entiti Berstruktur Disatukan**

- 35.17 Entiti hendaklah mendedahkan terma bagi sebarang pengaturan mengikat yang mungkin memerlukan entiti mengawal atau entiti yang dikawalnya untuk memberikan sokongan kewangan kepada entiti berstruktur disatukan, termasuk peristiwa atau keadaan yang boleh mendedahkan entiti pelapor kepada kerugian (contohnya, pengaturan kecairan atau pencetus penarafan kredit yang berkaitan dengan obligasi untuk membeli aset entiti berstruktur atau memberikan sokongan kewangan).
- 35.18 Sekiranya dalam tempoh pelaporan, entiti mengawal atau mana-mana daripada entiti yang dikawalnya ada memberikan sokongan kewangan atau yang lain kepada entiti berstruktur disatukan, tetapi tiada obligasi di bawah pengaturan mengikat untuk melakukannya, (contohnya, membeli aset, atau instrumen yang dikeluarkan oleh, entiti berstruktur), entiti tersebut hendaklah mendedahkan:
- (a) Jenis dan amaun sokongan yang diberikan, termasuk situasi yang entiti mengawal atau entiti yang dikawalnya membantu entiti berstruktur untuk mendapatkan sokongan kewangan; dan
  - (b) Sebab-sebab memberikan sokongan.
- 35.19 Sekiranya dalam tempoh pelaporan, entiti mengawal atau mana-mana daripada entiti yang dikawalnya ada memberikan sokongan kewangan atau yang lain kepada entiti berstruktur yang sebelumnya tidak disatukan, tetapi tiada obligasi di bawah pengaturan mengikat untuk melakukannya, dan peruntukan sokongan tersebut menyebabkan entiti tersebut mengawal entiti berstruktur itu, entiti tersebut hendaklah mendedahkan penjelasan mengenai faktor berkenaan untuk mencapai keputusan itu.
- 35.20 Entiti hendaklah mendedahkan sebarang hasrat semasa untuk memberikan sokongan kewangan atau yang lain kepada entiti berstruktur disatukan, termasuk hasrat untuk membantu entiti berstruktur tersebut untuk mendapatkan sokongan kewangan.

### **Kesan daripada Perubahan Kepentingan Pemilikan Entiti Mengawal dalam Entiti yang Dikawal yang Tidak Menyebabkan Kehilangan Kawalan**

35.21 Entiti hendaklah membentangkan jadual yang menunjukkan kesan pada dana amanah yang berkaitan dengan pemilik entiti mengawal yang disebabkan oleh sebarang perubahan dalam kepentingan pemilikannya dalam entiti yang dikawal yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan.

### **Kesan Kehilangan Kawalan ke atas Entiti yang Dikawal dalam Tempoh Pelaporan**

35.22 Suatu entiti hendaklah mendedahkan laba atau rugi, jika ada, yang dikira menurut Seksyen 33.45 dan:

- (a) Bahagian daripada laba atau rugi tersebut berkaitan pengukuran sebarang pelaburan tertahan dalam entiti yang dikawal terdahulu pada nilai saksamanya pada tarikh kawalan hilang; dan
- (b) Baris item dalam lebihan atau kurangan yang laba atau rugi diiktiraf (jika tidak dibentangkan secara berasingan).

### **Kepentingan dalam Pengaturan Bersama dan Entiti bersekutu**

---

35.23 Suatu entiti hendaklah mendedahkan maklumat yang membolehkan pengguna penyata kewangannya untuk menilai:

- (a) Sifat, tahap dan kesan kewangan atas kepentingannya dalam pengaturan bersama dan entiti bersekutu, termasuk sifat dan kesan hubungannya dengan pelabur lain yang mempunyai kawalan bersama, atau pengaruh signifikan, ke atas pengaturan bersama dan entiti bersekutu (Seksyen 35.24 - 35.25); dan
- (b) Sifat dan perubahan dalam risiko yang berkaitan dengan kepentingannya dalam usaha sama dan entiti bersekutu (Seksyen 35.26).

### **Sifat, Tahap dan Kesan Kewangan Kepentingan Entiti dalam Pengaturan Bersama dan Entiti Bersekutu**

35.24 Entiti hendaklah mendedahkan:

- (a) Untuk setiap pengaturan bersama dan entiti bersekutu yang material bagi entiti pelapor:
  - (i) Nama pengaturan bersama atau entiti bersekutu;
  - (ii) Sifat hubungan entiti dengan pengaturan bersama atau entiti bersekutu (contohnya, dengan menerangkan sifat aktiviti pengaturan bersama atau entiti bersekutu dan sama ada sifat tersebut adalah strategik kepada aktiviti entiti);
  - (iii) Mastautin dan bentuk sah pengaturan bersama atau entiti bersekutu dan bidang kuasa yang entiti tersebut beroperasi; dan

- (iv) **Perkadaran kepentingan pemilikan atau saham sertaan yang dipegang oleh entiti dan, jika berbeza, perkadaran hak mengundi yang dipegang (jika berkenaan).**
- (b) **Untuk setiap usaha sama dan entiti bersekutu yang material bagi entiti pelapor:**
  - (i) **Sama ada pelaburan dalam usaha sama atau entiti bersekutu diukur menggunakan kaedah ekuiti atau pada nilai saksama;**
  - (ii) **Ringkasan maklumat kewangan mengenai usaha sama atau entiti bersekutu seperti yang dinyatakan dalam; dan**
  - (iii) **Jika usaha sama atau entiti bersekutu diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti, nilai saksama pelaburannya dalam usaha sama atau entiti bersekutu, jika terdapat harga pasaran disebut untuk pelaburan tersebut.**
- (c) **Maklumat kewangan seperti yang dinyatakan dalam mengenai pelaburan entiti dalam usaha sama dan entiti bersekutu yang secara individunya tidak material:**
  - (i) **Secara agregat untuk semua usaha sama yang secara individunya tidak material; dan**
  - (ii) **Secara agregat untuk semua entiti bersekutu yang secara individunya tidak material. Maklumat teragregat ini perlu didedahkan secara berasingan daripada maklumat teragregat mengenai usaha sama.**

**35.25 Entiti hendaklah juga mendedahkan:**

- (a) **Sifat dan tahap sebarang sekatan signifikan (contohnya, yang terhasil daripada pengaturann pinjaman/pembiayaan, keperluan kawal selia atau pengaturann mengikat antara pelabur yang mempunyai kawalan bersama, atau pengaruh signifikan, ke atas usaha sama atau entiti bersekutu) terhadap kemampuan usaha sama atau entiti bersekutu untuk memindahkan dana kepada entiti dalam bentuk dividen tunai atau pengagihan serupa, atau untuk membayar balik pinjaman/pembiayaan atau pendahuluan yang dibuat oleh entiti.**
- (b) **Apabila penyata kewangan usaha sama atau entiti bersekutu yang digunakan dalam mengguna pakai kaedah ekuiti adalah pada tarikh atau untuk tempoh yang berbeza daripada entiti:**
  - (i) **Tarikh akhir tempoh pelaporan penyata kewangan usaha sama atau entiti bersekutu tersebut; dan**
  - (ii) **Sebab menggunakan tarikh atau tempoh yang berbeza.**
- (c) **Bahagian rugi yang tidak diiktiraf dalam usaha sama atau entiti bersekutu, untuk kedua-duanya tempoh pelaporan dan secara terkumpul, jika entiti tidak lagi mengiktiraf bahagian ruginya dalam usaha sama atau entiti bersekutu tersebut apabila menggunakan kaedah ekuiti.**

## **Risiko yang Berkaitan dengan Kepentingan Entiti dalam Usaha Sama dan Entiti Bersekutu**

35.26 Entiti hendaklah mendedahkan:

- (a) Komitmen dimilikinya yang berkaitan dengan usaha samanya secara berasingan daripada amaun komitmen lain seperti yang dinyatakan dalam; dan
- (b) Menurut Seksyen 25, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka, melainkan kebarangkalian kerugian adalah tipis, liabiliti luar jangka ditanggung yang berkaitan dengan kepentingannya dalam usaha sama atau entiti bersekutu (termasuk bahagian liabiliti luar jangkanya yang ditanggung bersama dengan pelabur lain yang mempunyai kawalan bersama, atau pengaruh signifikan, ke atas usaha sama atau entiti bersekutu), secara berasingan daripada amaun liabiliti luar jangka lain.

## **Kepentingan dalam Entiti Berstruktur yang Tidak Disatukan**

---

35.27 Entiti hendaklah mendedahkan maklumat yang membolehkan pengguna penyata kewangannya:

- (a) Untuk memahami sifat dan tahap kepentingannya dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan (Seksyen 35.29 - 35.31); dan
- (b) Untuk menilai sifat dan perubahan risiko yang berkaitan dengan kepentingannya dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan (Seksyen 35.35 - 35.38).

35.28 Maklumat yang diperlukan oleh Seksyen 35.26 termasuk maklumat mengenai pendedahan entiti kepada risiko daripada penglibatannya dengan entiti berstruktur yang tidak disatukan dalam tempoh sebelumnya (contohnya, menaja entiti berstruktur), walaupun jika entiti tidak lagi mempunyai sebarang penglibatan melalui cara pengaturann mengikat dengan entiti berstruktur tersebut pada tarikh pelaporan.

## **Sifat Kepentingan**

35.29 Entiti hendaklah mendedahkan maklumat kualitatif dan kuantitatif mengenai kepentingannya dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sifat, tujuan, saiz dan aktiviti entiti berstruktur tersebut dan bagaimana entiti berstruktur tersebut dibiayai.

35.30 Jika entiti telah menaja entiti berstruktur yang tidak disatukan yang entiti tersebut tidak menyediakan maklumat yang diperlukan oleh Seksyen 35.32 (contohnya, kerana entiti tidak memiliki kepentingan dalam entiti berstruktur tersebut pada tarikh pelaporan), entiti tersebut hendaklah mendedahkan:

- (a) Bagaimana entiti tersebut menentukan entiti berstruktur yang ditaja olehnya;
- (b) Hasil daripada entiti berstruktur tersebut dalam tempoh pelaporan, termasuk penerangan mengenai jenis hasil yang dibentangkan; dan



(c) Amaun bawaan (pada masa pindahan) untuk semua aset yang dipindahkan kepada entiti berstruktur tersebut dalam tempoh pelaporan.

35.31 Entiti hendaklah membentangkan maklumat dalam Seksyen 35.30 (b) dan (c) dalam format jadual, melainkan format yang lain adalah lebih sesuai, dan mengklasifikasikan aktiviti penajaannya ke dalam kategori yang berkaitan.

### Sifat Risiko

35.32 Entiti hendaklah mendedahkan dalam format jadual, melainkan format yang lain adalah lebih sesuai, ringkasan bagi:

(a) Amaun bawaan aset dan liabiliti yang diiktiraf dalam penyata kewangannya yang berkaitan dengan kepentingannya dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan;

(b) Baris item dalam penyata kedudukan kewangan yang aset dan liabiliti tersebut diiktiraf;

(c) Amaun yang paling menggambarkan pendedahan maksimum entiti terhadap kerugian daripada kepentingannya dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan, termasuk bagaimana pendedahan maksimum terhadap kerugian tersebut ditentukan. Jika entiti tidak dapat mengukur pendedahan maksimumnya terhadap kerugian daripada kepentingannya dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan, entiti tersebut hendaklah mendedahkan fakta tersebut dan sebabnya; dan

(d) Perbandingan amaun bawaan aset dan liabiliti entiti yang berkaitan dengan kepentingannya dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan dan pendedahan maksimum entiti tersebut terhadap kerugian daripada entiti berstruktur tersebut.

35.33 Sekiranya dalam tempoh pelaporan, entiti ada memberikan sokongan kewangan atau yang lain kepada entiti berstruktur yang tidak disatukan yang entiti tersebut sebelumnya atau pada masa ini mempunyai kepentingan (sebagai contoh, membeli aset, atau instrumen yang dikeluarkan oleh entiti berstruktur), tetapi tiada mempunyai obligasi di bawah pengaturan mengikat untuk melakukannya, entiti tersebut hendaklah mendedahkan:

(a) Jenis dan amaun sokongan yang diberikan, termasuk situasi apabila entiti membantu entiti berstruktur untuk mendapatkan sokongan kewangan; dan

(b) Sebab-sebab memberikan sokongan.

35.34 Entiti hendaklah mendedahkan sebarang hasrat semasa untuk memberikan sokongan kewangan atau yang lain kepada entiti berstruktur yang tidak disatukan, termasuk hasrat untuk membantu entiti berstruktur tersebut untuk mendapatkan sokongan kewangan. Hasrat semasa sedemikian termasuk hasrat untuk memberikan sokongan yang disebabkan obligasi di bawah pengaturan mengikat dan hasrat untuk memberikan sokongan apabila entiti tidak mempunyai obligasi di bawah pengaturan mengikat.

### **Kepentingan Pemilikan yang Tidak dapat Diukur**

---

- 35.35 Entiti hendaklah mendedahkan maklumat yang membolehkan pengguna penyata kewangannya untuk memahami sifat dan tahap sebarang kepentingan pemilikan yang tidak dapat diukur dalam entiti lain.
- 35.36 Setakat mana maklumat ini belum disediakan menurut Seksyen ini, entiti hendaklah mendedahkan, berkaitan dengan setiap kepentingan pemilikan yang tidak dapat diukur, yang material bagi entiti pelapor:
- (a) Nama entiti yang entiti pelapor mempunyai kepentingan pemilikan; dan
  - (b) Sifat pemilikan kepentingannya dalam entiti pelapor.

### **Kepentingan Kawalan yang Diperoleh dengan Hasrat untuk Pelupusan**

---

- 35.37 Suatu entiti hendaklah mendedahkan maklumat mengenai kepentingannya dalam entiti yang dikawal apabila titik kawalan wujud, entiti tersebut mempunyai hasrat untuk melupuskan kepentingan tersebut dan, pada tarikh pelaporan, entiti tersebut masih mempunyai hasrat untuk melupuskan kepentingan tersebut.
- 35.38 Terdapat beberapa situasi apabila entiti boleh memperoleh kawalan ke atas entiti lain, tetapi entiti tersebut masih mempunyai hasrat untuk melupuskan semua atau sebahagian daripada kepentingan kawalannya dalam masa terdekat.
- 35.39 Disebabkan tanggungjawab entiti yang luas bagi kesejahteraan ekonomi suatu bidang kuasa, entiti boleh campur tangan untuk mencegah akibat daripada kegagalan suatu entiti, misalnya institusi kebajikan. Campur tangan sedemikian boleh menyebabkan entiti memperoleh kawalan ke atas entiti lain, walaupun entiti tidak mempunyai niat untuk mengekalkan kawalan ke atas entiti tersebut. Sebaliknya, niatnya mungkin menjual, atau melupuskan, kepentingannya dalam entiti yang dikawal tersebut. Jika entiti lain perlu distruktur semula untuk memudahkan pelupusan, penstrukturan semula boleh berlaku dalam tempoh satu tahun atau lebih dan entiti boleh mengekalkan sesetengah daripada baki aset atau liabiliti pada akhir proses. Penyatuan entiti yang dikawal sedemikian untuk tempoh pelaporan yang mana terdapat kawalan, boleh memberi kesan signifikan ke atas penyata kewangan disatukan. Pemerolehan kawalan yang terhasil daripada campur tangan untuk mencegah kegagalan kemungkinan besar akan berlaku dalam konteks entiti, tetapi boleh juga berlaku dalam kes entiti sektor awam individu.
- 35.40 Entiti mungkin juga memperoleh kepentingan kawalan dalam entiti lain, dengan hasrat untuk melupuskan semua atau sebahagian daripada kepentingan tersebut, semasa melaksanakan objektif dasar kerajaan. Sebagai contoh, Kerajaan Persekutuan boleh mengarahkan entiti untuk memperoleh kepentingan tertentu dalam entiti lain untuk tujuan pengurusan yang lebih cekap.

- 35.41 Entiti hendaklah mendedahkan maklumat berikut dalam nota berkaitan dengan setiap entiti yang dikawal yang dirujuk dalam Seksyen 35.37:
- (a) Nama entiti yang dikawal dan penerangan mengenai aktiviti utamanya;
  - (b) Rasional bagi pemerolehan kepentingan kawalan tersebut dan faktor yang dipertimbangkan untuk menentukan bahawa kawalan tersebut wujud;
  - (c) Impak pada penyata kewangan disatukan selepas menyatukan entiti yang dikawal termasuk kesan ke atas aset, liabiliti, hasil, belanja dan aset bersih/ekuiti/dana amanah; dan
  - (d) Status semasa bagi pendekatan untuk pelupusan, termasuk kaedah dan masa pelupusan yang dijangka.
- 35.42 Pendedahan yang diperlukan oleh Seksyen 35.41 hendaklah disediakan pada setiap tarikh pelaporan sehingga entiti melupuskan kepentingan kawalan atau tidak lagi mempunyai hasrat untuk melupuskan kepentingan tersebut. Dalam tempoh entiti melupuskan kepentingan kawalan atau tidak lagi mempunyai hasrat untuk melupuskan kepentingan kawalan, entiti tersebut hendaklah mendedahkan:
- (a) Fakta bahawa terdapat pelupusan atau perubahan hasrat; dan
  - (b) Kesan pelupusan atau perubahan hasrat ke atas penyata kewangan disatukan.
- 35.43 Apabila pendedahan lain yang diperlukan oleh Seksyen ini atau Seksyen lain akan menyediakan maklumat yang berkaitan dengan Seksyen 35.41 atau Seksyen 35.42, rujukan silang untuk pendedahan lain tersebut hendaklah disediakan.

**GLOSARI**

<b>TERMA</b>	<b>DEFINISI</b>	<b>LOKASI</b>
<b>Ahli Keluarga Terdekat Individu</b>	Saudara-mara terdekat individu tersebut atau ahli dalam keluarga terdekat individu yang dijangka boleh mempengaruhi, atau dipengaruhi oleh, individu tersebut dalam urusan mereka dengan entiti.	29.3 (a)
<b>Aktiviti Relevan (untuk tujuan Seksyen ini)</b>	Aktiviti entiti yang dikawal yang berpotensi memberikan kesan signifikan terhadap sifat atau jumlah manfaat yang diterima oleh entiti daripada penglibatannya dengan entiti lain.	33.9 (a)
<b>Aplikasi Prospektif</b>	Aplikasi prospektif, bagi perubahan dalam dasar perakaunan dan pengenalpastian kesan perubahan dalam anggaran perakaunan, masing-masing adalah:  (i) mengguna pakai dasar perakaunan baharu dalam transaksi, peristiwa lain dan keadaan yang berlaku selepas tarikh dasar tersebut diubah; dan  (ii) mengenal pasti kesan perubahan dalam anggaran perakaunan bagi tempoh semasa dan masa hadapan yang terjejas akibat perubahan tersebut.	27.4 (a)
<b>Aplikasi Retrospektif</b>	Aplikasi retrospektif adalah mengguna pakai dasar perakaunan baharu dalam transaksi, peristiwa lain dan keadaan seolah-olah dasar itu telah lama terpakai.	27.4 (b)
<b>Asas Bajet</b>	Asas perakaunan akruan, tunai atau asas perakaunan lain yang diterima pakai dalam bajet yang telah diluluskan oleh badan perundangan.	30.5 (a)
<b>Asas Boleh Banding</b>	Amaun sebenar yang dibentangkan pada asas perakaunan yang sama, asas klasifikasi yang sama, untuk entiti yang sama, dan untuk tempoh yang sama dengan bajet yang diluluskan.	30.5 (b)
<b>Asas Perakaunan</b>	Asas perakaunan akruan atau tunai.	30.5 (c)

TERMA	DEFINISI	LOKASI
<b>Bajet Akhir</b>	Bajet asal yang diselaraskan untuk semua rizab, amaun bawa ke hadapan, pindahan, peruntukan, peruntukan tambahan dan perubahan lain dalam perundangan yang dibenarkan atau pihak berkuasa serupa yang terpakai bagi tempoh bajet tersebut.	30.5 (d)
<b>Bajet Asal</b>	Bajet awal yang diluluskan untuk tempoh bajet.	30.5 (e)
<b>Bajet Berbilang Tahun</b>	Bajet yang diluluskan bagi tempoh lebih daripada satu tahun. Ia tidak termasuk anggaran hadapan atau unjuran yang diterbitkan untuk beberapa tempoh melebihi tempoh bajet.	30.5 (f)
<b>Bajet Tahunan</b>	Bajet yang telah diluluskan untuk satu tahun. Ia tidak termasuk anggaran hadapan atau unjuran yang diterbitkan untuk beberapa tempoh melebihi tempoh bajet.	30.5 (g)
<b>Bajet yang Diluluskan</b>	Kuasa berbelanja yang diperoleh daripada undang-undang, rang undang-undang, ordinan kerajaan, dan keputusan lain yang berkaitan dengan hasil atau terimaan yang dijangka bagi tempoh bajet.	30.5 (h)
<b>Dasar Perakaunan</b>	Prinsip, asas, konvensyen, peraturan dan amalan khusus yang diguna pakai oleh entiti dalam menyediakan dan membentangkan penyata kewangan.	27.4 (c)
<b>Entiti Bersekutu</b>	Entiti yang pelaburnya mempunyai pengaruh signifikan.	34.6 (a)
<b>Entiti Berstruktur</b>	Entiti berstruktur ialah:  (i) Dalam kes entiti yang pengaturan atau perundangan pentadbiran biasanya merupakan faktor dominan untuk menentukan pihak yang mempunyai kawalan ke atas suatu entiti, suatu entiti yang telah direka bentuk supaya pengaturan atau perundangan pentadbiran bukan merupakan faktor dominan untuk menentukan pihak yang mengawal entiti tersebut, contohnya, apabila pengaturan mengikat adalah signifikan dalam	35.5 (a)

TERMA	DEFINISI	LOKASI
	<p>menentukan kawalan ke atas entiti dan aktiviti yang berkaitan diarahkan melalui pengaturan mengikat; atau</p> <p>(ii) Dalam kes entiti yang hak mengundi atau hak serupa biasanya merupakan faktor dominan untuk menentukan pihak yang mempunyai kawalan ke atas suatu entiti, suatu entiti yang telah direka bentuk supaya hak mengundi atau hak serupa bukan merupakan faktor dominan untuk menentukan pihak yang mengawal entiti, contohnya, apabila sebarang hak mengundi yang berkaitan dengan tugas pentadbiran sahaja dan aktiviti berkaitan diarahkan melalui pengaturan mengikat.</p>	
<b>Entiti Ekonomi</b>	Entiti mengawal dan entiti yang dikawalnya.	33.9 (b)
<b>Entiti Mengawal</b>	Entiti yang mengawal satu atau lebih entiti.	33.9 (c)
<b>Entiti Mengawal Muktamad</b>	Entiti mengawal yang paling utama dalam entiti ekonomi.	33.9 (d)
<b>Entiti yang Dikawal</b>	Entiti yang dikawal oleh entiti lain.	33.9 (e)
<b>Hak Menyingkir</b>	Hak untuk melucutkan kuasa pembuat keputusan.	33.9 (f)
<b>Hak Perlindungan</b>	Hak yang direka untuk melindungi kepentingan pihak yang memegang hak, tanpa pihak tersebut diberikan kuasa ke atas entiti yang berkaitan dengan hak tersebut.	33.9 (g)
<b>Hasil daripada Entiti Berstruktur (untuk tujuan Seksyen ini)</b>	Termasuk, tetapi tidak terhad kepada, yuran berulang dan tidak berulang, faedah, dividen atau pengagihan serupa, laba atau rugi pada pengukuran semula atau penyahiktirafan kepentingan dalam entiti berstruktur dan laba atau rugi daripada pemindahan aset dan liabiliti kepada entiti berstruktur.	35.5 (b)

TERMA	DEFINISI	LOKASI
<b>Imbuhan Personel Pengurusan Utama</b>	Sebarang balasan atau manfaat yang diperoleh secara langsung atau tidak langsung oleh personel pengurusan utama daripada entiti pelapor untuk perkhidmatan yang diberikan dalam kapasiti mereka sebagai ahli badan pentadbiran, atau sebagai pekerja entiti pelapor.	29.3 (b)
<b>Kaedah Ekuiti</b>	Kaedah perakaunan yang dengannya pelaburan diiktiraf pada mulanya pada harga kos dan dilaraskan selepas itu dengan perubahan pasca-pemerolehan bagi bahagian pelabur daripada aset bersih/ekuiti penerima pelaburan dalam entiti bersekutu atau usaha sama. Lebihan atau kurangan pelabur termasuk bahagiannya daripada lebihan atau kurangan penerima pelaburan dan dana amanah (merujuk kepada aset bersih/ekuiti) pelabur termasuk bahagiannya dalam perubahan dana amanah penerima pelaburan yang belum diiktiraf dalam lebihan atau kurangan penerima pelaburan.	34.6 (c)
<b>Kawalan</b>	Suatu entiti mengawal entiti lain apabila entiti tersebut terdedah, atau mempunyai hak terhadap pelbagai manfaat daripada penglibatannya dengan entiti lain dan mempunyai keupayaan untuk memberikan kesan kepada sifat atau amaun manfaat tersebut melalui kuasanya ke atas entiti lain tersebut.	33.9 (h)
<b>Kawalan Bersama</b>	Perkongsian kawalan dalam pengaturan yang dipersetujui dengan cara pengaturan mengikat, yang wujud hanya apabila keputusan tentang aktiviti berkaitan memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak yang berkongsi kawalan.	31.5 (a)
<b>Kawalan Bersama</b>	Perkongsian kawalan dalam pengaturan yang dipersetujui dengan cara pengaturan mengikat, yang wujud hanya apabila keputusan mengenai aktiviti berkaitan memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak yang berkongsi kawalan.	34.6 (b)

TERMA	DEFINISI	LOKASI
<b>Kepentingan Bukan Kawalan</b>	Dana amanah dalam entiti yang dikawal yang tidak dikaitkan secara langsung atau tidak langsung dengan entiti mengawal.	33.9 (i)
<b>Kepentingan dalam Entiti Lain (untuk tujuan Seksyen ini)</b>	Merujuk kepada penglibatan dengan cara pengaturan mengikat atau yang mendedahkan entiti kepada keberubahan manfaat daripada prestasi entiti lain. Kepentingan dalam entiti lain dapat dibuktikan dengan, tetapi tidak terhad kepada, pegangan instrumen ekuiti atau pembiayaan/pinjaman serta bentuk penglibatan lain seperti penyediaan dana, sokongan kecairan, peningkatan kredit dan jaminan. Ini termasuk cara bagaimana entiti mempunyai kawalan atau kawalan bersama, atau pengaruh signifikan ke atas, entiti lain. Entiti tidak semestinya mempunyai kepentingan dalam entiti lain semata-mata kerana terdapatnya hubungan biasa pembiaya/penerima atau pelanggan/pembekal.	35.5 (c)
<b>Kesilapan Tempoh Terdahulu</b>	<p>Ketinggalan daripada penyata kewangan dan salah nyata dalam penyata kewangan entiti bagi satu atau lebih tempoh terdahulu yang wujud akibat kegagalan menggunakan, atau salah guna, maklumat yang boleh dipercayai:</p> <p>(i) telah tersedia ketika penyata kewangan bagi tempoh itu diberi kebenaran untuk diterbitkan; dan</p> <p>(ii) boleh dijangka secara munasabah telah diperoleh dan diambil kira dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan itu.</p> <p>Kesilapan tersebut termasuk kesan kesilapan matematik, kesilapan dalam mengguna pakai dasar perakaunan, terlepas pandang atau salah tafsir fakta, dan penipuan.</p>	27.4 (d)
<b>Kuasa</b>	Terdiri daripada hak sedia ada yang memberikan keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti relevan bagi entiti lain.	33.9 (j)



TERMA	DEFINISI	LOKASI
<b>Manfaat</b>	Kelebihan yang diperoleh oleh entiti daripada penglibatan dengan entiti yang lain. Manfaat boleh berbentuk kewangan atau bukan kewangan. Impak sebenar daripada penglibatan entiti dengan entiti lain boleh mempunyai aspek positif atau negatif.	33.9 (k)
<b>Material</b>	Maklumat adalah material jika tertinggal, tersalah nyata atau mengaburkannya tersembunyi, maklumat tersebut boleh dijangka mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh pengguna utama bagi penyata kewangan tujuan umum berdasarkan penyata kewangan tersebut, yang memberikan maklumat kewangan tentang entiti pelapor tertentu.	27.4 (e)
<b>Operasi Bersama</b>	Pengaturan bersama iaitu pihak yang mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan tersebut mempunyai hak ke atas aset, dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan pengaturan tersebut.	31.5 (b)
<b>Operator Bersama</b>	Pihak dalam operasi bersama yang mempunyai kawalan bersama ke atas operasi bersama tersebut.	31.5 (c)
<b>Pembawa Berasingan</b>	Struktur kewangan yang boleh dikenal pasti secara berasingan, termasuk entiti sah berasingan atau entiti yang diiktiraf oleh undang-undang, tanpa mengambil kira sama ada entiti tersebut mempunyai personaliti sah.	31.5 (d)
<b>Pembuat Keputusan</b>	Entiti dengan hak membuat keputusan sama ada sebagai prinsipal atau ejen untuk pihak yang lain.	33.9 (l)
<b>Pengaruh Signifikan</b>	Kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan polisi kewangan dan operasi entiti lain tetapi tidak mengawal atau mempunyai kawalan bersama ke atas polisi tersebut.	34.6 (d)
<b>Pengaruh Signifikan (bagi tujuan Seksyen ini)</b>	Kuasa mengambil bahagian dalam membuat keputusan berkaitan dasar kewangan dan operasi entiti, tetapi tidak mengawal dasar tersebut. Pengaruh signifikan boleh dilaksanakan dalam beberapa cara, lazimnya melalui	29.3 (c)

TERMA	DEFINISI	LOKASI
	<p>perwakilan dalam lembaga pengarah atau badan pentadbiran yang setara dengannya, malahan juga, antaranya penyertaan dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) proses penggubalan dasar;</li> <li>(ii) transaksi yang material antara beberapa entiti dalam entiti ekonomi;</li> <li>(iii) pertukaran antara personel pengurusan; atau</li> <li>(iv) kebergantungan pada maklumat teknikal.</li> </ul> <p>Pengaruh signifikan boleh diperoleh melalui kepentingan pemilikan, undang-undang statut, atau perjanjian. Berkenaan dengan kepentingan pemilikan, pengaruh signifikan diandaikan selaras dengan takrif yang terkandung dalam Seksyen 34, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama.</p>	
<b>Pengaturan Bersama</b>	Pengaturan yang melibatkan dua atau lebih pihak mempunyai kawalan bersama.	31.5 (e)
<b>Pengaturan Bersama</b>	Pengaturan apabila dua atau lebih pihak mempunyai kawalan bersama.	34.6 (e)
<b>Pengaturan Mengikat</b>	Pengaturan yang memberikan hak dan obligasi yang boleh dikuatkuasakan kepada pihak yang berkaitan seolah-olah pengaturan tersebut adalah dalam bentuk kontrak, termasuk hak daripada kontrak atau hak undang-undang lain.	31.5 (f) 33.9 (m) 35.5 (d)
<b>Pengawasan</b>	Penyeliaan aktiviti entiti, dengan kuasa dan tanggungjawab untuk mengawal, atau melaksanakan pengaruh signifikan terhadap keputusan kewangan dan operasi entiti itu.	29.3 (d)
<b>Pengusaha Niaga Bersama</b>	Pihak dalam usaha sama yang mempunyai kawalan bersama ke atas usaha sama tersebut.	31.5 (g) 34.6 (f)

TERMA	DEFINISI	LOKASI
<b>Penyata Kewangan Berasingan</b>	Penyata yang dibentangkan oleh entiti, iaitu entiti boleh membuat pilihan, tertakluk kepada keperluan Seksyen ini, untuk mengakaunkan pelaburannya dalam entiti yang dikawal, usaha sama dan entiti bersekutu, sama ada pada kos, selaras dengan Seksyen 26, Instrumen Kewangan atau menggunakan kaedah ekuiti seperti yang dijelaskan dalam Seksyen 34, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama.	32.4 (a)
<b>Penyata Kewangan Disatukan</b>	Penyata kewangan entiti ekonomi, yang aset, liabiliti, dana amanah, hasil, belanja dan aliran tunai entiti mengawal dan entiti yang dikawal dibentangkan sebagai entiti ekonomi tunggal.	32.4 (b) 33.9 (n) 34.6 (g)
<b>Penyataan Semula Retrospektif</b>	Membetulkan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan amaun bagi elemen penyata kewangan seolah-olah kesilapan tempoh terdahulu tidak pernah berlaku.	27.4 (g)
<b>Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan</b>	Peristiwa yang memuaskan dan tak memuaskan yang berlaku antara tarikh pelaporan dan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan. Dua jenis peristiwa yang boleh dikenal pasti:  (i) Peristiwa yang memberikan bukti keadaan yang wujud pada tarikh pelaporan (peristiwa perlu palarasan selepas tarikh pelaporan); dan  (ii) Peristiwa yang merupakan petunjuk kepada keadaan yang wujud selepas tarikh pelaporan (peristiwa tak perlu palarasan selepas tarikh pelaporan).	28.4 (a)

TERMA	DEFINISI	LOKASI
<b>Personel Pengurusan Utama</b>	<p>Personel pengurusan utama ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Semua pengarah atau ahli badan pentadbiran entiti tersebut; dan</li> <li>(ii) Orang lain yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah, dan mengawal aktiviti entiti pelapor. Jika keperluan ini dipenuhi, personel pengurusan utama termasuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Apabila ahli tersebut merupakan ahli badan pentadbiran dalam entiti kerajaan, yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah, dan mengawal aktiviti entiti pelapor;</li> <li>b. Mana-mana penasihat utama kepada ahli tersebut; dan</li> <li>c. Kumpulan pengurusan kanan entiti pelapor, termasuk ketua eksekutif atau ketua tetap bagi entiti pelapor, melainkan jika sudah termasuk dalam (a).</li> </ul> </li> </ul>	29.3 (e)
<b>Perubahan dalam Anggaran Perakaunan</b>	<p>Pelarasan amaun bawaan bagi sesuatu aset atau liabiliti, atau amaun penggunaan berkala bagi sesuatu aset, yang terhasil daripada pentaksiran status semasa, serta jangkaan manfaat masa hadapan dan obligasi yang dikaitkan dengan aset dan liabiliti. Oleh itu, perubahan dalam anggaran perakaunan yang terhasil daripada maklumat atau perkembangan baharu adalah bukan merupakan pembetulan kesilapan.</p>	27.4 (f)
<b>Peruntukan</b>	<p>Kuasa yang diberikan oleh badan perundangan untuk memperuntukkan dana bagi tujuan yang ditentukan oleh pihak berkuasa.</p>	30.5 (i)
<b>Pihak Berkaitan</b>	<p>Beberapa pihak dianggap berkaitan jika satu pihak mempunyai kemampuan untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) mengawal pihak yang lain; atau</li> </ul>	29.3 (f)

TERMA	DEFINISI	LOKASI
	<p>(ii) melaksanakan pengaruh signifikan terhadap pihak yang lain dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau jika entiti pihak berkaitan dan entiti lain tertakluk kepada kawalan yang sama.</p> <p>Pihak berkaitan termasuk:</p> <p>(i) Entiti yang secara langsung, atau tidak langsung melalui satu atau lebih perantara, mengawal, atau dikawal oleh, entiti pelapor tersebut;</p> <p>(ii) Entiti Bersekutu (rujuk Seksyen 34, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama);</p> <p>(iii) Individu yang memiliki, secara langsung atau tidak langsung, kepentingan dalam entiti pelapor yang memberikan mereka pengaruh signifikan terhadap entiti, dan ahli keluarga terdekat individu berkenaan;</p> <p>(iv) Personel pengurusan utama, dan ahli keluarga terdekat mereka; dan</p> <p>(v) Entiti yang sebahagian besar kepentingan pemilikannya dipegang secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana individu yang diterangkan dalam (iii) atau (iv), atau individu tersebut boleh melaksanakan pengaruh signifikan.</p>	
<b>Pihak dalam Pengaturan Bersama</b>	Entiti yang mengambil bahagian dalam pengaturan bersama, tanpa mengambil kira sama ada entiti mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan tersebut.	31.5 (h)
<b>Tidak Praktikal</b>	Apabila suatu entiti tidak dapat melaksanakan sesuatu keperluan setelah berusaha sedaya upaya untuk berbuat demikian. Bagi tempoh terdahulu yang tertentu, adalah tidak praktikal untuk membuat perubahan dalam suatu dasar perakaunan secara retrospektif atau membuat	27.4 (h)

TERMA	DEFINISI	LOKASI
	<p>penyataan semula secara retrospektif bagi membetulkan kesilapan jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) kesan aplikasi retrospektif atau pernyataan semula retrospektif tidak dapat ditentukan;</li> <li>(ii) aplikasi retrospektif atau pernyataan semula retrospektif memerlukan andaian mengenai hasrat pihak pengurusan dalam tempoh tersebut; atau</li> <li>(iii) aplikasi retrospektif atau pernyataan semula retrospektif memerlukan anggaran amaun yang signifikan dan adalah mustahil untuk membezakan secara objektif maklumat tentang anggaran itu yang: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. memberikan bukti tentang keadaan yang wujud pada tarikh amaun itu akan diiktiraf, diukur, atau didedahkan; dan</li> <li>b. tersedia apabila penyata kewangan bagi tempoh terdahulu itu dibenarkan untuk diterbitkan;</li> </ul> </li> </ul> <p>daripada maklumat lain.</p>	
<b>Transaksi Pihak Berkaitan</b>	Pindahan sumber atau obligasi antara beberapa pihak berkaitan, sama ada harga dikenakan atau tidak. Transaksi pihak berkaitan tidak termasuk transaksi dengan mana-mana entiti lain yang merupakan pihak berkaitan semata-mata kerana kebergantungan mereka dari segi ekonomi kepada entiti pelapor atau kepada kerajaan yang entiti tersebut adalah sebahagian daripadanya.	29.3 (g)
<b>Usaha Sama</b>	Pengaturan bersama iaitu pihak yang mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan tersebut mempunyai hak ke atas aset bersih pengaturan.	31.5 (i)
<b>Usaha Sama</b>	Pengaturan bersama apabila pihak yang mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan tersebut mempunyai hak ke atas aset bersih pengaturan tersebut.	34.6 (h)

